



**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 32

Isnin

9 November 2020

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Perbekalan 2021	(Halaman 24)
USUL: Usul Anggaran Pembangunan 2021	(Halaman 24)

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA
Isnin, 9 November 2020

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua: Kita hendak mulakan pertanyaan bagi jawab lisan, saya jemput Yang Berhormat Sik untuk pertanyaan pertama.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: *Assalamualaikum warahmatullaahi*
Tuan yang di-Pertua,

*Cintai Baitulmuqaddis lambang keimanan,
Palestin-Malaysia kukuh bersatu,
Terima kasih Tuan Yang di-Pertua budiman,
Soalan saya nombor satu.*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik] minta Menteri Luar Negeri menyatakan langkah-langkah proaktif bersama badan antarabangsa seperti OIC bagi menyatakan bantahan berkaitan rancangan ketidakadilan normalisasi negara Israel untuk mengiktiraf penjajahan mereka ke atas Palestin.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Kamarudin Jaffar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Sik. *Assalamualaikum warahmatullaahi* dan salam sejahtera. Kita mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Sik atas pertanyaan yang dikemukakan. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, isu normalisasi hubungan dengan negara Israel ini telah mengundang pelbagai reaksi dalam kalangan masyarakat antarabangsa, termasuk di peringkat Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) serta mewujudkan dimensi baharu dalam dinamik geopolitik di rantau Asia Barat.

Dr Yousef Al-Othaimen, Setiausaha Agung OIC telah mengeluarkan satu kenyataan pada 24 Ogos 2020 sebagai maklum balas OIC terhadap isu normalisasi dengan Israel untuk mengiktiraf penjajahan mereka ke atas Palestin. Beliau mengulangi sokongan padu OIC terhadap Palestin dan menekankan bahawa isu

Palestin dan Al-Quds merupakan punca utama penubuhan OIC dan merupakan sumber kekuatan serta perpaduan OIC. Beliau menegaskan normalisasi hubungan di antara negara-negara anggota dengan Israel tidak akan berlaku sehingga berakhirnya penjajahan Israel ke atas tanah Arab dan Palestin yang diduduki semenjak tahun 1967.

Dalam menyelesaikan isu Palestin, beliau turut menegaskan bahawa OIC senantiasa berpegang teguh kepada:

- (i) undang-undang antarabangsa;
- (ii) Inisiatif Damai Arab (*Arab Peace Initiative*); dan
- (iii) penyelesaian dua negara (*two-states solution*).

OIC sentiasa menyokong usaha-usaha bagi membolehkan rakyat Palestin mencapai aspirasi dan hak-hak mereka yang sah. Sebagaimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, Kerajaan UAE telah mengumumkan keputusan untuk mengadakan hubungan diplomatik dengan Israel pada 13 Ogos 2020. Langkah tersebut kemudiannya telah dituruti oleh Bahrain yang mengumumkan persetujuan untuk mengadakan hubungan diplomatik dengan Israel pada 11 September 2020 dan seterusnya Sudan pula pada 23 Oktober 2020.

UAE dan Bahrain telah menandatangani apa yang dipanggil The Abraham Accords dengan Israel pada 15 September 2020 dengan disaksikan oleh Amerika Syarikat. Manakala bagi Sudan pula, perjanjian pemeteraian hubungan diplomatik dengan Israel dijangka akan berlaku setelah ia diperakukan oleh Majlis Perundangan Kerajaan Peralihan Sudan. Susulan pemeteraian Abraham Accords tersebut, UAE, Bahrain dan Israel dilihat telah mengadakan beberapa siri perbincangan dan rundingan untuk meneroka peluang kerjasama dalam pelbagai bidang, khususnya ekonomi dan keselamatan.

Sememangnya langkah normalisasi hubungan dengan Israel ini yang diterajui oleh Amerika Syarikat selaku sekutu kuat Israel dalam usaha untuk mengetengahkan dan meyakinkan dunia ke atas pelan damai yang dipanggil "*The Deal of the Century*". Seperti yang diketahui umum, pelan tersebut sangat berat sebelah dan hanya menguntungkan pihak Israel. Usaha Amerika Syarikat ini tidak berhenti setakat UAE, Bahrain dan Sudan sahaja, Amerika Syarikat dilihat turut melobi sokongan daripada beberapa buah negara di rantau Asia Barat seperti Arab Saudi, Kuwait dan Qatar untuk mengadakan hubungan diplomatik dengan Israel. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kementerian Luar Negeri kita sentiasa mengikuti perkembangan terkini di rantau Asia Barat, termasuk isu normalisasi hubungan dengan Israel.

Mengambil kira kepentingan strategi Malaysia di rantau Asia Barat serta hubungan-hubungan dua hala dengan negara-negara yang berkaitan, Kerajaan

Malaysia akan senantiasa menangani isu ini dengan penuh teliti dan berhati-hati. Keputusan untuk menjalinkan hubungan diplomatik dengan mana-mana negara adalah merupakan hak mutlak sesebuah negara yang berdaulat. Dalam hal seperti ini, Kerajaan Malaysia mengamalkan dasar tidak campur tangan dalam urusan domestik negara lain. Atas prinsip ini juga ia tidak akan menggugat hubungan baik Malaysia dengan negara-negara lain yang mempunyai hubungan diplomatik dengan Israel. Dalam konteks ini, Malaysia akan terus memantau perkembangan ini dari semasa ke semasa.

Implikasi-implikasi daripada perubahan pentadbiran di Amerika Syarikat juga yang sedang berlaku sekarang ini sedang kita pantau. Selari dengan dasar ini, mana-mana tindakan mana-mana negara untuk membenarkan laluan pesawat komersial di ruang udara mereka juga adalah hak kedaulatan negara tersebut. Namun, saya ingin ketengahkan dan tegaskan di Dewan yang mulia ini bahawa perkembangan-perkembangan yang berlaku ini tidak akan menggugat pendirian teguh dan berprinsip Kerajaan Malaysia yang sentiasa menyokong pembentukan sebuah negara Palestin yang berdaulat melalui penyelesaian dua negara berdasarkan garis sempadan 1967 dan Baitulmuqaddis sebagai ibu kota Palestin.

■1010

Malaysia amat memahami ketidakpuasan hati rakyat Palestin. Palestin berhak untuk menzahirkan kekecewaannya setelah sekian lama ditindas oleh rejim Israel. Malaysia akan terus menyokong usaha jujur, konkrit dan realistik untuk mencari jalan penyelesaian yang adil dan berkekalan terhadap konflik Israel-Palestin. Ini berdasarkan peruntukan undang-undang antarabangsa dan resolusi PBB yang berkaitan melalui rundingan yang melibatkan pihak-pihak yang berkenaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab soalan yang sangat kukuh. Di ketika mana normalisasi sedang berjalan, kita sedia maklum bahawa sudah lebih 30 peratus tanah penduduk Palestin telah dirampas secara tidak sah oleh rejim Israel. Itu laporan oleh Ketua Hak Asasi Manusia PBB.

Kita juga saksikan ketika ini lebih 2 juta rakyat di semenanjung Gaza sedang dikepong dan mereka menghadapi krisis kemanusiaan dan dilaporkan lebih 4,400 penduduk Palestin yang sedang ditahan di seluruh penjara di Israel. Kita melihat bahawa badan OIC itu sendiri masih lagi dalam keadaan yang lemah, lesu dan tidak berkeupayaan untuk menjadi badan pelindung kepada rakyat Palestin khususnya dalam mengekang ketidakadilan normalisasi itu.

Jadi soalan saya Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah dengan penuh bijaksana Malaysia bercadang dan bersedia untuk mewujudkan satu forum kerjasama baharu negara-negara Islam bagi mengambil fungsi dan tugas yang lebih bertanggungjawab untuk menggantikan OIC bagi berperanan lebih ke hadapan untuk membela seluruh umat Islam khususnya di negara Palestin dan negara-negara yang ditindas? Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Kamarudin Jaffar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Sik, yang saya amat mengetahui komitmen beliau terhadap perjuangan dan kebebasan rakyat di seluruh dunia ini amatlah kita kagumi, bukan sahaja kes di Israel-Palestin tetapi juga di tempat-tempat yang lain seperti di Myanmar (Rohingya) dan sebagainya.

Untuk menjawab soalan tambahan tersebut, secara umumnya kita perlu menegaskan bahawa dasar negara kita dalam hubungan antarabangsa dan penyelesaian isu-isu antarabangsa masih lagi berpegang kepada kaedah sama ada pelbagai hala (multilateral) ataupun bilateral.

Secara umumnya kita menganggap bahawa OIC dan juga Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu masih mempunyai peranan dan boleh memainkan peranannya. Dalam kes OIC, kita ketahui walaupun apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Sik tadi tetapi secara umumnya Setiausaha Agung OIC sebagaimana saya lafazkan dalam jawapan asal tadi telah pun menyatakan kenyataan tegas menentang apa yang sedang berlaku.

Keduanya, saya ingin menyatakan dan menjelaskan sekali lagi bahawa Malaysia ada peranan penting yang akan terus kita mainkan dalam OIC. Pada sekarang ini pun Malaysia adalah Ahli Jawatankuasa Enam OIC mengenai Palestin atau dengan izin, *OIC Committee of Six on Palestine* dan juga kita merupakan anggota kumpulan perhubungan dalam mempertahankan perjuangan Palestin dan Al-Quds Al-Sharif ataupun dengan izin *OIC Contact Group on Defending Cause of Palestine and Al-Quds Al-Sharif*.

Ini bermakna kita ada peranan di peringkat multilateral khususnya. Kita ada peranan dalam OIC dan saya yakin bahawa jika kita teruskan dan tingkatkan lagi peranan kita, kita akan dapat mencapai kejayaan tanpa kita didesak untuk terpaksa mewujudkan platform-platform yang lain. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Pontian?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ya, boleh soalan tambahan?

Tuan Yang di-Pertua: Ringkas ya.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ya. Joe Biden adalah merupakan Presiden baharu Amerika Syarikat dan tentunya berbeza dengan Donald Trump. Adakah pandangan Wisma Putra melihat bahawa hubungan antara Palestin dan Israel akan lebih baik di bawah pemerintahan Presiden baharu ini? Terima kasih.

Dato' Kamarudin Jaffar: Terima kasih Yang Berhormat Pontian, soalan yang berkaitan dengan apa yang saya bangkitkan, sebutkan juga dalam jawapan asal iaitu perkembangan politik dan perubahan pentadbiran negara Amerika Syarikat sedang kita pantau khususnya dalam kes yang disoalkan berkaitan dengan kes Palestin dan dalam kes-kes yang lain.

Sudah tentu kita mempunyai dan meletakkan harapan supaya perubahan pentadbiran di Amerika Syarikat itu dan ada kita baca kenyataan-kenyataan sebelum ini sedikit memberi harapan positif untuk perubahan yang lebih baik dalam suasana Palestin-Israel ini. Akan tetapi apa-apa pun kita harus berusaha supaya apa yang kita hajati di kalangan negara-negara seluruh dunia untuk melihat Palestin terwujud sebagai sebuah negara yang bebas mestilah kita teruskan dengan adanya pentadbiran yang baharu di Amerika Syarikat ini. Terima kasih.

2. Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Pandan] minta Menteri Sumber Manusia menyatakan apakah langkah dan tindakan kerajaan dalam menangani masalah kekurangan peluang pekerjaan untuk graduan baru serta pekerja-pekerja yang diberhentikan kerja akibat kemelesetan ekonomi tahun ini.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Tuan Haji Awang bin Hashim]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Pandan yang membangkitkan soalan tentang tindakan dan langkah kerajaan berkenaan dengan masalah peluang pekerjaan dan juga masalah graduan. Jadi saya hendak minta izin daripada Tuan Yang di-Pertua untuk mengambil masa sedikit. Agak panjang jawapannya kerana ia bersangkutan terus dengan pandemik COVID-19 ini.

Tuan Yang di-Pertua: Jangan panjang sangat ya. *[Ketawa]*

Tuan Haji Awang bin Hashim: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, kerajaan sedang berusaha agar pelbagai peluang pekerjaan dapat diwujudkan dan ditawarkan kepada graduan serta pekerja-pekerja yang diberhentikan akibat kemelesetan ekonomi tahun ini, ditambahkan lagi dengan pandemik COVID-19 yang di luar jangkaan dan tidak dalam perancangan. Tiba-tiba pandemik COVID-19 ini datang ke Malaysia dan seluruh dunia.

Beberapa inisiatif sedang dan akan dilaksanakan oleh kerajaan. Antaranya penambahbaikan ekosistem tenaga bakat muda, negara dan pembangunan kebolehpasaran graduan melalui pelaksanaan program oleh TalentCorp. Pencapaian

aktiviti bagi tahun 2020 sehingga 6 November 2020, seramai 3,037 orang telah menyertai Program Latihan Industri Berstruktur atau *Structured Internship Program* (SIP). Seramai 128,000 orang yang telah menyertai *Nurturing Expert Talent* (NEXT) dan juga seramai 6,922 orang telah menyertai *Scholarship Talent Attraction and Retention* (STAR).

Seramai 2,237 orang telah menyertai *Young Employable Student* (YES) dan kita juga mengadakan program dua sesi Kolaborasi Industri Akademia (AIC) telah diadakan di antara Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), *medical industry* dan UiTM *general study*. Ini kolaborasi yang telah kita laksanakan untuk mengisi seperti mana soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pandan.

Seterusnya, melaksanakan latihan-latihan kemahiran yang bersifat *internship* seperti Sistem Latihan Dual National (SLDN) untuk meningkatkan jumlah peluang pekerjaan berkemahiran tinggi. Konsep SLDN adalah sistem pembelajaran di mana 70 sehingga 80 peratus latihan praktikal dilaksanakan di tempat kerja dan 20 peratus sehingga 30 peratus pembelajaran teori di pusat latihan.

Melaksanakan program insentif pengambilan pekerja iaitu program *Hiring Incentive Programme*. Dengan bantuan mobiliti dan program latihan di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) yang telah diuar-uarkan sebelum ini, disambung lagi dengan PENJANA yang kita umumkan baru-baru ini.

Dalam program MyApprentice, keutamaan diberi kepada graduan baharu atau *fresh graduate* atau pelajar lepasan sekolah. Insentif kewangan sebanyak RM600 bagi pengambilan perantis dari kalangan graduan baharu atau *fresh graduate*, dengan izin. Seramai 4,724 perantis telah berjaya ditempatkan di bawah program MyApprentice. Dalam HireMalaysia ataupun pengambilan pekerja tempatan juga termasuk graduan, kita telah berjaya menempatkan 56,315 pekerja yang telah kita isi, termasuk graduan-graduan.

Saya hendak memaklumkan yang terakhir dan terkini kerana jawapan saya panjang dan masa pun sudah habis. Selain itu kerajaan juga telah melaksanakan portal perkhidmatan pekerjaan nasional yang dikenali sebagai MYFutureJobs bagi membantu graduan mendapatkan pekerjaan. Sejak MYFutureJobs diperkenalkan, 95,161 permohonan telah berjaya ditempatkan dan seramai 44,940 adalah dalam lingkungan umur 20 ke 29 tahun termasuk graduan dan juga *fresh graduate*.

■1020

Bagi memudahkan graduan mencari kerja, pihak kementerian telah mengarahkan PERKESO untuk melaksanakan Program Karnival PenjanaKerjaya. Setakat 30 Oktober 2020, sebanyak 229 program karnival pekerjaan telah dilaksanakan melibatkan penyertaan sejumlah 541 majikan dan berjaya menempatkan

seramai 4,060 orang para graduan dan pencari kerja yang lain. Jadi, mengadakan sesi libat urus bersama industri juga kita susun atur bagi kita ada kerjasama antara pihak majikan swasta dan juga pihak kerajaan dalam kita melaksanakan tuntutan graduan-graduan kita dan juga mereka yang terlibat dalam pandemik COVID-19 dalam pembuangan kerja dan sebagainya.

Jadi saya ingat itu jawapan saya daripada kementerian, walaupun ada panjang lagi, kita menghormati masa yang diberikan oleh Tuan Yang di-Pertua. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya rasa yang selebihnya itu boleh diberi secara bertulis. Dipersilakan Yang Berhormat, soalan tambahan.

Dato' Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail [Pandan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab. Saya hendak tahu tentang keberkesanan— Ini kerana, jawapannya memang panjang lebar dan banyak juga program-program yang dikatakan. Akan tetapi, jika kita ambil *sampling* satu dapatan daripada Pandan. Kita dari tiga bulan dahulu kita membuat satu *job fair*— terima kasih juga kepada kementerian kerana telah menolong. Kita ada 10 *companies* yang telah mengambil bahagian, tetapi daripada seramai 253 orang yang mencari kerja, daripada peringkat siswazah sampailah PMR sahaja tetapi tidak mendapat kerja. Hanya 26 orang sahaja yang berjaya.

Jadi, saya hendak tahu tentang keberkesanan. Ini kerana banyak program dijalankan, tetapi majikan mahukan *transferable skills*, dengan izin. Oleh sebab itu, tidak dapat kepadanan itu. Itu yang saya hendak tanya, kerana keberkesanan— kita hendak dapat banyak apa yang dikatakan yang cantik-cantik yang dikata dan diuar-uarkan program yang elok-elok tetapi apakah berkesan? Bagaimanakah kita menolong mereka yang tidak mendapat pekerjaan selepas semua program ini dijalankan? Terima kasih.

Tuan Haji Awang bin Hashim: Terima kasih Yang Berhormat Pandan yang membangkitkan keberkesanan. Memang seperti yang saya maklum tadi, keberkesanan dia sejumlah 95,161 permohonan telah berjaya ditempatkan dan seramai 44,940 orang peserta adalah lingkungan umur antara 20 tahun ke 29 tahun termasuk *graduate*. Itu daripada segi angka keberkesanan yang kita bangkit. Akan tetapi kita ada lagi maklumat tambahan dalam soalan tambahan yang dibangkitkan iaitu dalam Pelan Jana Semula Ekonomi Negara. Bila kita kaitkan dengan keberkesanan, ini adalah satu strategi bagaimana kita hendak membantu graduan-graduan kita dan juga mereka yang terlibat dalam pembuangan kerja yang mana menjadi satu fenomena baharu dalam negara seperti mana kemelesetan ekonomi. Ini

bukan sahaja di Malaysia bahkan seluruh dunia dan ditambahkan lagi dengan pandemik COVID-19 ini.

Kita lihat sebagai medium untuk memperkasakan program-program latihan dan peningkatan kemahiran sedia ada, sekali gus mampu membantu kadar pengangguran di negara ini. Ini adalah yang kita ukur daripada segi angka-angka yang kita dapat daripada DOSM sebagai satu *indicator* dengan izin, kepada keberkesanan pelaksanaan yang kita telah lakukan. Menerusi peruntukan sebanyak RM2 bilion ini, PENJANA juga mampu meningkatkan keupayaan program kemahiran dan menyediakan kemahiran baharu yang menepati kehendak semasa kerajaan termasuklah kita mengadakan program-program untuk penganggur seperti melibatkan *upskilling* dan *reskilling*. Ia adalah penting.

Jadi, kelulusan yang kita tengok kepada graduan-graduan untuk memberi keberkesanan kepada strategi yang kerajaan aturkan ini, kita juga melihat kepada mereka yang berminat untuk menggaji calon-calon dalam kategori ini termasuk CGPA yang— adapun kita melihat juga, ketidaksepadanan antara bidang pengajian sesetengah siswazah dengan keperluan dalam pasaran kerja. *Job matching* pun kita mengambil kira untuk kita melihat kepada keberkesanan dalam pasaran yang kita melihat semakin bertambah akibat daripada pandemik COVID-19 ini.

Kegagalan kita untuk melihat kekosongan. Jadi, kita membantu siswazah yang mana kita melihat kekosongan pekerjaan termasuk dalam MYFutureJobs dan juga daripada Jabatan Tenaga Kerja. Kita akan berhubung ataupun kita ada *liaise* dengan SPA dan juga JPA bagi kita menempatkan serta memberitahu penganggur-penganggur dan juga graduan-graduan ini termasuk mereka yang dibuang kerja akibat pandemik COVID-19 ini, bahawa peluang kerja yang ada seperti mana yang diumumkan dalam bajet. Baru-baru ini pun masih ada lagi pekerjaan yang kita akan sediakan lebih kurang sebanyak 500,000 peluang pekerjaan yang kita akan menempatkan kepada mereka yang terlibat dalam pandemik COVID-19 ini.

Seterusnya, kita akan melihat kepada kemahiran— kepada siswazah juga. Ini adalah kriteria-kriteria yang kita sedang melihat bagi kita hendak *fulfill* ataupun memenuhi kehendak pasaran iaitu *soft skills* yang— kalau kita melihat mereka ada *soft skills* yang rendah, kita akan pertingkatkan melalui *upskill* ataupun *reskilling* yang kita telah atur. Kita juga membuat *mismatch* antara bidang pengajian dengan kekosongan jawatan yang wujud. Kita juga mengarahkan pihak majikan supaya tidak sewenang-wenangnya membuang pekerja. Ini kerana, kita juga mengambil— dalam masa yang sama kerajaan mengambil masa yang sama membantu majikan-majikan yang menghadapi masalah ketika pandemik COVID-19.

Itulah indikator-indikator yang kita boleh masuk. Kita juga sekarang ini sedang mengenal pasti daripada badan pentafsiran *World Economic Forum* (WEF) yang mana mereka telah menggariskan sebanyak 10 sektor pekerjaan yang akan terlibat *decline* ataupun tidak akan wujud selepas pandemik COVID-19 iaitu yang melibatkan kerja *data-entry clerk*, yang keduanya *accounting book-keeping* dan juga *payroll clerk* yang kemungkinan tidak akan berlaku lagi pada masa akan datang. *Administrative and executive secretaries, assembly and factory workers, client information and customer service workers, business services and administration managers, accountants and auditors, material-recording and stock-keeping clerks.*

Ini jangkaan yang dibuat oleh WEF yang mungkin selepas pandemik COVID-19 ini, satu norma baharu akan berlaku yang mana pekerjaan akan digantikan dengan data 10 *emerging roles and global changes* iaitu *data analysis...*

Tuan Yang di-Pertua: Tolong ringkaskan Yang Berhormat.

Tuan Haji Awang bin Hashim: *Okay, the last one. Machine learning specialists.* Jadi maknanya, kita kerajaan perlu persediaan sekiranya perkara ini betul-betul berlaku. Apakah yang kita perlu untuk kita mengatasi jawatan-jawatan pekerjaan yang seperti yang disebut tadi, yang mana digantikan dengan *software and application developers and analysts, big data specialists, sale and marketing professionalism, digital transformation specialists, new technology specialists, organization development specialists* dan *information technology services*. Inilah jawatan-jawatan yang akan menggantikan yang mana *insya-Allah* kalau berlaku betul-betul seperti mana yang disebut oleh WEF ini yang mana akan *decline* 10 jawatan diganti dengan teknologi baharu dengan norma baharu, iaitu 10 jawatan baharu, *insya-Allah*. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Papar minta laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Maaf sebenarnya kita sudah bersetuju untuk satu soalan tambahan.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Papar.

Tuan Yang di-Pertua: Maaf, maaf.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Tadi Yang Berhormat Pontian bagi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tersilap tadi. Maaf.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Papar.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Ini Yang Berhormat Pontian dah bagi.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingin menjemput Yang Berhormat Hulu Rajang untuk soalan yang seterusnya.

Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong [Hulu Rajang]: Itulah yang saya tunggu-tunggu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

*Walau langit ditutupi awan,
Mentari tetap memancar sinaran,
Pesakit datang penuh harapan,
Soalan nombor tiga mohon YB Timbalan Menteri beri jawapan.*

3. Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong [Hulu Rajang] minta Menteri Kesihatan menyatakan sekiranya pihak kementerian bercadang untuk:-

- (a) menyediakan 'CT scanner' di Hospital Kapit ; dan
- (b) menambah mesin dialisis di Hospital Kapit, di Klinik Kesihatan Song, di Klinik Kesihatan Belaga, di Klinik Kesihatan Sungai Asap dan di Klinik Kesihatan Tubau.

Timbalan Menteri Kesihatan II [Datuk Aaron Ago Dagang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Hulu Rajang. Bagi menjawab soalan yang diajukan, projek pembinaan bangunan baharu bagi menempatkan mesin *CT scanner* di Hospital Kapit, Sarawak telah ditenderkan pada bulan Ogos 2019 secara tender terbuka.

Penilaian tender telah dilaksanakan dan dalam peringkat dimuktamadkan pemilihan. Kementerian Kewangan (MOF) telah bersetuju meluluskan perakuan Lembaga Perolehan Kementerian Kesihatan supaya projek ditawarkan kepada syarikat pada harga anggaran jabatan. Pihak syarikat telah bersetuju untuk menerima tawaran kerajaan dengan beberapa syarat melalui surat mereka bertarikh 14 Oktober 2020.

■1030

Penilaian ke atas syarat-syarat persetujuan syarikat tersebut sedang dilaksanakan dan akan diangkat ke Lembaga Perolehan Kementerian Kesihatan untuk dimuktamadkan.

Seterusnya Yang Berhormat, bagi soalan mengenai mesin hemodialisis. Pada tahun 2015, Hospital Kapit telah menerima peruntukan bagi perolehan enam buah mesin hemodialisis baharu dan menaik taraf ruang rawatan hemodialisis supaya dapat menyediakan rawatan hemodialisis kepada lebih ramai pesakit. Pada tahun 2019 pula, Hospital Kapit telah menerima peruntukan RM40,000 bagi perolehan '.....' *machine reprocessor*. Hospital Kapit juga telah menerima peruntukan bagi perolehan sebuah mesin hemodialisis pada tahun 2020 dan sehingga kini, terdapat 14 buah mesin hemodialisis di Hospital Kapit.

Untuk hemodialisis di Kapit, tidak mempunyai ruang lebih lagi untuk menempatkan penambahan mesin hemodialisis baharu dan pada masa yang sama,

tiada ruang yang boleh dinaiktarafkan di Hospital Kapit untuk dijadikan ruang tambahan bagi rawatan hemodialisis. Kini, Kementerian Kesihatan sedang mengkaji keperluan tambahan mesin hemodialisis di Hospital Kapit di samping mengenal pasti tempat yang sesuai untuk membina unit hemodialisis baharu bagi menampung peningkatan bilangan pesakit yang memerlukan rawatan hemodialisis di sana.

Bagi unit hemodialisis di Klinik Kesihatan Song, terdapat tujuh buah mesin hemodialisis telah ditempatkan bagi menampung pertambahan pesakit yang memerlukan rawatan hemodialisis di bahagian Kapit. Untuk hemodialisis, Klinik Kesihatan Song juga telah menerima peruntukan bagi pembelian sebuah mesin baharu pada tahun 2020 ini. Buat masa kini, Klinik Kesihatan Song belum memerlukan penambahan mesin hemodialisis, tetapi dengan penambahan petugas perubatan terlatih dalam rawatan hemodialisis yang ditempatkan akan dapat menyediakan tambahan slot rawatan hemodialisis kepada pesakit.

Seterusnya bagi Klinik Kesihatan Belaga, Klinik Kesihatan Sungai Asap dan Kesihatan Tubau, buat masa kini tiada hemodialisis dibina di fasiliti kesihatan di sana kerana jumlah pesakit yang sedikit. Untuk makluman, pesakit dari daerah tersebut akan dan sedang menjalani rawatan hemodialisis di Hospital Bintulu. Terima kasih.

Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang saya tunggu-tunggu ini. Jadi, terima kasih kerana telah memberi kebenaran untuk memberi satu *CT Scan* ke Hospital Kapit.

Kedua, Yang Berhormat Timbalan Menteri faham keadaan Parlimen Hulu Rajang ini. Jadi saya dengar tadi mesin dialisis untuk peruntukan Hospital Kapit akan ditambah dan juga Song. Selain daripada itu, ibu tunggal yang sentiasa kalau hendak pergi dari Kapit pergi ke Song, kos pengangkutannya lebih tinggi dan masa berulang alik juga mengambil masa yang panjang Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Kedua untuk Sungai Asap, Tubau dan Belaga, mereka ini walaupun jumlahnya kecil tetapi mereka terpaksa pergi ke Bintulu dan kos agak tinggi dan mengorbankan pesakit-pesakit tersebut dan juga masa berulang alik Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jadi saya mohon supaya kalau boleh, lengkapkan Klinik Tubau, Belaga dan Sungai Asap supaya mereka juga dapat manfaat daripada mesin-mesin tersebut. Terima kasih.

Datuk Aaron Ago Dagang: Terima kasih Yang Berhormat Hulu Rajang. Saya faham keadaan sebenar di kawasan Kapit dan juga kawasan Sungai Asap, Belaga dan sebagainya. Di Kapit dengan Song, masalahnya adalah pesakit di Kapit yang menjalani hemodialisis ini, mereka ditempatkan di Song tetapi mereka lebih menyukai untuk dibuat di Kapit sebab seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat, adalah mereka ini jauh dari Song. Kita telah melihat keadaan ini dan sebab itu kita pun— saya

dengan Yang Berhormat pun telah melawat Hospital Kapit dan kita sedang mencari tempat untuk menambahkan tempat untuk kita dapat menambahkan *hemodialysis machine* di kawasan di sana.

Bagi Sungai Asap, Tubau dan Belaga, kita telah pun melawat kawasan tersebut. Sekarang ini cuma lapan orang pesakit hemodialisis yang dirawat di Bintulu. Tiga dari Sungai Asap dan lima dari Tubau. Kalau mengikut kriteria untuk kita menubuhkan hemodialisis di hospital, kita menggalakkan di hospital, kita mempunyai *at least* di antara 20 ataupun 32 orang pesakit untuk kita menempatkan tiga ke empat mesin dengan pegawai ataupun staf minimum tiga orang. Oleh sebab itu kawasan yang disebutkan, Sungai Asap dan Tubau itu tadi sekarang ini belum dapat ditubuhkan tempat hemodialisis di sana. Akan tetapi kita telah pun merancang untuk membuat dan membina satu hospital besar di kawasan Bakun, Belaga dan Sungai Asap supaya hospital ini kemudian akan ditempatkan *hemodialysis center* untuk kawasan-kawasan yang jauh dari Belaga, Sungai Asap dan sebagainya. Sekian, terima kasih.

4. Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta Menteri Pertanian dan Industri Makanan menyatakan sejak 2008 hingga kini berapa benih padi baru yang telah dihasilkan oleh pusat-pusat penyelidikan. Jika ada, di mana tanaman dibuat dan berapakah hasilnya per hektar.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat 17 varieti benih padi yang telah diisytiharkan oleh kerajaan sejak tahun 2008 dan 52 varieti padi telah diisytiharkan sejak tahun 1964. Daripada jumlah tersebut, 15 varieti dihasilkan oleh Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), manakala dua varieti dihasilkan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Varieti benih padi ini terdiri daripada padi biasa atau *inbred*, padi wangi, padi warna, padi rintang racun herba dan padi aerobik.

Pada masa ini, varieti benih padi yang mendapat sambutan baik oleh pesawah ialah MARDI Siraj 297 yang telah diisytiharkan pada tahun 2016, di mana dianggarkan 43.2 peratus pesawah di Semenanjung Malaysia menggunakan varieti ini. Selain itu, varieti benih padi yang mendapat permintaan pesawah ialah MR220CL-2 yang diisytiharkan pada tahun 2010, MR269 diisytiharkan pada tahun 2012 serta MR303 dan MR307 yang masing-masing diisytiharkan pada tahun 2018. Potensi hasil bagi kesemua varieti padi biasa ini ialah sekitar enam hingga sembilan tan sehektar dan hasil ini bergantung kepada lokaliti pakej pengurusan yang digunakan oleh pesawah. Selain itu, prestasi hasil bagi varieti padi wangi MRQ76 yang diisytiharkan pada tahun 2010 adalah sekitar lima tan sehektar.

Untuk makluman, SBB ataupun Program Sawah Berskala Besar yang diterajui oleh FELDA FGV sedang membiak benih varieti MRQ76 ini bagi menjamin kecukupan benih padi bagi pesawah-pesawah kontrak yang terlibat dalam program ini. Benih padi kajian ditanam di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA), Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Barat Laut Selangor dan Seberang Perai serta FELCRA.

MARDI juga telah menghasilkan dua varieti benih padi baharu iaitu MR315 dan MRQ104. MR315 adalah varieti padi biasa ataupun padi putih dengan potensi hasil di antara tujuh hingga sembilan tan sehektar dan sesuai ditanam di seluruh jelapang dan juga luar jelapang padi. Manakala MRQ104 adalah varieti padi wangi ataupun beras wangi yang dihasilkan untuk memenuhi keperluan penghasilan beras wangi tempatan yang pada masa ini menggunakan varieti padi wangi MRQ76.

Ini adalah sebagai pilihan tambahan kepada petani dan pengilang memandangkan beras istimewa tersebut mempunyai permintaan tempatan yang tinggi. Kedua-dua varieti padi baharu sedang dibiak benih, benih daftar dan dijangka diisytiharkan apabila benih padi sah mencukupi pada musim utama 2021 dan 2022. *That was* MRQ104 dan juga MR315.

Kementerian melalui MARDI dan agensi lain yang berkaitan serta institut pengajian tinggi sentiasa proaktif untuk membangunkan varieti benih padi baharu dengan mengambil kira perubahan persekitaran bagi meningkatkan pengeluaran hasil padi. Kementerian juga komited untuk meningkatkan pengeluaran beras negara melalui penyelidikan dan pembangunan varieti benih baharu bagi memastikan tahap SSL dapat dicapai sehingga 75 peratus seperti yang digariskan dalam cadangan Kertas Strategi RMKe-12 bagi industri padi.

■1040

Pada masa yang sama, kerajaan juga sedang memberi penekanan khusus bagi meningkatkan perbelanjaan dan pelaburan awam untuk R&D pertanian termasuk memastikan kelestarian pengeluaran varieti baharu dalam usaha meningkatkan kecekapan pengeluaran dan produktiviti hasil pertanian di masa hadapan. Sekian, terima kasih.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Petani-petani di bawah ini Tuan Yang di-Pertua, dia benih bangsa apa pun, dia tidak peduli. Okey. Asalkan yang pertama sekali kerajaan bagi benih itu tepat pada waktunya. Kedua, mencukupi. Jadi, sudah tentulah kerajaan lebih tahu apakah benih yang terbaik untuk satu-satu kawasan. Di Kedah mungkin berbeza dengan di Selangor, di Selangor mungkin berbeza dengan di Sabah.

Isunya sekarang ini, adakah kerajaan betul-betul memastikan kawasan-kawasan tertentu itu mendapat padi yang sepatutnya. Ini kerana kita tidak mahu supaya petani mendapat padi yang akhirnya bila dia tanam, tidak mendapat hasil yang sepatutnya. Khususnya, pengalaman kita dua hingga tiga tahun yang lalu apabila benih tidak cukup. Jadi, akhirnya apa yang berlaku kerajaan pakat hantar yang mana padi yang lebih kurang sahaja pergi ke kawasan kita. Akhirnya, apa yang berlaku produktiviti kurangnya dan ini membuatkan petani-petani rugi. Itu yang pertama, Tuan Yang di-Pertua.

Kedua, adakah kerajaan mempunyai cadangan untuk juga memberikan peluang kepada pihak-pihak industri untuk mengeluarkan benih-benih sendiri. Sekiranya berjaya dan berhasil untuk mengeluarkan *yield* yang baik, memberikan insentif kepada mereka dalam bentuk kewangan ataupun *tax break* dan sebagainya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee: Terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani. Untuk menjawab bahagian kedua soalan itu, sama ada kerajaan akan memberi peluang kepada industri untuk mengeluarkan benih padi. Saya ingin maklumkan bahawa untuk MARDI mengeluarkan benih padi sah ini, ia mengambil masa lebih kurang lima hingga enam tahun. Iaitu untuk proses pengeluaran benih asas, kemudian benih daftar dan selepas itu benih sah. Jadi, prosesnya lebih kurang lima ataupun enam tahun untuk mengeluarkan satu benih padi sah.

Jadi, tentu sekali MARDI dan institusi pengajian tinggi, universiti-universiti tempatan yang berkaitan sering kali mengadakan kerjasama yang erat untuk mengeluarkan lebih banyak benih padi yang sesuai untuk ditanam di negara kita. Jika ada pihak industri yang ada kemampuan tersebut tentu sekali kementerian mengalukan sumbangan mereka untuk meningkatkan industri benih padi ini.

Yang Berhormat, soalan berkenaan dengan memberi kepastian supaya benih padi sah ini mampu dimiliki oleh petani ataupun pesawah ketika musim menanam padi. Itu merupakan hasrat yang diinginkan oleh kementerian dan tentu sekali apa juga masalah yang dihadapi oleh pesawah untuk mendapatkan benih padi sah ini akan diambil tindakan oleh kerajaan menerusi kementerian MAFI ini.

Jadi, untuk makluman Yang Berhormat pengeluaran benih padi sah negara pada ketika ini melalui sembilan buah pengeluaran benih padi sah yang diiktiraf oleh kerajaan adalah pada tahap 74,000 metrik tan bagi setiap musim. Keperluan pesawah keseluruhan di negara kita adalah sebanyak 72,000 metrik tan. Dalam keadaan itu, nampak sekali bahawa ada surplus dari segi pengeluaran benih. Tentu sekali, ada masalah pengantaraan, masalah agihan yang tidak cukup yang telah pun diambil kira oleh kerajaan dan diambil langkah-langkah penambahbaikan untuk memastikan

bahawa pesawah-pesawah yang memerlukan benih padi sah untuk ditanam di setiap musim akan dapat diperolehi oleh mereka.

Jadi, merupakan satu tindakan penambahbaikan yang akan diambil oleh kementerian melalui agensi yang terlibat dari semasa ke semasa. Terima kasih.

5. Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] minta Menteri Alam Sekitar dan Air menyatakan persiapan negara menghadapi bencana banjir serta status semasa projek tebatan banjir oleh kementerian di Kota Samarahan.

Timbalan Menteri Alam Sekitar dan Air [Dato' Dr Ahmad Masrizal Muhammad]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua Dewan dan terima kasih Yang Berhormat Kota Samarahan kerana membangkitkan aspirasi rakyat Sarawak pada pagi ini.

Tuan Yang di-Pertua Dewan, terdapat dua kaedah untuk menangani bencana banjir iaitu secara kaedah struktur iaitu yang mana projek-projek rancangan tebatan banjir dilakukan. Kaedah kedua yang dijalankan ialah dengan melalui kaedah bukan struktur yang mana ia berprinsipkan kepada perancangan pembangunan khususnya dalam menyediakan pelan-pelan atau sistem yang boleh mengurangkan keterdedahan ataupun risiko banjir.

Dalam hal ini, untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat Dewan, kementerian melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah melaksanakan beberapa pendekatan sebagai kesiapsiagaan dalam menghadapi bencana banjir. Iaitu antaranya melalui kaedah pemantauan secara *online*, status semasa curahan hujan dan aras air sungai utama seluruh Malaysia melalui laman sesawang *publicinfobanjir.water.gov.my* dan ini boleh dilawati ataupun boleh diakses oleh semua pihak dan semua orang.

Pemantauan secara langsung ini dengan kerjasama daripada beberapa agensi lain seperti MetMalaysia, Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) serta JPS negeri sendiri ini didapati akan dapat meningkatkan keupayaan hebahan supaya dapat memberi tempoh masa yang mencukupi kepada penduduk dan agensi yang bertanggungjawab bagi melaksanakan dan persediaan awal ke arah tindakan dalam menghadapi banjir. Maknanya, dalam hal ini rakyat perlu mengambil perhatian kepada *publicinfobanjir* ini sebagai langkah awal.

Dalam hal kedua, kementerian juga mempunyai satu Pusat Ramalan dan Amaran Banjir Negara yang dikenali sebagai PRABN. Pusat ramalan ini mempunyai satu sistem yang menyediakan data terkini ramalan dan amaran banjir di 41 lembangan sungai di seluruh negara termasuklah di Kota Samarahan yang dijangka

siap sepenuhnya pada tahun 2025. Setakat ini, terdapat tiga lembangan sungai yang sedang beroperasi sepenuhnya iaitu di Sungai Kelantan, Sungai Terengganu dan Sungai Pahang.

Selain kesiapsiagaan ketika menghadapi banjir musim tengkujuh, penyediaan Pelan Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (IRBM) juga adalah salah satu lagi pendekatan untuk mengurangkan risiko banjir melalui kaedah bukan struktur. Kementerian meminta sokongan daripada semua kerajaan negeri agar pelan-pelan IRBM ini dijadikan asas oleh kerajaan negeri dalam usaha mereka untuk meluluskan perancangan pembangunan guna tanah supaya pembangunan yang dilaksanakan akan dilestari tanpa menjejaskan sumber air sedia ada. Termasuklah dapat mengurangkan risiko berlakunya banjir. Kajian untuk mewujudkan pelan IRBM ini telah dimohon dalam RMK-12 untuk dijalankan ke atas tujuh lembangan sungai di negeri Sarawak termasuk Sungai Batang Samarahan.

Dalam Rancangan Malaysia Ke-11, sebanyak 22 projek di Sarawak telah diluluskan dengan kos sebanyak RM561 juta dan antaranya kementerian membantu kerajaan negeri dengan menyalurkan peruntukan di seluruh negara melalui program pemuliharaan sungai untuk mengurangi risiko banjir pelbagai negeri dengan kos ataupun dengan peruntukan sebanyak RM743 juta dalam RMK-11 dan dalam program ini kementerian telah menyalurkan petugas sebanyak 88.4 juta *specifically* khusus untuk di kerajaan negeri Sarawak.

Kerajaan Pusat juga melalui Kementerian Alam Sekitar dan Air telah memperuntukkan sebanyak RM5.1 juta kepada kerajaan negeri Sarawak bagi melaksanakan Projek Rangsangan Ekonomi (PRE) yang merangkumi kerja-kerja menaik taraf dan pengukuhan tebing sungai, membaik pulih ban, menaik taraf sistem perparitan sedia ada, serta pengorekan dan juga pembersihan serta termasuklah membuang semua kelodak, membaik pulih laluan sungai atau *river trail*, denai, laluan penyelenggaraan dan sebagainya.

Yang paling penting sekali untuk makluman Yang Berhormat Kota Samarahan, sebagai langkah berterusan oleh pihak Kerajaan Pusat melalui Kementerian Alam Sekitar dan Air, Projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Sarawak akan tetap diteruskan bagi menangani masalah bencana banjir di Kota Samarahan, Sarawak. Ini komitmen kerajaan kita.

■1050

Untuk makluman, Kerajaan Pusat telah meluluskan sebanyak RM191 juta dalam Rancangan Malaysia Ke-11 dan akan diteruskan pada Rancangan Malaysia Ke-12. Projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Sarawak

ini sebenarnya masih di peringkat reka bentuk terperinci dan dijangka tender kerja fizikal pada tahun 2021 dan dijangka siap pada tahun 2025.

Kementerian juga, dalam hal ini, ingin menjelaskan dan menyatakan bahawasanya ini adalah komitmen tertinggi kerajaan dalam usaha untuk memastikan masalah bencana banjir dapat kita atasi di seluruh negara. Sekian, terima kasih.

Puan Rubiah binti Wang [Kota Samarahan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang panjang lebar dan penuh bermaklumat tadi. Namun begitu, saya ingin memohon status satu program tebatan banjir di bawah pakej Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu di negeri Sarawak yang salah satunya berkedudukan di Kota Samarahan.

Kawasan ini merupakan kawasan Univista, Uni Garden berhadapan dengan UNIMAS yang mana sering mengalami kejadian banjir. Bukan sahaja musim tengkujuh ataupun musim monsun, malah hujan lebat satu jam pun sudah mengalami banjir. Projek tebatan banjir ini telah pun kita cadangkan dan diluluskan, setahu saya, tahun 2017 dan sampai kini kita belum tahu status pelaksanaan projek berkenaan.

Oleh itu, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian khasnya Timbalan Menteri hari ini, apakah status projek tebatan banjir di jalan *Kuching-Samarahan Expressway* dan apakah pelan— sebab tadi dimaklumkan siap sepenuhnya tahun 2025. Apakah pelan jangka masa pendek untuk membantu kawasan ini daripada berterusan mengalami fenomena banjir walaupun semasa hujan lebat? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr Ahmad Masrizal Muhammad: Terima kasih lagi sekali Yang Berhormat Kota Samarahan. Untuk maklumat berkenaan dengan RTB jalan *Expressway Kota Samarahan* ini, ia memerlukan satu maklumat yang *details*. Saya mohon untuk diberikan jawapan secara bertulis, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan dari Rasah.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tuan Yang di-Pertua, dari Rasah.

Tuan Yang di-Pertua: Kita cuma ada enam minit lagi. Saya hendak jemput Yang Berhormat ...

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tuan Yang di-Pertua, sebab kawasan saya dilanda banjir.

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa boleh ditanya— Yang Berhormat Rasah tadi. Oleh sebab perkara itu *urgent*, saya rasa boleh ditanya melalui Kamar Khas dan sebagainya ya. Maaf.

6. Dato' Seri Utama Haji Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [Jerlun] minta Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan jelaskan tidakkah penekanan kepada perdagangan antarabangsa terutamanya dengan membuka pasaran tempatan kepada barangan import tanpa dikenakan tarif akan mengekang industri tempatan khususnya dalam sektor teknologi tinggi.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Lim Ban Hong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Jerlun yang membangkitkan soalan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah negara perdagangan dengan pasaran tempatan yang kecil, perdagangan antarabangsa merupakan antara penyumbang terpenting kepada pertumbuhan dan pembangunan ekonomi Malaysia.

Berteraskan kepada sistem perdagangan pelbagai hala di bawah peraturan Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO), ia memberi manfaat kepada Malaysia antara lain melalui akses pasaran antarabangsa bagi produk-produk yang dihasilkan dalam negara, pada masa yang sama, mewujudkan peluang pekerjaan termasuk dalam sektor berkemahiran tinggi, mempromosikan pembangunan teknologi dan inovasi serta meningkatkan daya saing dan kecekapan syarikat tempatan bagi menjana pertumbuhan ekonomi negara yang mampan.

Selaras dengan hasrat kerajaan untuk meluaskan pasaran eksport antarabangsa melalui akses pasaran berkeutamaan, kerajaan turut memberi penekanan kepada penyertaan Malaysia dalam perjanjian perdagangan bebas. Dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, walaupun penglibatan Malaysia dalam FTA akan turut membuka pasaran tempatan kepada barangan import, ia tidak mengekang pembangunan industri tempatan termasuk sektor teknologi tinggi.

Sebaliknya, ia membantu industri tempatan untuk memperoleh input pengeluaran yang lebih optimum, mengurangkan *cost of doing business*, dengan izin, menghapuskan halangan bukan tarif yang mana semua ini dapat memudah cara eksport barangan Malaysia di samping meningkatkan ketelusan dan kecekapan dalam prosedur perdagangan.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan laporan *Malaysia Trade Statistics Review Volume 1/2020* yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada Jun 2020, sebahagian besar daripada industri berorientasikan eksport di Malaysia pada tahun 2019 mempunyai kebergantungan yang tinggi terhadap barangan import yang mana barangan import utama adalah terdiri daripada barangan perantaraan (*intermediate goods*) dengan sumbangan 50 peratus, diikuti oleh barangan modal sebanyak 12 peratus dan barangan penggunaan sebanyak sembilan peratus. Bergantungan yang tinggi terhadap barangan perantaraan yang diimport yang rata-ratanya tidak

dikenakan tarif akan mengurangkan kos perkilangan industri tempatan dalam menghasilkan barangan akhir untuk pengguna tempatan atau bagi tujuan eksport.

Oleh yang demikian, walaupun sebilangan besar barangan tersebut diimport tanpa dikenakan tarif, ia tidak mengekang pertumbuhan industri tempatan. Sebaliknya, ia membantu dalam perkembangan industri berkenaan termasuk sektor berteknologi tinggi di mana para pengilang mempunyai pilihan bahan mentah dan barangan perantara yang lebih murah dan berkualiti untuk aktiviti perkilangan mereka.

Ini juga akan dapat membantu meningkatkan kapasiti syarikat Malaysia termasuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS) untuk lebih berdaya saing dan seterusnya menerokai pasaran antarabangsa. Di samping itu, para pengilang akan dapat menghasilkan produk keluaran siap yang berkualiti pada harga yang kompetitif untuk dinikmati oleh pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, kemasukan barangan import tanpa tarif akan menjadikan kos pengeluaran lebih kompetitif dan seterusnya meningkatkan keupayaan pengeluaran syarikat tempatan dan turut memberi peluang kepada syarikat baharu mahupun sedia ada untuk berkembang dan menjadi sebahagian daripada rantaian bekalan global.

Penglibatan aktif Malaysia dalam perdagangan antarabangsa juga telah menyebabkan permintaan terhadap produk buatan Malaysia meningkat. Meskipun negara masih berdepan dengan pandemik COVID-19, prestasi eksport Malaysia meningkat sebanyak 24 peratus daripada RM210.3 bilion pada suku kedua tahun 2020 kepada RM260.6 bilion pada suku ketiga tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, kerajaan juga telah memperkenalkan insentif-insentif untuk menggalakkan penggunaan teknologi tinggi untuk membantu industri tempatan seperti pengecualian duti import bagi pembelian mesin dan peralatan yang tidak dihasilkan secara tempatan dan diimport secara langsung dari luar negara, insentif elaun modal automasi untuk menggalakkan penggunaan automasi dalam sektor perkilangan dan juga Dana Strategik Pelaburan Tempatan (DISF) untuk memacu peralihan syarikat tempatan ke rantaian nilai yang lebih tinggi, dan juga *Smart Automation Grant* untuk mengadaptasi digitalasi dalam operasi serta meningkatkan kecekapan dalam sektor pengeluaran.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, dalam Belanjawan 2021 yang dibentangkan, kita juga nampak beberapa skim...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, boleh dijawab secara bertulis?

Datuk Lim Ban Hong: Okey, ya. Saya bagi kesimpulan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sebab soalan tambahan, saya rasa Yang Berhormat Jerlun mesti ada satu soalan tambahan. Jawab bertulis ya.

Datuk Lim Ban Hong: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya sedikit. Saya secara kesimpulan hendak menyatakan pembukaan pasaran melalui perdagangan antarabangsa, ia tidak seharusnya dilihat sebagai mengekang perkembangan industri tempatan khususnya sektor teknologi tinggi. Sebaliknya, ia memberi peluang kepada industri tempatan meningkatkan kapasiti dan pertumbuhan sektor tersebut dan pada masa yang sama memperkasakan industri tempatan untuk bersaing di pasaran antarabangsa. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Utama Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Kita lihat pasaran pelaburan semakin kompetitif dengan munculnya negara-negara seperti Vietnam, Indonesia dan Thailand di rantau ASEAN ini bersaing dengan negara kita untuk menarik FDI. Pada waktu yang sama, kita juga hendak pastikan saingan dalam negara kita tidak terlalu terbuka sehingga syarikat-syarikat tempatan kita terpaksa berhadapan syarikat asing yang datangnya dengan modal yang besar.

Apakah insentif tambahan atau potongan cukai yang kerajaan boleh berikan kepada syarikat tempatan kita supaya mereka dapat melabur dalam R&D untuk bangukan produk bersama-sama pusat-pusat penyelidikan di IPT termasuk *intermediate goods*, sepertimana yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi, hingga boleh mengeksport keluar negara? Adakah dirasakan pendekatan *Malaysia Incorporated* boleh dipertingkatkan lagi supaya dasar kerajaan benar-benar menepati keperluan syarikat swasta tempatan kita bagi meningkatkan daya saing kita di peringkat antarabangsa? Terima kasih.

■1100

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, boleh dijawab secara bertulis? Sebab sekarang sudah pukul 11.00.

Datuk Lim Ban Hong: Okey, kalau Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Dua minit?

Datuk Lim Ban Hong: ...bertulis, okey.

Tuan Yang di-Pertua: Bertulis, okey. Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat semua, sekarang tamatlah sesi untuk waktu pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan pada hari ini. Terima kasih.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengemukakan pandangan terhadap peraturan menghadiri Ahli Parlimen sebelum perbahasan bermula, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua: Mengenai apa itu Yang Berhormat?

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Ringkas sahaja iaitu saya ingin membangkitkan peraturan menghadiri sidang Parlimen yang memperuntukkan hanya 80 orang sahaja pada waktu sidang kita membahaskan bajet ini adalah bertentangan dengan peraturan dan undang-undang dan Perlembagaan Persekutuan. Saya mohon supaya peraturan ini ditarik balik.

Alasannya yang pertama... [*Tepuk*] Pertama ialah melarang Ahli Parlimen, Ahli Dewan Rakyat, wakil rakyat yang dipilih oleh rakyat masuk ke Dewan Rakyat bertentangan dengan Artikel 96, 97 seterusnya berkenaan dengan Peruntukan Kewangan Bahagian VII Perlembagaan Persekutuan.

Kedua, sekarang adalah sidang membahaskan dan meluluskan belanjawan ini. Ertinya, ini bukan sidang yang biasa-biasa. Ertinya, tidak boleh belanjawan diluluskan dengan keadaan persidangan Parlimen yang tidak sah. Kita tidak mahu keadaan *illegitimate government*, kerajaan yang tidak sah meluluskan rang undang-undang belanjawan yang tidak sah. Jadi, kita mesti kembali kepada peruntukan Perlembagaan.

Terakhir Tuan Yang di-Pertua, terima kasih iaitu...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Fikir masa COVID-19 lah kawan. Kalau bahas, semua orang boleh bahaslah.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Izinkan saya. Satu *last point*, undang-undang, dengan izin Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Ini pun tidak guna, apa *last point*.

Tuan P. Prabakaran [Batu]: Diamlah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Sebab COVID-19 lah, COVID-19.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Undang-undang pencegahan pengawalan penyakit berjangkit yang diguna pakai oleh Kementerian Kesihatan, Majlis Keselamatan Negara dan Kerajaan Persekutuan bersama-sama peraturan Parlimen yang dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua, Menteri yang menjaga hal ehwal Parlimen berserta Ketua-ketua Whip dari semua parti, tidak boleh mengatasi peruntukan Perlembagaan Persekutuan yang menjamin hak setiap Ahli Parlimen masuk ke Dewan Rakyat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Jangan buang masa lah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jangan buang masa. Tuan Yang di-Pertua kena *explain*.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apa, saya *explain*.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Wakil Whip kena maklum, Yang Berhormat Sungai Petani, Yang Berhormat Seremban, kena terang ini. *Then* wakil

daripada Amanah. Kita hadir hari itu. Kalau mereka tidak percaya Ketua Whip, *then* kita buang Whip kita ganti dengan ketua-ketua parti. Macam mana kita sudah setuju, kita pertikai. Ini bukan diputuskan oleh kita, diputuskan oleh Kementerian Kesihatan.

Kalau kita hendak lawan Kementerian Kesihatan, tidak apa, isytiharkan Ahli Parlimen undi hari ini, kita hendak menentang Kementerian Kesihatan. Ini soalnya ialah soal penyakit yang melibatkan semua kita. Kalau kita mahu pertikaikan Perlembagaan, boleh. Perlembagaan tidak sebut fasal penyakit, okey, tidak ada masalah. Akan tetapi saya akan menyokong Kementerian Kesihatan supaya kita hadkan, kita adakan SOP untuk hadir di Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya hendak memutuskan secara mutakhir dan muktamad. Saya tidak hendak lagi *revisit* benda ini sebab sudah banyak sangat kita *revisit*. Banyak kali sangat.

Yang Berhormat tadi...

Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]: Tuan Yang di-Pertua, saya...

Tuan Yang di-Pertua: Tolong sekejap. Saya tidak hendak dengar lagi. Yang Berhormat tadi telah membangkitkan Artikel 96 dan 97 Perlembagaan Persekutuan. Tidak ada pun Artikel 96 dan 97 kata semua Ahli Parlimen perlu berada di dalam Dewan pada setiap masa, tidak ada. Artikel 96 adalah mengenai *no taxation unless authorized by law*, mana ada. Artikel 97 mengenai *consolidated funds* yang di bawah kuasa MOF, mana ada. Tidak ada.

Di manakah terdapatnya di dalam Perlembagaan Persekutuan bahawa pada setiap masa... [*Tepuk*] saya perlu mendengar 222 orang *Members of Parliament* dalam Dewan? Kuorumnya 26 orang, peraturan mesyuarat. Itu kuorumnya dan kita ada 80 orang.

Bukan saya hendak kekang *Members of Parliament* daripada berdebat. Semua yang dipilih oleh parti Whip boleh berdebat, dipersilakan, pada bila-bila masa sahaja yang dibenarkan oleh parti Whip. Padahal kalau kita tengok pun, pada setiap hari persidangan, bukannya 222 orang ada dalam Dewan pun. Ahli Dewan yang datang satu hari dalam 100-120 orang dan 120 orang yang datang pun, bukannya mereka berada dalam Dewan dari pukul 10 hingga 5.30. Mereka keluar masuk. Padahal pada pukul 2.30 petang kadang-kadang, hendak dapat kuorum pun tidak ada.

Jadi apabila saya buat, kita buat konsensus 80 orang ini, tiba-tiba perkara ini menjadi besar. Kenapa? [*Tepuk*] Ini kita sudah *waste time* enam minit *argue* benda ini lagi. Benda ini telah diputuskan secara konsensus. Marilah kita sama-sama membalas budi dan jasa baik dan titik peluh *frontliners* kita. [*Tepuk*] Membalas budi dan jasa baik dan titik peluh Tan Sri Dr. Noor Hisham yang telah bertungkus-lumus

selama tujuh bulan, hari-hari, siang malam tidak kira Ahad, Isnin, Selasa, cuti umum, untuk mengawal penyebaran pandemik ini.

Kita pun patutlah memberi keyakinan kepada beliau, kepada *frontliners* kita dan memberi kerjasama yang sepatutnya saya rasa. Jadi cukuplah, saya hendak minta marilah kita bahaskan bajet ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis...

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat.

Tuan Wong Chen [Subang]: Tuan Yang di-Pertua, maaf Tuan Yang di-Pertua...

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Tuan Yang di-Pertua, ini Peraturan Mesyuarat 81(1) berkenaan dengan menubuhkan Jawatankuasa Pilihan Khas. Saya dapati penyata di atas meja kita ada sembilan Jawatankuasa Pilihan Khas yang telah ditubuhkan. Saya dapati bahawa tidak ada satu Jawatankuasa Pilihan Khas Alam Sekitar...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Sekarang bahas bajet apa guna jawatankuasa.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Maaf ya sebab ini waktu sebelum bahas, boleh dibangkitkan peraturan mesyuarat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon Jawatankuasa Pilihan Khas berkenaan dengan Alam Sekitar ditubuhkan kerana ia *dropped* daripada senarai yang lama, dulu ada.

Tuan Yang di-Pertua: Tolong, tolong. Yang Berhormat, saya faham. Sila tulis kepada saya, saya akan bangkitkan dalam Jawatankuasa Pilihan Khas.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Saya sudah bangkitkan dengan Ahli-ahli daripada belah sini...

Tuan Yang di-Pertua: Ya, kita akan *decide*.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Ahli yang berada dalam jawatankuasa, mereka kata suara mereka tidak didengari dalam jawatankuasa tersebut. Maaf Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Mana ada pula suara mereka tidak didengari. Saya yang *engage*, saya *always engage* dengan semua pihak. Keputusan saya tidak pernah *unilateral*.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Saya faham apa yang ditekankan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya nafikan bahawa saya tidak mendengar semua suara yang membangkitkan isu di dalam jawatankuasa.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Akan tetapi saya telah pun menghubungi mereka dan itulah jawapan mereka. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya nafikan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2021

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2021

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2021 ini dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis”.

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari enam puluh sembilan bilion ringgit (RM69,000,000,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2021, dan bagi tujuan dan butiran Perbelanjaan Pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2021, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 26 Tahun 2020, adalah diutamakan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersefentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut.” **[6 November 2020]**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa rang undang-undang bernama suatu satu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2021 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu dibacakan kali yang kedua sekarang dan masalah bahawa usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis sekarang. Kedua-dua masalah tersebut terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin maklumkan bahawa pada hari ini bermulalah perbahasan peringkat Dasar Rang Undang-undang Perbekalan 2021. Sebelum saya memanggil Yang Berhormat untuk berucap, saya ingin memaklumkan bahawa Yang Berhormat Ketua Pembangkang diperuntukkan selama 90 minit untuk perbahasan dan ahli daripada penyokong kerajaan juga pembahas utamanya 90 minit diperuntukkan. Yang lain-lain Ahli-ahli Yang Berhormat, saya peruntukkan 15 minit.

Tanpa melengahkan masa, saya ingin menjemput Yang Berhormat Ketua Pembangkang, Yang Berhormat Port Dickson untuk memulakan perbahasan beliau. Silakan.

■1110

11.10 pg.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, atas kesempatan memberi ruang membahaskan ucapan belanjawan Yang Berhormat Menteri Kewangan hari Jumaat yang lalu. Saya ucapkan terima kasih di atas pertimbangan Yang Berhormat Menteri Kewangan menyampaikan pandangan, mengambil kira beberapa isu yang telah dibangkitkan dan cuba meleraikan kemelut yang dihadapi.

Akan tetapi sebelum itu, izinkan saya menyebut tentang apa yang diluahkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Akan tetapi cara Tuan Yang di-Pertua mengulas, saya kira kurang tepat. Oleh kerana apabila kita bangkitkan— Tuan Yang di-Pertua, tidak langsung bermaksud untuk mempertikaikan Kementerian Kesihatan atau Ketua Pengarah. Isu yang diprihatinkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat juga berat.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Mereka mahu ruang, kelonggaran seperti biasa. Jadi, tidak bermakna apa yang diputuskan oleh Kementerian Kesihatan sudah muktamad sehingga tidak boleh dibahaskan. Ini pun satu sikap yang saya rasa kurang bijak kerana semua peraturan kita lakukan selama ini mengambil kira pandangan-pandangan. Akan tetapi seperti mana kita tahu juga, pandangan-pandangan Kementerian Kesihatan juga dipertikai oleh ramai juga oleh pakar-pakar yang lain. Jadi, beri ruang. *[Tepuk]* Janganlah sampai dianggap satu pandangan daripada MKN, Kementerian Kesihatan itu muktamad sampai tidak boleh dibahaskan. Jikalau begitu, tidak perlu ada Parlimen. *[Tepuk]*

Baik. Yang Berhormat Menteri Kewangan bantangkan belanjawan dalam konteks negara dan kerajaan yang belum begitu stabil dan telah mendepani masalah

apabila Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu menolak rencana mereka, jalan pintas untuk menggunakan kuasa secara rakus mengisytiharkan darurat. Kenyataan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu itu agak tegas, bukan sahaja menolak darurat tetapi menolak langkah yang boleh menjurus ke arah penyalahgunaan kuasa dan mengesahkan rasuah.

Saya harap bukan sahaja Ahli-ahli Yang Berhormat, semuanya harus teliti kenyataan itu. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong julung-julung kali dalam sejarah menolak usul Perdana Menteri untuk mengadakan darurat. Ini ada juga ada yang dipertikaikan oleh tokoh Bersatu yang juga merupakan Yang di-Pertua Dewan Negara yang saya kira sangat kurang wajar. Oleh kerana kedudukan Yang di-Pertua Dewan Negara itu harus lebih mulia dan tidak boleh digunakan untuk mempertikai keputusan dan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya harap pihak yang bertanggungjawab dapat meneliti masalah ini dan jangan menyiasat mengikut darjat seperti mana yang banyak berlaku sekarang ini.

Dibangkitkan juga adalah Titah Tuanku untuk mengajak Ahli-ahli Parlimen untuk memberikan kerjasama untuk meluluskan belanjawan. Akan tetapi inilah semangat muafakat, semangat perundingan. Oleh sebab itu, rakan-rakan dari parti PH juga dan saya percaya juga rakan-rakan dari lain-lain parti telah mengemukakan pandangan-pandangan mereka. Terdapat enam tuntutan di kalangan PH yang didengar oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan tetapi tidak diulas sama sekali dalam ucapan belanjawan, walaupun disentuh secara tidak langsung. Ada pandangan-pandangan lain, khususnya tentang moratorium bank dan juga pinjaman KWSP yang disentuh seimbis lalu tetapi tidak memenuhi maksud tuntutan yang dibuat. Jadi, semangat muafakat dan kerjasama, tidak ada.

Jadi, walaupun kita cenderung untuk meluluskan kerana kita tidak mahu tolak ansur soal emolument, gaji pekerja, nasib *frontliners*, itu tidak berbangkit. Sama ada kita luluskan atau pun tidak meluluskan belanjawan ini, kita akan pastikan ada rencana segera untuk memastikan ia tidak membebankan rakyat, khususnya pegawai-pegawai kerajaan, penjawat awam dan juga *frontliners*. Akan tetapi saya tekankan di sini, saya tidak mahu ada andaian mudah. Keadaan sekarang berbeza. Kerajaan dan Yang Berhormat Menteri Kewangan serta Perdana Menteri tahu bahawa belum ada penentuan dan kepastian belanjawan dalam bentuk sekarang kalau tidak dipinda untuk membela nasib rakyat yang kita yakini seperti mana kita menuntut, belum pasti belanjawan ini boleh diluluskan dengan cara mudah. [Tepuk]

Jadi, saya menyeru dan menggesa dengan tegas supaya Yang Berhormat Menteri Kewangan meneliti semula usaha menangani masalah COVID-19 dari segi belanjawan, penekanan aspek kesihatan dan lonjakan ekonomi yang disebut.

Saya mulakan dengan beberapa angka unjuran yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam Belanjawan 2021. Tinjauan Ekonomi 2021 pada kadar 86 peratus sehingga 96 peratus dan inflasi sebanyak 2.1 peratus. Unjuran ini yang saya fikir amat tidak realistik dan tidak munasabah. Kita bandingkan dahulu *Asian Development Outlook Update 2020* sekitar 6.5 peratus. *World Economic Outlook October 2020* oleh IMF sebanyak 7.8 peratus. *World Bank East Asia and Pacific Economic Update October 2020* oleh *World Bank Group, low case 4.4 percent, base line 6.3 percent* puratanya 5.35 peratus. Bank Negara Malaysia dalam prestasi ekonomi suku kedua tahun 2020 sebanyak 5.5 peratus sehingga lapan peratus.

Dari mana Yang Berhormat Menteri Kewangan dapat unjuran yang begitu hebat dan tinggi ini atau untuk memenuhi selera politik untuk meyakinkan bahawa kita boleh capai pertumbuhan yang begitu meyakinkan. Unjuran tidak semestinya tepat, saya faham dan banyak kali ada kesilapan-kesilapan. Akan tetapi unjuran harus realistik, harus menunjukkan bahawa ada kesungguhan menyatakan yang benar, bukan untuk mengelirukan.

Dibawa umpamanya, alasan prestasi perdagangan negara kerana trend eksport yang meningkat. Benar! Saya akui kerana kapasiti keupayaan industri kita dan juga perdagangan yang telah direkodkan dengan China, Hong Kong, Amerika Syarikat, Belanda dan Taiwan. Eksport pulih dengan pertumbuhan dua digit dari *threshold* yang sangat rendah kepada RM88.93 bilion. Walaupun import menyusut sebanyak 3.6 peratus. Kita percaya dengan perubahan dan kemenangan calon demokrat - Presiden Joseph Robinette Biden, keadaan tegang dengan China mungkin dapat dileraikan dan mungkin akan membantu perdagangan serantau. Akan tetapi ini terlalu awal untuk kita putuskan.

Jadi, unjuran pertumbuhan ini juga dan belanjawan juga terkait dengan keupayaan kita, bukan sahaja kita, rantau dan dunia menangani pandemik COVID-19. Keupayaan kita juga memperolehi vaksin COVID-19. Bukan sahaja perolehi tetapi keberkesanan vaksin itu yang belum menentu. Ini saya akan menyentuh kemudian, umpamanya disebut oleh Menteri berkenaan kata sudah dapat sebanyak RM3 bilion, tidak ada dalam rekod kementerian, tidak ada dalam belanjawan sebanyak RM3 bilion. Saya tidak tahu dari mana, apakah hendak disorokkan supaya tidak nampak defisit. Ini perkiraan, cara tipu helah *accounting* juga jadi masalah juga. [Tepuk]

■1120

Jadi oleh yang demikian, kita lihat sekarang ini belanjawan ini seperti mana yang dipersembahkan kepada Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong dan juga kepada rakyat adalah belanjawan menangani COVID-19 tetapi Kumpulan Wang COVID-19 hanya 5.3 peratus daripada keseluruhan belanjawan yang berjumlah RM322.5 bilion.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Port Dickson.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Jadi belanjawan COVID-19 ini...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Boleh mencelah?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Ialah 5.3 peratus.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila, Yang Berhormat Pontian.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Terima kasih. Sebagaimana yang disebut tadi bahawa purata pertumbuhan pada tahun ini ialah menguncup ataupun negatif 4.5 dan jangkaan tahun hadapan positif 6.5 lebih kurang. Jadi adakah Yang Berhormat Port Dickson beranggapan bahawa apa yang dicadangkan ataupun diramalkan oleh Menteri Kewangan itu berdasarkan kepada kaedah *V curve* iaitu apabila kita berikan RM322 bilion ia akan melonjakkan secara bentuk *V* dan bukan *U curve* ataupun ada satu lagi *curve* baru yang dipanggil *K curve*. Apa pandangan Yang Berhormat Port Dickson mengenai *V curve* ini? Terima kasih.

Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]: Soalan tambahan.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Pertanyaan yang sama, celahan yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya beri peluang Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu dahulu.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Tuan Yang di-Pertua, celahan saya apabila Ketua Pembangkang menyinggung tentang unjuran pertumbuhan. Saya ucap terima kasih Menteri Kewangan kerana turut hadir mendengar perbincangan dan saya kira ini penting.

Pertama, Menteri Kewangan saya kira ini penting sebab kita tahu *second quarter* pertumbuhan kita untuk tahun ini adalah negatif 17 peratus dan saya memetik laporan IMF menunjukkan *recoveries* bagi negara membangun untuk bulan Oktober 2020 adalah masih kritikal iaitu -5.7, ini yang terbaru sekali. Laporan IMF *recoveries*

bagi negara membangun untuk bulan Oktober 2020 adalah masih kritikal, angka ialah -5.7 percent, rujukan *World Economic Outlook*.

Baik, yang kedua ialah kita persoalkan bagaimana unjuran ini diperoleh supaya apabila kita semak daripada angka-angka unjuran juga, GDP yang kita sasarkan untuk tahun depan membaca 108 muka surat teks ucapan Menteri Kewangan hari Jumaat lepas, KDNK negara akan bertambah sebanyak 6.5 hingga 7.5 peratus untuk tahun 2021. IMF sebagai contoh mengunjurkan perkembangan ekonomi untuk ASEAN-5 adalah sebanyak 6.2 bagi tahun 2021, itu pun berdasarkan *best case scenario*.

Ketua Pembangkang, yang harus kita tuntutan penjelasan daripada kerajaan ialah sektor manakah yang dikatakan kukuh menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi ini. Ini penting supaya bajet kita tidak nanti dilihat berasaskan *creative imaginary numbers* ataupun angka-angka impian kreatif. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila, Yang Berhormat Port Dickson.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Terima kasih Yang Berhormat Pontian dan Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu, sama ada *V curve* atau *U* atau *K* ataupun dalam kes Malaysia ini *Z curve*...

Beberapa Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: *[Dewan ketawa]* Kena realistik. Oleh sebab itu saya sebut tadi yang positifnya hanya soal eksport. Akan tetapi saya kena jelaskan umpamanya bahawa bukan sahaja dari segi andaian yang dibuat atau unjuran yang dibuat oleh badan-badan antarabangsa dan *economist* tempatan tetapi umpamanya apa yang dibuat oleh Kementerian Kewangan tentang unjuran cukai korporat. Cukai korporat kita 2019, sebelum COVID-19 berjumlah RM63.8 bilion, cukai korporat 2020 yang disebut oleh Menteri Kewangan berjumlah RM59.4 bilion.

Sudah tahu Yang Berhormat, Yang Berhormat tahu bahawa dengan kelemahan sektor industri dan kekurangan pendapatan, penutupan syarikat-syarikat dan pembuangan pekerja, mustahil susutan, penyusutan hanya RM4 bilion, jadi unjuran itu sangat tidak munasabah. Unjuran cukai korporat 2021 yang kita tengah merangkak ekonomi ini mungkin kalau boleh mula pertengahan tahun hadapan belum tentu tetapi unjuran Kementerian Kewangan, RM64.6 bilion lebih daripada 2019 sebelum COVID-19.

Ini bagi saya andaian yang tidak munasabah, ini angka main-main untuk mengaburi mata rakyat. *[Tepuk]* Saya tidak anggap satu yang bertanggungjawab bagi pihak Menteri Kewangan untuk menggunakan medan ini memberi penjelasan kepada rakyat bahawa pendapatan negara dari segi cukai korporat itu RM64.6 bilion.

Kemudian, kita lihat pendapatan korporat. Kita tahu juga bahawa penguncupan, kerugian dan juga permasalahan dihadapi oleh syarikat-syarikat. Bursa Saham, KLCI, 30 syarikat RM7 bilion pada suku kedua 2020 menguncup 74 peratus di antara suku ke satu suku, 49.1 peratus berdasarkan tahun demi tahun. Maknanya kerugian penguncupan itu 49.1 peratus daripada sumber *The Malaysian Reserve*, 4 September, "*Pendapatan korporat untuk dipulihkan pada suku ketiga*". Untuk memudahkan, saya ada *chart* ini kalau membantu Tuan Yang di-Pertua, sedikit ini. *[Sambil menunjukkan carta]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, saya nampak.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Kalau begini macam mana pendapatan kita melonjak? Kira dari mana boleh melonjak kalau penguncupan pendapatan? Jadi oleh yang demikian, walaupun *corporate earnings* kita mungkin meningkat untuk suku ketiga, dia tidak boleh mencapai jumlah yang diunjurkan oleh Kementerian Kewangan.

Jadi oleh yang demikian, berdasarkan dua perkiraan ini sahaja tidak munasabah, saya sambung lagi umpamanya. Daripada *Corporate Income Tax (Cita) collection*, ini tidak kira IKS kerana SME ini mengalami permasalahan yang sangat besar dan semua kajian membuktikan keadaan sedemikian tetapi yang disebut pendapatan daripada cukai korporat dan cukai pendapatan di antara RM40 hingga RM45 bilion itu telah melebihi unjuran yang munasabah sekitar RM20 bilion.

Jadi ini nanti menunjukkan dalam angka pendapatan agak tinggi untuk menunjukkan supaya kita tidak mengalami defisit padahal kita sudah sebut dalam keadaan kita mengalami COVID-19 ini kita tidak sangat tekankan soal defisit. Kerajaan boleh tangguh, terpaksa hadapi masalah defisit. Tidak payah hendak cuba kelirukan dan kaburi mata rakyat kata kita dapat kawal defisit dengan membuat satu hujah yang salah dan tidak benar mengenai unjuran pendapatan seperti mana yang saya buktikan tadi. *[Tepuk]*

Kita ambil umpamanya pendapatan individu, cukai pendapatan atau *income tax*. Kerajaan jangka untuk dapat kutip RM42.4 bilion tahun 2021 dan RM35.9 bilion tahun 2020. Maknanya meningkat RM6 bilion kepada RM38.68 bilion berbanding kutipan tahun 2018 berjumlah RM32.6 bilion. Akan tetapi kita kena ingat pada masa itu diberi *amnesty* oleh Menteri Kewangan yang lalu.

■1130

Jadi, pendapatan *one-off* itu tidak boleh memberikan gambaran bahawa ada lonjakan. Hubungan kadar pengangguran, gaji dan cukai pendapatan individu meningkat sebanyak 5.1 peratus kepada suku ke suku tahun 2020. Dalam pada yang

sama, kita tahu bahawa selain daripada pembuangan pekerja, pertumbuhan gaji yang negatif bagi pekerja dalam sektor swasta.

Suku tahun 2020, negatif sebanyak 5.6 peratus. Suku pertama positif sebanyak 2.1 peratus, suku kedua negatif sebanyak 5.6 peratus. Kalau negatif begini, daripada mana yang boleh dapat wang lebih ini? Ini daripada *Quarterly Bulletin* Bank Negara Malaysia, negatif *wedges growth, second quarter 2020*. Selain daripada itu, Yang Berhormat Menteri Kewangan maklum tentang pemotongan elaun dan kerja dari rumah, yang juga akan melibatkan pemotongan pelbagai elaun.

Maka oleh itu, unjuran hasil cukai pendapatan individu yang dianggarkan pada tahun 2021 sekitar sebanyak RM42.4 bilion, pada hemat saya bukan sahaja tidak munasabah tetapi tidak bertanggungjawab kalau diteruskan dan tidak dipinda oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan selepas ini. Ini kerana, ia masih harus susut dan saya tidak fikir ia boleh melebihi sebanyak RM36 bilion.

Berikutnya, soal Kumpulan Wang Amanah Pencen. Maknanya, untuk menunjukkan pendapatan kita bertambah, apa yang Yang Berhormat Menteri Kewangan lakukan ialah mengambil sebanyak RM5 bilion daripada KWAP untuk tahun 2020 dan sebanyak RM5 bilion untuk tahun 2021. Maknanya, kerajaan ambil daripada Kumpulan Wang Amanah Pencen masuk sebagai pendapatan. Padahal ada cara-cara lain iaitu sukuk atau bon daripada mengambil wang dan dipindahkan begitu rupa.

Ini hanya untuk menampung perbelanjaan mengurus atau OpEx, tetapi sebanyak RM5 bilion itu dipindahkan untuk dikelirukan seolah-olah ini pendapatan negara. Maknanya, sebanyak RM5 bilion tahun 2020 ambil daripada Kumpulan Wang Amanah Pencen nampak seolah-olah penambahan pendapatan negara sebanyak RM5 bilion.

Berikutnya, hasil bukan cukai. Untuk tahun 2021, kategori daripada pulangan dan pelaburan dalam negeri yang lain akan meningkat. Tahun 2020 anggaran sebanyak RM7.27 bilion, tahun 2021 sebanyak RM14 bilion dengan kenaikan sebanyak 93.16 peratus. Tahun 2019, sebanyak RM2.378 bilion diterima.

Hasil wang bukan cukai ini saya hendak tanya daripada mana? Hendak jual tanah mana? Hendak jual saham mana? Kalau jual saham dalam keadaan sekarang saham-saham kerajaan memang melingkuplah namanya kerajaan. Ini kerana, kerajaan keadaan saham yang begitu rendah sekali. Kalau tanah kita hendak tahu tanah bagaimanakah? Kroni mana yang dapat? Rundingan terus dengan siapa? Apakah ada tender atau tidak? [*Dewan tepuk*]

Jumlah ini yang disebut jumlah terbesar yang pernah dilakukan dalam negara kita. Jumlah yang hendak diperoleh sebegitu tinggi dan tidak ada penjelasan daripada

mana? *Plus* bilion daripada mana? Hendak jual apa, hendak dapat daripada mana? Siapakah hendak bagi? Ini tidak dijelaskan. Jadi, kalau dijelaskan dan sebahagiannya kita hendak tahu mesti ada ketelusan, mesti ada tender, jangan ada bentuk penipuan dan juga kepentingan beberapa buah syarikat ataupun kroni untuk mendapat hasil daripada usaha yang disebut tadi iaitu pendapatan.

Oleh demikian, anggaran hasil negara bagi Belanjawan 2021 ini daripada cukai korporat, cukai pendapatan, ambil Kumpulan Wang Amanah Pencen, jual aset, perlu penjelasan terang daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan. Unjuran sebenarnya pada hemat saya, tidak boleh melebihi sebanyak RM198 bilion berbanding sebanyak RM236.9 bilion yang diunjurkan oleh kerajaan. Saya harap rakan-rakan daripada Ahli Yang Berhormat sebelah sini dan sebelah sana dapat bersama meneliti semula angka-angka ini. Ini kalau ikut COVID-19 *budget* – meminjam kata-kata Dr Geoffrey Williams dan Nur Muhammad Tajrid, “*An ordinary budget for extraordinary times*” ya.

Bagi saya bukan sahaja *ordinary*, tetapi *misleading budget* dalam menghadapi masalah yang *extraordinary*. [Tepuk] Apa *extraordinarynya*? Ditekankan berulang kali COVID-19. Jadi, maknanya rakyat fikir ini terpaksa, kita kena tolong bagi sebanyak RM500 ini, sebanyak RM300 ini. Seolah-olah begitu *extraordinarynya*. Akan tetapi, jangan lupa Kumpulan Wang COVID-19 ini masih merupakan jumlah kecil 17 daripada keseluruhannya. Walaupun dijelaskan kemudian tentang soal peruntukan Kementerian Kesihatan ini yang dibantahi oleh banyak kalangan. Yang Berhormat Menteri Kewangan jelaskan, ‘Oh! Tidak. Tak nampak di sini, nampak dalam *development expenditures*’.

Ini saya tidak faham betul. Ramai yang bekas Yang Berhormat Menteri Kewangan di sini dari Bagan, saya sendiri, dari Pekan kita tidak dapat – Mana boleh kita guna peruntukan Kementerian Kesihatan kemudian dia sorok pula belah sana lagi bawah *development expenditures*. Buat apa ini?

Beberapa Ahli: Betul. [Tepuk]

Dato’ Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Peruntukan ini harus memberi penjelasan. Tidak boleh umpamanya. Saya fikir sebab utamanya hanya hendak tunjuk bahawa tidak ada defisit yang bertambah. Akan tetapi, tidak boleh dalam bentuk penipuan angka atau mengelirukan. Kita baca teliti, kemudian yang kita faham daripada buku penyata ekonomi, kenyataan dan juga ucapan tetapi tidak dapat dibaca sehingga dibantahi kemudian baharu dibangkit. Ada, ada, celah sana, celah sini, disorok sana, disorok sini.

Jadi oleh yang demikian, kalau kita lihat umpamanya Buku Tinjauan Ekonomi, sembilan isu dalam pengurusan prospek ekonomi itu ditekankan. Banyak yang menarik. Kesihatan rakyat, saya tekankan yang tiga yang utama dan saya percaya

Ahli-ahli Yang Berhormat yang berikut akan teliti mencerakinkan secara teliti tiap-tiap aspek yang disebut. Akan tetapi, yang saya hendak tekankan di antara tiga yang terkait ialah:

- (i) kesihatan rakyat;
- (ii) jaminan bekalan makanan yang tidak mencukupi; dan
- (iii) peluang pekerjaan terhad.

Maka, saya mulakan tentunya kalau dalam soal kesihatan dengan Kementerian Kesihatan. Saya ambil kesempatan ini untuk menyatakan penghargaan. Kita hargai Kementerian Kesihatan kah Ketua Pengarah kah *front liners* ialah dengan memastikan kita juga urus dengan baik. Jangan kita suruh *front liners* bekerja baik dan kita *dok* kira kontrak di kementerian itu. Ini yang berlaku.

Kita minta orang korban. Bagilah sebanyak RM300 atau RM500, dia pun senang hati, tetapi tumpuan kita ini berapa boleh untung daripada kontrak yang kita luluskan? Ini kerja begini mesti dihentikan. Kementerian Kewangan mesti pastikan proses tender yang lebih telus dan harga yang lebih patut. Saya tekankan umpamanya, dimasukkan dalam peruntukan Kementerian Kesihatan penambahan sebanyak RM1.3 bilion tahun depan berbanding peruntukan sebelumnya.

■1140

Akan tetapi kita juga tahu peruntukan untuk vaksin RM3 bilion saya sebutkan tadi itu tidak dimasukkan kerana penambahan itu hanya RM1.3 bilion, tidak termasuk. Saya teliti tengok masuk, tidak ada. Yang Berhormat Menteri Kewangan kata ada. Dari manakah ini? Dari mana sumber RM3 bilion? Kemudian MOSTI, Menteri MOSTI sudah seronok, *tweet* hari-hari kita dapat RM3 bilion, RM3 bilion. Dari manakah RM3 bilion ini? Tidak ada sebut. [*Tepuk*]

Jadi, oleh yang demikian, kita tahu bahawa keperluan dan kita sokong. Kalau betul ada keupayaan kita dapat vaksin, suku pertama atau suku kedua kita siapkan peruntukan dengan jangkaan akan memperoleh vaksin, tidak ada sebab mengapa kita harus bantah. Akan tetapi kita tidak boleh sebut umpamanya RM3 bilion, tetapi RM3 bilion itu atas langit sebagai contoh. Jadi, ini saya bimbang kerana ia nampak macam *manipulation figures budget* dan ini tidak boleh diizinkan dalam keadaan sekarang. COVID-19, peruntukan tidak tambah, peruntukan yang harus ada tidak ada dan kemudian kita tambah peruntukan lain dalam pembangunan yang akan saya sentuh.

Kedua, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, ia susut RM158 juta. Menteri Kewangan sebut kita bagi bantuan subsidi harga padi. Tepuk belaka, yang tepuk tidak tahu bahawa peruntukan subsidi padi itu dikurangkan. [*Tepuk*] Berbanding tahun 2020, berkurangan RM50 juta. Penanam padi ini kategori rakyat miskin, Kedah, Kelantan, Terengganu sampai Sabah dan Sarawak. Akan tetapi subsidi padi

dikurangkan dan menjejaskan kedudukan ratusan ribu keluarga penanam padi majoriti Melayu Bumiputera dan B40. Padahal kita tekankan ini sebagai keutamaan, tetapi kita kurangkan. Ini sebagai satu contoh.

Belanjawan 2021 juga, dana bagi LKIM berkurangan RM37.6 juta berbanding tahun sebelumnya iaitu RM1.6132 juta untuk tahun 2021. Jadi, kurang RM37.6 juta. Apa yang dilakukan oleh Kementerian Kewangan adalah kurang daripada LKIM, kemudian ambil lebih itu dan bagi kepada nelayan. Ini bagi saya satu yang mengelirukan dan cuba *you* tarik daripada LKIM. LKIM itu tanggungjawabnya membantu menyediakan prasarana dan kemudahan membantu nelayan. Kalau apa yang berlaku penurunan sebanyak 35.19 peratus ini akan memberi kesan kepada nelayan. Jadi nelayan apabila dengar ucapan belanjawan, nampak gembira dapat RM300. Sebenarnya dipotong daripada peruntukan yang sebelumnya. [*Tepuk*]

Kementerian Sumber Manusia, peningkatan 0.7 peratus berbanding atau ketimbang tahun sebelumnya. Padahal kalau dilihat Kumpulan Wang COVID-19, subsidi upah yang diumumkan hanya bagi tempoh tiga bulan dengan RM1.5 bilion diperuntukkan bagi menampung 900,000 orang pekerja. Bagi tahun 2020, RM12.5 bilion subsidi upah disediakan. *Now*, subsidi upah yang dilanjutkan enam bulan sehingga sembilan bulan, itu saya setuju. Akan tetapi, kita kena ingat bahawa 53 peratus yang disebut jumlahnya ialah 820,000 penganggur pada Mei 2020 yang di antara tertinggi yang pernah kita catat. Jadi, apakah jumlah ini dan pendekatan begini boleh menyelesaikan masalah yang berlanjutan? Kalau setakat ini kita lihat sehingga akhir tahun, belum ada kesan pemulihan yang sebenarnya. Berdasarkan Jabatan Perangkaan Malaysia 2020 Siri 8, sebanyak 26.3 peratus daripada jumlah 15.3 juta tenaga kerja di Malaysia yang terlibat dalam industri ekonomi gig atau empat juta orang pekerja Malaysia yang dikategorikan sebagai *freelancer* atau pekerja bebas.

Kalau statistik tenaga buruh di Malaysia Ogos 2020, Jabatan Perangkaan, kadar pengangguran kekal pada 4.7 peratus 2020. Maknanya, 741,600 MIER *on unemployment*, pengangguran maknanya agak stabil keadaan begitu dan dengan PRIHATIN, PENJANA dan pakej stimulus dan moratorium bank harus kekal dalam keadaan yang sama, tetapi masih membimbangkan kerana mungkin mencecah sehingga 4.5 peratus. Oleh yang demikian, menangani masalah pengangguran bukan sahaja dengan *retraining* seperti mana ditekankan oleh Kementerian Sumber Manusia, tetapi ialah kerana memberikan jumlah bantuan yang mencukupi supaya mereka boleh *survive* dalam keadaan sukar sekarang.

Kementerian Dalam Negeri, penyusutan RM75 juta. Padahal ditugaskan kepada pihak polis dan pihak keselamatan tugas yang lebih, tetapi penyusutan RM75 juta dan mereka ini termasuk yang disebut barisan hadapan, polis, warden penjara,

kakitangan beruniform yang lain. Jadi, kita minta supaya ini dapat diteliti semula dan tidak mengutamakan projek-projek mega kerana yang ditekankan projek mega itu lebih daripada yang diuar-uarkan. Kalau dalam propaganda ini semua simpati dengan *frontliners*, sampai *frontliners* semua simpati. Akan tetapi kalau ikut daripada segi unjuran perbelanjaan untuk kemudahan mereka, kesihatan, topeng dan sebagainya, tidak setimpal dengan apa yang diumumkan.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Yang Berhormat Port Dickson.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya, sila Yang Berhormat Lembah Pantai, celahan.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Terima kasih. Ringkas sahaja. Yang Berhormat Port Dickson sebut tentang *frontliners* yang bukan sahaja daripada kalangan KKM, tetapi juga anggota polis, warden penjara dan petugas dan Yang Berhormat Port Dickson menyebut tentang propaganda.

Kita tahu pada Jumaat yang lalu, Menteri Kewangan tidak menyebut peruntukan RM85.5 juta untuk JASA atau agensi propaganda. Jadi, adakah Yang Berhormat Port Dickson bersetuju sekiranya kita pinda dan kita batalkan RM85.5 juta untuk JASA ini dan kita berikan seluruhnya kepada *frontliners* yang bukan daripada KKM. [Tepuk] Apa pandangan Yang Berhormat Port Dickson?

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: Yang Berhormat Port Dickson, Johor Bahru hendak tambah sedikit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Port Dickson. Saya hendak menyusuli apa Yang Berhormat Lembah Pantai sampaikan dan pada masa yang sama, saya dengar penerangan daripada Ketua Pembangkang tadi, bagaimana peruntukan itu disorok dan sebagainya.

Umum, ada peruntukan RM3 bilion untuk vaksin, khabar satu dunia, tetapi apabila semak bajet, tiada. Akan tetapi juga seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Lembah Pantai tadi, bajet yang terang-terang untuk propaganda itu tidak disorok, dimasukkan RM85 juta. Contoh satu lagi kalau Yang Berhormat Port Dickson boleh tengok di bawah KPKT, ada penggerak komuniti tempatan. Kita tahu bahawa NGO ini rapat dengan parti politik, masuk berjuta-juta. Jadi apabila dimasukkan propaganda-propaganda ini dalam keadaan kita mahukan bajet ini untuk rakyat, kita mahu supaya kerajaan ini membantu *frontliners*. Akan tetapi masalahnya yang kita nampak, yang patut dibuat, tidak dibuat, yang tidak patut dibuat, dibuat secara terbuka. Mohon pandangan Yang Berhormat Port Dickson. [Tepuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Silakan Yang Berhormat Port Dickson.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai, Yang Berhormat Johor Bahru. Memang JASA itu akan dimasukkan kemudian dan juga KPKT RM8.6 juta. Akan tetapi yang ini saya simpati dengan Yang Berhormat Menteri Kewangan sebab dia bukan orang politik. *[Ketawa]*

■1150

Orang masukkan jadi dia Menteri Kewangan, tulis sahaja. Akan tetapi saya hendak beritahu Menteri Kewangan, bila begini, jadi macam ini, dibuka, yang kena jawab Yang Berhormat Menteri Kewangan. Jadi, sebagai sahabat yang simpati, batalkan sahajalah. *[Ketawa]* Mana boleh.

Akan tetapi saya akan sentuh mengenai perkara itu. Ini saya hendak sentuh sedikit tentang Perintah Kawalan Pergerakan (PKPB) ini. Kalau tanya tadi, macam Tuan Yang di-Pertua dibagi gambaran seolah-olah satu fatwa daripada Kementerian Kesihatan, kita jangan bahas lagi. Tidak betul. Semua ini ada hujah dia, ada pakar kesihatan yang pertikai. Umpamanya Selangor, buat PKPB, kerajaan negeri Selangor tidak tahu pun, satu. Keduanya, Hulu Selangor, Sabak Bernam tidak kena mengena, yang hendak satu negeri ini sebab apa? Ia menjejaskan kegiatan ekonomi.

Jadi oleh demikian, sementara kita harus kawal dan jaga soal kesihatan, ini bagi macam ini, semua ini untuk di Parlimen, saya sampai tidak boleh sebelah langsung dengan Yang Berhormat Kota Raja, jauh tidak dengar. Akan tetapi, tahu-tahu ada arahan baharu keluar, jadi yang ini buat apa?

Jadi, hal-hal yang sedemikian boleh kita bahaskan, saya hendak izin meminta supaya walaupun kita terima baik, pengorbanan, kerja dan sebagainya, kita tidak pertikai. Akan tetapi di semua negara, perbahasan di antara keperluan *lock down* yang tamat ataupun *selective*, itu semua dibahaskan.

Di antara kepentingan mengawal kesihatan yang menjadi diutamakan dan juga kepentingan jaga kehidupan mereka, tidak sama. Orang yang ada pendapatan gaji Menteri, dia tidak tahu orang yang hilang pekerjaan kerana sekatan ini. Masalah mereka itu serius, maka yang demikian pertimbangan di antara kesihatan dan juga ekonomi dan pekerjaan *basic* itu harus ada.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Minta laluan. Pohon laluan Yang Berhormat Port Dickson.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Setiawangsa.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Sekejap sahaja, Setiawangsa hendak tanya pandangan Yang Berhormat Port Dickson. Kita dua-dua bukan pakar kesihatan. Akan tetapi dari segi *public policy*, cara kita kira kes COVID-19 yang ada di dalam negara ini tidak diambil kira kepadatan penduduk. Bila MKN

misalnya mengumumkan PKPB hampir seluruh negara, ada pakar-pakar perubatan yang mempertikaikan, kerana ada sebenarnya mungkin negeri Sabah atau Labuan dari segi kepadatan yang perlu PKPB atau malah PKP, tetapi negeri-negeri lain sepatutnya tidak di *lock down* sepenuhnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Port Dickson.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Setuju. Itu yang saya tekankan. Umpamanya tujuh kes satu negeri, terus PKPB. Apakah hendak ditekankan hanya satu kawasan? *Enforcement* yang keras saya tak mempertikai. Kalau kita hendak pastikan penguatkuasaan yang tegas, kita sokong. Tidak pernah kita pertikai, tindakan tentera atau polis ataupun pasukan keselamatan dalam mengawal. Akan tetapi, itu pun kena jaga juga, kadang-kadang untuk VVIP terlepas, untuk di bawah kena teruk.

Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]: Yang Berhormat Port Dickson?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Itu pun masalah juga.

Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]: Mencilah boleh Yang Berhormat Port Dickson?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Jadi orang tidak yakin, apakah sungguh-sungguh pelaksanaan mereka. Itu satu. Keduanya, apakah perlunya sampai begini berlarutan? Jadi saya minta...

Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]: Yang Berhormat Port Dickson, boleh mencilah sedikit?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Jadi, saya minta supaya dalam ini, dia mesti *open data* dan data tidak tahu.

Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]: Yang Berhormat Port Dickson, boleh celah sedikit Yang Berhormat Port Dickson?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Saya hendak tekankan ini –Sekejap. Mesti ada ketelusan, kita kena tahu. Ada tujuh kes di Selangor umpamanya, di Petaling Jaya. Di mana dan apa kebenarannya? Bila ada *open data* dan maklumat yang telus, orang lebih yakin. Sekarang ini lebih ramai orang yang mula pertikai. Ini apa dia ini? Mengapa sampai berlarutan? Kesungguhan mereka untuk sedikit PKPB, sedikit PKPB. Lagi kerajaan tu lemah, lagi banyak PKPB.

Seorang ahli: Darurat terus.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Sampai darurat terus. Jadi, ini masalah dia, tidak boleh darurat, PKP, PKP. Kalau betul masalahnya, bagi contoh dan teliti, orang boleh terima. Saya pun tidak mahu pertikai, ini kerana soal

keselamatan dan kesihatan, harus diutamakan. Akan tetapi jangan digunakan ini sehinggakan orang mula pertikai kesahihannya.

Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]: Terima kasih Yang Berhormat Port Dickson. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Port Dickson bahawa di dalam Dewan ini, kita telah nampak bahawa kita telah banyak belanja untuk adakan alat-alat *separation* di antara satu sama lain. Akan tetapi, kalau kita ikut, mereka buat sanitasi pada pagi sahaja. Di dalam perkara itu, kalau pagi dibuat sanitasi, fasal apa kita tidak boleh berhentikan pada pukul satu, sanitasi Dewan ini lagi untuk dua jam dan kita mula pukul tiga petang hingga pukul enam petang?

Seorang ahli: Betul.

Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]: Fasal apa kita tidak boleh lakukan? Ini sebab, kita tidak payahlah dengar sangat kepada Ketua Pengarah Kesihatan juga. Ini Dewan ini, rakyat kita - wakil-wakil kita dipilih oleh rakyat untuk membuat hujah di dalam Parlimen. So, saya minta kalau boleh Yang Berhormat Port Dickson, bolehkah kita buat satu andaian bahawa kita kena lihat keadaan semula lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila, Yang Berhormat Port Dickson.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Celahan Yang Berhormat Port Dickson. Yang Berhormat Port Dickson, singung fasal pelaksanaan PKPB. Itu satu pengumuman dasar, tetapi pelanggarannya itu berlaku secara terpilih. Kita baca lumat hadam, kita baca hadis nabi, "*Kalau Fatimah anakku mencuri sekalipun, nescaya akan aku potong tangan*".

Begitulah Dato Mufti Menteri Agama pun senyum membenarkan. Saya tidak hafal **mata** dia, marhum dia saya boleh ingat. Kita pun mengaji sikit-sikit daripada kawan-kawan dulu. Akan tetapi sekarang, bila berlaku kepada kawan kita, terang-terang, dalil? Salah tidak? Salah. Dalil kompaun, rakyat penjara, denda. Kenapa kompaun? Sah berlaku kesalahan. Serah polis siasat, polis siasat bagi pada AG, AG bagi pada polis, polis pada AG, AG pada polis, *last-last* terlepas.

Kemudian, kita bagi dalil membenarkan pula hud-hud lah, borang tidak bagilah. Langkah terpuji fasal tidak pakailah. Segala macam. *Jangan underestimate, never underestimated the wisdom of the people. [Dewan tepuk]*. PKPB rakyat patuh, Akan tetapi bila orang besar lakukan pelanggaran, bukan sekadar kita tidak tegur, kita lepaskan, bahkan kita sokong lagi. Ini dalam celahan saya, sama ada Yang Berhormat Port Dickson - tidak payah ulas setuju atau tidak. Terima kasih.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Yang Berhormat Port Dickson celahan.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Langat.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Yang Berhormat Port Dickson, boleh celahan sikit?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Bagi saya ulas ini dulu.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Okey.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Sebenarnya hadis itu kalau kita baca dan teliti dan saya percaya kawan-kawan Ahli-ahli Yang Berhormat yang bukan Islam pun tahu. Nabi Muhammad SAW itu memulakan dengan memberi bandingan bahawa pada zaman dahulu, malapetaka kerana orang-orang besar melakukan kesilapan dan dimaafkan dan didera orang kecil, barulah dia sambung, *"Wallahi, Kalau Fatimah binti Muhammad mencuri, aku hukum, potong tangannya"*.

Itu menunjukkan bahawa dalam menegakkan hukum, itu tidak boleh pilih darjat, kerana rosak pemerintahan terdahulu kerana pilih darjat. Jadi mudah-mudahan dengan pengajaran ini, kita akan tahu bahawa rosak kerajaan sekarang kerana pilih darjat dan ada perubahan yang akan disegerakan. *[Dewan tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Kuantan.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Port Dickson. Saya ingin meminta pandangan Yang Berhormat Port Dickson berkenaan dengan PKPB yang baharu diumumkan di seluruh negara melainkan tiga negeri iaitu Kelantan, Perlis dan juga Pahang. Apa yang berlaku Yang Berhormat Port Dickson, semua sekolah ditutup walaupun di negeri-negeri yang bukan PKPB. Di Pahang tidak ada kes, ibu-bapa terpaksa bekerja, tetapi anak-anak diberi hanya satu hari notis, sekolah tutup. Seluruh negeri Pahang pening kepala Tuan Yang di-Pertua. Minta penjelasan, apa pandangan Yang Berhormat Port Dickson.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Kuantan, sila Yang Berhormat Port Dickson.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Terima kasih Yang Berhormat Kuantan. Saya faham seperti mana Yang Berhormat Menteri Pertahanan menjelaskan setiap hari berdasarkan tentunya keputusan MKN dan Kementerian Kesihatan. Oleh sebab itu kita minta supaya diteliti dan dihalusi, jangan dibebankan begitu rupa. Susah kita hendak pertahankan keputusan yang mendadak begini. Macam sekolah ditutup begitu dalam tempoh satu hari. Kemudian kita sebut sebelum ini tentang *online*,

walaupun *connectivity* tidak ada, kemudahan komputer tidak ada. Jadi, kenyataan-kenyataan Menteri itu hanya memudahkan tetapi pelaksanaannya itu sangat hambar.

■1200

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Yang Berhormat Port Dickson.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Jadi, itu tentang PKP. Boleh saya sambung?

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Boleh saya mencelah? Sedikit sahaja berkaitan pendidikan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Simpang Renggam.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Port Dickson kerana berikan laluan celahan.

Saya ingin mencadangkan supaya bagi pihak Kementerian Pendidikan Malaysia yang diterajui oleh Yang Berhormat Menteri Kanan Senator untuk membentuk satu jawatankuasa bersama dengan pihak Ahli Parlimen daripada pelbagai parti ini untuk membantu beliau dalam isu-isu pendidikan sewaktu pandemik dan selepas pandemik. Kerana isu pendidikan merupakan isu bersama. Ia merupakan kepentingan negara dan kepentingan rakyat yang akan menjamin kelangsungan masa depan negara itu sendiri.

Jadi, ini cadangan saya. Minta pandangan Yang Berhormat Port Dickson. Terima kasih.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Terima kasih. Yang Berhormat Simpang Renggam boleh jadi penasihat utama kerana lebih bijak menangani masalah pendidikan ini. [*Tepuk*] Lebih prihatin, tahu— kalau bercakap soal *online*, tahu komputer ada atau tidak, *connectivity* ada atau tidak. Sekolah tutup, apa kesan ibu bapa, apa kesan pada mutu pendidikan masa hadapan. Saya setuju kalau boleh diadakan perundingan dengan semua pihak.

Baik, sekarang ini Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Ini soal JASA. Ya, itulah saya sebut tadi Menteri Kewangan jadi mangsa orang politik. Bagilah hujah apa, karut pun, orang tidak boleh terima sudah.

Beberapa Ahli: Betul.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Orang susah. *You* cakap simpati *frontliners*, bagi RM300 pada nelayan, *you* bagi subsidi padi, tetapi untuk kroni politik kita, untuk meneruskan propaganda kotor mereka, RM81 juta diberikan.

Beberapa Ahli: Betul.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Ya, saya minta ini, Menteri Kewangan...

Tuan Mohamad bin Sabu [Kota Raja]: Yang Berhormat...

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: ...Batalkan peruntukan ini. Juga kepada KPKT tentang penggerak komuniti. Penggerak komuniti dari mana? *One-off grant*. *One-off grant* RM8.6 juta untuk kesenangan kelompok Menteri Wanita, Menteri KPKT ini. Mana boleh. Menteri Kewangan kena jaga integriti dan kredibiliti. Jangan pakai masukkan sahaja tuntutan-tuntutan mereka. *One-off* kah, *two-off* kah, saya tidak kira.

Tuan Mohamad bin Sabu [Kota Raja]: Orang sebelah hendak tanya.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Yang Berhormat Kota Raja.

Tuan Mohamad bin Sabu [Kota Raja]: Yang Berhormat Port Dickson, Ketua Pembangkang. Saya kurang bersetuju dengan Yang Berhormat Port Dickson. [Ketawa] Bukankah RM80 juta ini perlu untuk membuat propaganda? "*Lihat kerajaan kami. Tanpa Yang Berhormat Port Dickson, tanpa DAP, kami berjaya membina kerajaan ketuanan Melayu.*" Bukankah mereka mencontohi negara besar seperti Amerika Syarikat, *white supremacy* yang akhirnya ditolak oleh rakyat dalam pilihan raya minggu ini? Jadi, kita sokong belanjawan ini supaya pilihan raya akan datang dengan wang propaganda ini, rakyat akan tolak Kerajaan PN ini. [Dewan riuh] Ini saya tidak bersetuju dengan Yang Berhormat Port Dickson dalam hal ini. Minta ulasan.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Terima kasih Yang Berhormat Kota Raja. Ya. Cuma, jumlahnya besar sangat. Kalau dia Menteri Kewangan luluskan sekitar RM8,000, okey, kita boleh luluskan. Akan tetapi dalam keadaan rakyat susah, zalim ambil wang RM80 juta lebih, kemudian RM8.6 juta untuk KPKT.

Tuan Yang di-Pertua, ini *unprecedented*. *One-off grant* kepada penggerak komuniti dan NGO entah apa, tanpa *detail*. *One-off* hanya untuk jaga keperluan Menteri berkenaan dan kelompok politik mereka. Kemudian guna pula propaganda sembah kepada raja-raja, bentang kepada rakyat dan kepada Ahli Parlimen, "*Ini belanjawan COVID-19*". Saya tidak mahu hurai panjang isu itu kerana saya percaya rakan-rakan akan kemukakan.

Kemudian, ini pencarum KWSP. Keluar Akaun 1 sebanyak RM500 sebulan untuk tempoh 12 bulan. Perdana Menteri sebut kalau ikut dia, dia pun tidak setuju, tetapi terpaksa kerana desakan rakyat. Maknanya, Perdana Menteri pun tidak faham peringkat awal bahawa rakyat itu pilih hendak dikeluarkan daripada KWSP itu kerana keadaan terpaksa. Saya faham. Kalau tanya saya awal, saya memang kurang setuju pada prinsipnya kerana KWSP itu adalah jangkaan sara masa hadapan. Akan tetapi kalau keadaan dia terdesak, hendak hidup pun susah, bagilah hak dia untuk mengeluarkan wang dia sendiri. Ini meringankan sedikit walaupun jumlahnya kecil.

Saya tidak fikir RM500 itu angka yang munasabah bagi B40. Dia tidak boleh hidup dengan RM500 sebulan. Ada lima, enam anak. Walaupun pun 600,000 keluarga yang terjejas, saya cadangkan supaya ini ditambah dan diberi kelonggaran kerana sebenarnya jumlah ini membabitkan hanya RM4 bilion dan ini ada keupayaan. Mengapa kita bangkitkan soal KWSP adalah kerana kegagalan kita membantu mereka. Dia tidak ada pilihan. Dia dapat PRIHATIN dan sebagainya, tidak boleh hendak hidup. Oleh yang demikian, terpaksa ambil wang daripada KWSP.

Saya meminta supaya hal ini dijalankan, pinjaman yang harus ditangani oleh kerajaan kerana ini akan bukan sahaja menyelesaikan masalah mereka sementara tetapi juga akan dapat membantu mereka dalam menempuh hidup berikutnya. Jadi, pembiayaan ini, saya sebut tadi sama ada melalui bon atau sukuk, boleh mengurangkan beban pencarum dan rakyat. Pinjaman yang dianggarkan adalah sekitar 3.6 peratus dan hanya meningkatkan defisit sebanyak 0.23 peratus.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Yang Berhormat Port Dickson, pencelahan. Terima kasih Yang Berhormat Port Dickson.

Seperti mana yang telah pun diumumkan, setiap pencarum KWSP hanya layak mengeluarkan RM500 sebulan. Akan tetapi, sedar atau tidak, pekerja itu telah dipotong 11 peratus, majikan 12 peratus? Kalau seseorang pekerja itu bergaji RM3,000, dia telah dipotong hampir RM750. Persoalan hari ini adalah mengapa susah sangat hendak bagi RM10,000 itu pada pekerja yang ternyata mereka dalam kesengsaraan dalam COVID-19 ini?

Dalam masa yang sama, Yang Berhormat Port Dickson, saya terpaksa menyinggung sebab tadi saya tidak boleh masuk sebab saya terlampau beri tumpuan kepada Yang Berhormat Port Dickson.

Fasal pekerja yang telah dibuang itu yang termasuklah Malindo hampir 2,200 orang dan saya tengok *function* daripada SIP itu, Skim Insurans Pekerja, tidak ditambah, tidak diberikan bantuan untuk sementara. Saya lihat bahawa kerajaan ini tidak ikhlas dalam memastikan bahawa penyelesaian tentang pengangguran dan pembuangan kerja itu tidak dilaksanakan dalam masa malapetaka pada waktu ini.

Saya hendak cadangkan supaya dikaji semula, supaya disasarkan SIP itu diberikan keutamaan dan dibantu pekerja-pekerja yang telah dibuang kerja yang dalam keadaan sarat pada waktu ini. Saya mohon Yang Berhormat Port Dickson mempersetujui pandangan saya. Terima kasih.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Terima kasih. Yang Berhormat Kapar, soal pertamanya KWSP, saya telah tegaskan. Jangan kita anggap ini sebagai suatu tindakan hanya hendak belas kasihan kerana ada tuntutan orang ramai. Tidak. Kita tahu masalahnya itu *real*. Kerajaan tidak dapat menampung, maka

terpaksa dia cari dana dia sendiri iaitu untuk mengambil daripada KWSP walaupun secara terbatas.

Keduanya soal Malindo. Saya percaya Menteri Sumber Manusia pun ada kerana jawapan yang diberi oleh Menteri itu agak membimbangkan kerana mereka anggap umumnya bahawa kurang penekanan simpati terhadap orang yang dibuang kerja kerana selalunya kita itu *favor* kepada syarikat. Saya percaya kita harus beri ruang. Menteri harus dengar kesatuan dan wakil-wakil pekerja dahulu sebelum menemui syarikat, wakil syarikat. Kalau ada masalah, maka sama-sama mesti ada tanggung. Janganlah jadi macam keadaan sekarang di mana syarikat rugi, termasuk GLC, Tuan Yang di-Pertua, ada yang dibuang pekerja, ada yang dipotong elaun, tetapi CEO gajinya masih juta-juta, tidak ada langsung sedikit pun kesan pemotongan. Jadi nampak sangat bukan sahaja kesenjangan tetapi kurang pertimbangan kemanusiaan di sini.

■1210

Saya hendak sentuh tentang belanja pembangunan. Belanja pembangunan biasanya termasuk tahun 2020 adalah sebanyak RM50 bilion. Akan tetapi tahun 2021, ditambah menjadi RM71 bilion, peningkatan sebanyak RM19 bilion. Kalau minta ambil *contingency* sebanyak RM2 bilion, itu tidak apa, saya tidak sentuh. Ini termasuklah yang besar iaitu pengangkutan, pelajaran dan latihan, pertahanan, kesihatan dan kependudukan.

Saya hendak tekankan di sini, selain daripada *ongoing project* termasuk Lebuhraya Pan Borneo. Akan tetapi kalau saya hendak beranikan sedikit, Lebuhraya Pan Borneo walaupun diteruskan, *scalanya* boleh dikurangkan supaya wang itu boleh diberikan kepada rakyat Sabah dan Sarawak untuk kesihatan, pendidikan, sara hidup untuk menampung kesusahan mereka sekarang ya. [*Tepuk*] Kita tidak batalkan. Maksudnya kita boleh teruskan, tetapi *scale down* supaya dapat kita bantu. Akan tetapi, tumpuan kita dalam belanjawan COVID-19 ini mestilah tumpuan menyelesaikan masalah kesihatan dan pekerjaan rakyat.

Jadi sebab itu, saya kurang faham mengapa perbelanjaan pembangunan itu ditinggikan. Saya cadangkan tambahan— dia RM50 bilion campur RM19 bilion, saya cadangkan Menteri Kewangan, sebanyak RM19 bilion tambahan pembangunan ini, bukan dipotong, dipindahkan kepada Kumpulan Wang COVID-19. Jadi, kita *settle* masalah pengangguran, masalah pekerjaan, masalah subsidi rakyat yang mendesak ini dan bukan digunakan untuk— Saya percaya wang RM19 bilion ini mesti kontrak-kontrak baharu dan seperti biasa, amalan-amalan *bobrok* itu mungkin diteruskan sebab itu saya tengok sangat minat hendak tambah peruntukan pembangunan. Padahal dalam keadaan sekarang, tumpuan kita, COVID-19, COVID-19, COVID-19,

bukan untuk pembangunan. Oleh sebab itu, ia terkait dengan isu tadbir urus yang baik, tolak ketirisan yang terus menjadi masalah sekarang ini.

Soal moratorium bank ini, saya percaya rakan-rakan ramai yang bangkitkan. Ini...

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]: Kuala Selangor, mencelah Yang Berhormat Port Dickson, dengan izin.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Sebelum moratorium bank ya.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Sebab moratorium bank ini Menteri Kewangan kena dengar sebab dia *banker* dan saya selalu tegur, dia mesti pro rakyat, bukan pro bank.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]: Ya, dalam nafas itu juga Yang Berhormat Port Dickson, Kuala Selangor membangkitkan *among the winners and the losers* dalam bajet ini, kita perhatikan *winners* ini adalah *the builders*. Perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat Port Dickson sebentar tadi, yang bersabitan dengan Pan Borneo bukan sahaja Pan Borneo, Yang Berhormat Port Dickson.

Sebanyak RM15 bilion peruntukan di samping *Pan Borneo Highway*, juga termasuk Gemas-Johor Bahru Electrified Double-Tracking Project (EDTP) dan juga *Phase 1 of the Klang Valley Double Track (KVDT)*, begitu juga Rapid Transit System Link Johor Bahru dan Woodlands, MRT 3 di *Klang Valley* dan juga *High Speed Rail (HSR) project*, Yang Berhormat Port Dickson.

Dengan kata lain, yang kita maksudkan dengan *expansionary budget*, mesti kita tumpukan kepada perkara yang boleh membantu aliran tunai – *the SMEs, the informal factors* dan rakyat untuk *explore job creation*, bukan untuk *expansionary budget*, dalam kata *pump priming* yang selalu dimaksudkan. Jadi, di sini nampak ada sedikit lari tujuan asal tadi Yang Berhormat Port Dickson.

Jadi, saya minta perkara ini dibangkitkan seterusnya supaya *expansionary budget*, bajet mengembang ini bukan untuk sekadar *for the pick ticket item*. Terima kasih Yang Berhormat Port Dickson, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Selangor. Saya tegaskan tadi, bahawa projek mega itu tidak payah diteruskan. Selain daripada yang *ongoing*, yang terpaksa ditekankan, termasuk Pan Borneo itu pun mesti ambil kira keperluan segera yang mendesak rakyat Sabah dan Sarawak. Ini kerana kalau kita lihat peruntukan, banyak kegelisahan yang dibangkitkan oleh Sabah dan Sarawak kerana peruntukan itu tidak setimpal dengan beban yang ditanggung

oleh rakyat Sabah dan Sarawak. Bukan sahaja dalam masalah kemiskinan, tetapi dalam menangani masalah COVID-19.

Kita ambil contoh umpamanya, tindakan Yang Berhormat Menteri Kewangan boleh lakukan umpamanya dalam sektor pelancongan. Kita sekarang ini menggunakan PKPB untuk sekat, sekat, sekat. Padahal, boleh buat secara yang terpilih. Ada negara umpamanya, ambil pendekatan yang lebih terbuka yang lebih proaktif, galakkan pelabur utama datang. Dia buat COVID *test* di negeri dia, dua minggu atau 10 hari sebelum, dia sampai di sini, buat COVID *test* sekali lagi, setelah 12 hari dan siap dalam empat ke enam jam, satu hari sahaja kuarantin dan dia boleh terus bekerja.

Sekarang ini kita ikut standard format 12 hari. Siapa yang hendak datang tunggu dua minggu? Itu sebab kita harus ambil teliti. Pelancongan, umpamanya. Saya ada berbincang dengan sebuah negara Arab, tentang pelancongan yang mencadangkan umpamanya, dia boleh buat COVID *test* 12 hari sebelum dia datang. *Travel* ke sini, kita buat sekali lagi COVID *test*. Maknanya, dalam 14 hari atau 10 hari, dia sudah buat dua kali COVID *test* dan benarkan dia menjadi pelancong.

Jadi, hotel, syarikat dan restoran semua berjalan. Ini tidak ada fikir langsung. Kita sekat begitu sahaja, jadi semua mati. Kemudian bila sudah semua mati tidak ada wang, unjuran pendapatan bertambah. Hah! Ini luar biasa, luar biasa, luar biasa. Jadi oleh yang demikian, saya fikir ini hal yang boleh kita fikirkan.

Seperti mana juga sektor pertanian, kita sebut tadi ini menjadi keutamaan. Bagaimana kita berikan kelonggaran di sektor pertanian itu walaupun ada PKPB, berikan mereka ruang untuk bekerja. Saya jumpa pekerja-pekerja, dia ada kebenaran buat pekerjaan tetapi bila hendak melangkaui banyak soalan, banyak surat yang akan menjejaskan soal pekerjaan. Jadi, sementara kita harus kawal soal kesihatan, saya usulkan supaya kerajaan memantau dan boleh memberikan kelulusan supaya kegiatan ekonomi itu dapat diteruskan.

Baik, soal tadi tentang moratorium, lanjutan B40, tiga bulan mengurangkan kadar bayaran bulanan, tempoh enam bulan. Itu semua disebut dan saya terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan. Cuma, ini sangat terbatas. Cuba Yang Berhormat Menteri Kewangan fikir dan teliti bagi pihak peminjam pula. Saya tahu ini agak sukar kerana dia – cuba fikir bagi pihak peminjam pula sedikit. *Empathy*. Kalau kita lihat umpamanya dalam laporan Bank Negara Malaysia, *Financial Stability Review* untuk separuh tahun kedua bagi tahun 2019, sebanyak 17.6 peratus jumlah hutang isi rumah di kalangan peminjam yang berpendapatan bawah RM3,000, Bank Negara dia tidak bagi RM4,000, dia bagi RM3,000 ke bawah.

Jumlah pinjaman B40 keseluruhannya sekitar RM209 bilion iaitu 1.4 juta penerima. Jadi, lanjutan ini akan memberikan kesan kepada 1.4 juta penerima moratorium ya, baik. Akan tetapi, yang dikenakan ini hanya kadar faedah. Katalah sebanyak lima peratus, jumlah terlibat ini hanya RM2.6 bilion. Itu pun bukan bank rugi, dia tangguh sahaja, tangguh. Dia tidak rugi, bank ini dia tidak reti rugi, dia reti tangguh. Okey, Menteri kata tangguh, tangguh. Jadi, bayaran lambat, jadi supaya tiada impak besar kepada kehidupan mereka.

Cuba kita lihat keuntungan bank. Dia tangguh, dia tidak ada beban dia, lebih kepada situ. Keuntungan bank ini sebelum cukai tahun 2020, *first quarter* sebanyak RM8.5 bilion, *second quarter* sebanyak RM8.3 bilion. Kalau untung untuk tahun 2020, dianggarkan sekitar RM30 bilion dan bank ini tidak ada beban langsung. Apakah tidak bolehkah dalam rencana kita supaya rencana- dibuka balik sebab yang menghadapi masalah negara kita ini, kita cakap B40 – betul saya setuju. Akan tetapi sekarang M40 ini sudah bergelut seolah-olah dalam masa yang singkat, banyak akan turun menjadi B40. Kalaupun masih M40 tetapi M40 yang masih bergelut dalam kehidupan.

■1220

Jadi oleh yang demikian, saya minta perkara ini diberi penelitian kerana untung bank tahun 2020 keseluruhannya masih RM30 bilion, satu. Keduanya, apakah tidak boleh umpamanya, ia berikan sedikit pengurangan pemotongan kadar faedah bagi B40 itu, untuk dalam keadaan orang susah kena buang kerja, tidak ada cukup makan dan ia tidak ada langsung susah. Jadi oleh demikian, pihak kita dalam pengurusan kerajaan ini harus juga memberi pertimbangan supaya moratorium ini diperluaskan. Di samping itu, mintalah supaya semua pihak, jangan hanya golongan pendapatan rendah sahaja terbeban, biarlah semua pihak, termasuk bank dikenakan sedikit tekanan, sedikit sahaja. Hal ini supaya bila potong faedah sedikit supaya nasib peminjam B40 dan M40 di kategori yang rendah ini dapat kurangkan beban mereka dengan bank itu mengambillah sedikit kos tanggungan dan mengurangkan daripada RM30 bilion, sampailah RM28 bilion untung, cukuplah dalam keadaan susah.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Pencilahan.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Bila ada kesan, sama-sama susah dalam menghadapi masalah ini.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Celahan Yang Berhormat Port Dickson. Yang Berhormat Port Dickson, kebetulan tajuk ini antara yang kita singgung, kita bangkitkan semasa perjumpaan sebelum bajet bersama dengan Yang Berhormat Menteri. Saya hampir pasti Yang Berhormat Menteri akan mengulangi ketika menjawab nanti atas dua alasan. Pertama ialah kalau kita

lanjutkan tempoh moratorium, masalah kepada bank ialah *principal activity* bank ini adalah memberi hutang, memberi pinjaman sama ada pinjaman korporat atau pinjaman individu. Jadi, kalau pinjaman tidak dibayar balik sekarang atas nama moratorium, maka bank akan menghadapi masalah kecairan. Sedangkan itu *core business* ia dan itu akan memberikan kesan kepada *rating agency*, *rating* bank, memberi kesan kepada komitmen bank kepada pemegang saham dan sebagainya. Itu penjelasan dia waktu itu.

Kedua, apabila tempoh moratorium itu berakhir September, hujah Menteri Kewangan ialah ramai di kalangan yang peminjam itu membayar. Jadi yang bisingnya kita, dia kata, mereka bayar. Sudah tentu hujah kita adalah mereka yang bayar itu kerana bila tempoh itu tamat, pinjaman perumahan, pinjaman kenderaan, mereka bayar. Kesan kepada mereka ialah mereka punya *disposable income* ataupun pendapatan boleh belanja menjadi berkurang kerana polisi ini tidak dilanjutkan. Itu hujah kita. Jadi, saya percaya Yang Berhormat Menteri Kewangan bila menggulung nanti pada 25 November 2020, dia akan mengulangi hujah yang sama. Seolah-olah kita di pihak sini sebenarnya bercakap bagi pihak rakyat. Sebenarnya, rakyat sudah pun bayar hutang apabila moratorium ditangguhkan dan masalah kepada bank adalah masalah kecairan tunai. Jadi, bagaimana Yang Berhormat Port Dickson hendak *respond* daripada jawapan ini?

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: Yang Berhormat Port Dickson, minta celahan sedikit. Susulan daripada yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu berkaitan dengan *loan* moratorium ini. Kita faham bahawa apa yang dimohon inilah menangguhkan bayaran balik. Akan tetapi jika dipaksa rakyat untuk membayar, mungkin kalau Yang Berhormat Menteri mengatakan sebab ramai yang tidak mohon. Akan tetapi kalau Yang Berhormat Menteri turun, tengok rakyat memilih untuk tidak mahu melayan kerenah birokrasi, kena beratur panjang di luar bank dan sebagainya untuk melalui proses tersebut. Akan tetapi bila kita tangguhkan *loan* moratorium ini, maksudnya kita tangguhkan juga *loan* yang tidak mampu dibayar ataupun yang dipanggil *non-performing loans* (NPL). Apabila sudah menjadi NPL sekalipun, kita nampak seolah-olah ini kerugian kepada bank sebab rakyat tidak mampu bayar.

Akan tetapi sebenarnya pemahaman saya, NPL ini pun pihak bank boleh jual pula kepada pengutip hutang. Akhirnya, dalam soal *loan* ini bank maksudnya memang tidak akan menghadapi kerugian. Tidak mampu bayar rumah, rumah kena lelong. Tidak mampu bayar kereta, kereta kena tarik. Jadi, yang sekarang yang kita mohon sangat— saya rasa di sebelah sana pun bersetuju, adalah supaya *loan* moratorium ini kita panjangkan untuk pastikan rakyat ada sedikit masa untuk memulihkan balik

pendapatannya. Kalau komitmen sekarang ini, betul mereka tinggi. Katakanlah ada rumah, ada kereta tetapi bila kereta kena tarik, rumah kena lelong, bebanan kewangan kepada rakyat itu jauh lebih tinggi daripada yang mereka terpaksa hadapi. Minta komen Yang Berhormat Port Dickson.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Terima kasih Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu dan juga Yang Berhormat Johor Bahru. Akan tetapi sebagai mana yang saya sebut, Yang Berhormat Menteri pun ada, soal KWSP dan moratorium ini soal yang serius. Kalau mahu kita pertimbangkan untuk luluskan belanjawan, hal-hal ini mesti diberikan perhatian utama, kalau tidak, belanjawan tidak dapat diluluskan. *[Tepuk]* Baik. Ini jawapan Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam siri perbincangan dulu, itu jawapan biasa bank. Saya hendak dengar jawapan Yang Berhormat Menteri Kewangan, bukan jawapan pengurus bank. *[Tepuk]*

Oleh kerana saya sudah sebut, angka yang disebut *exposure*, walaupun dikatakan lima peratus, ia maksimum *interest*. Itu hanya RM2.6 bilion bayar lambat daripada keuntungan yang dijangka RM30 bilion satu tahun. Bukan makna satu beban kepada bank, penanguhan bayaran balik. Kalau kita banding umpamanya, bukan sahaja beban kepada bank, tidak juga beban kepada pengurusan. Kita ambil umpamanya— kerana kita panjangkan hal ini. Pengurusan utama syarikat-syarikat, termasuk bank, berapa gaji keseluruhannya satu tahun. CIMB gaji keseluruhan satu tahun CEO, sebanyak RM8.5 juta. *[Tepuk]* CEO TNB, *chairman* dia kecil tetapi CEO. *[Ketawa]* Kalau tidak salah saya RM7.8 juta. Kita *check* semula, tidak salah saya, RM7.8 juta. Untuk *executive directors*, sebanyak RM6.1 juta. Besarlah tetapi apakah baiknya kalau orang yang dapat begitu, *alhamdulillah* kerana kepakaran mereka, prestasi mereka bila berbicara, bila bercakap, bincang dan lebih prihatin tentang orang yang dapat RM3,000 sebulan. Apakah mudah orang yang dapat RM8 juta boleh fikir setahun dengan RM3,000, dia tidak mudah tetapi bahagialah dunia akhirat kalau macam itu dia buat.

Saya juga sebut tadi tentang permasalahan pemindahan *development expenditure* supaya dapat dipindah kepada Kumpulan Wang COVID-19. Bagi saya ini *central* kerana semua orang diberitahu, termasuk tatkala kita persembahkan kepada Yang di-Pertuan Agong, ini belanjawan COVID-19 hendak bantu rakyat. Semua kena setuju, baik. Akan tetapi bila kita lihat, Kumpulan Wang COVID-19 itu sebanyak 5.8 peratus. Oleh sebab itu saya usulkan supaya RM19 bilion yang dimasukkan kepada dana pembangunan itu mesti dipindahkan dan diperbetulkan supaya dapat menyelesaikan masalah pengangguran, bayaran untuk mereka yang lebih selesa dan juga beberapa kegiatan kecil-kecilan, termasuk pelancongan dan lain-lain, pendidikan, kemudahan digital, kemudahan komputer, kemudahan pendidikan *online* yang boleh

betul-betul berikan juga hasil daripada segi perniagaan dan pembelian alat-alat. Akan tetapi ia tidak termasuk dalam *development expenditure* tetapi masuk *operating* di bawah Kumpulan Wang COVID-19.

■1230

Yang ini saya tidak rasa kami akan bertolak ansur kerana jika tidak, maka apa yang diuar-uarkan sebagai peruntukan ataupun yang diuar-uarkan sebagai belanjawan COVID-19 ini tidak menepati kerana kita tidak dapat menangani masalah saya sebut tadi petani, termasuk penanam padi, nelayan dan jumlah besar yang menganggur ataupun yang diminta bekerja di rumah tetapi ditekan mereka kerana potong elaun mereka. Tidak diberi ganjaran umpamanya bil elektrik, bil internet yang bertambah yang mesti dilakukan oleh mereka tatkala bekerja di rumah.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Port Dickson.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Inilah sebabnya mengapa...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Pontian hendak mencelah sikit.

Tuan Wong Chen [Subang]: Yang Berhormat Port Dickson boleh?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ya, mengenai...

Tuan Wong Chen [Subang]: Subang.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Pengangguran. Diberitahu bahawa hasrat kerajaan untuk mewujudkan 500,000 pekerjaan baru pada tahun hadapan. Adakah pada pandangan Yang Berhormat Port Dickson angka itu mencukupi dan munasabah? Apa pandangan Yang Berhormat Port Dickson cadangan-cadangan untuk menambah 500,000 pekerjaan baru itu dan sektor apa yang patut diutamakan bagi mengatasi pengangguran yang disebut sebentar tadi?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Sebenarnya 500,000 itu angka semberono, tidak dipertahankan dengan hujah-hujah *detail*. Kalau ikut unjuran pertumbuhan, kalau ikut sektor dan tengok sekatan, dari mana saya tidak tahu. Mungkin sedikit daripada sektor pertanian, sedikit daripada Top Glove tetapi yang lain, untuk jangkaan peningkatan jumlah pekerjaan 500,000 itu mestilah dicerakin dengan teliti. Saya cadang umpamanya kelonggaran dari segi pelancongan domestik dan juga internasional dengan beberapa syarat yang sangat ketat. Kadang-kadang bila kita sebut begini, dia kata kita longgarkan soal kesihatan. Tidak pernah. Orang itu mesti ikuti COVID *test* di tempat asal dan tatkala sampai di sini.

Akan tetapi kalau kita kuarantin dua minggu, tidak ada orang hendak datang. Pelabur-pelabur utama mesti diberi kelonggaran. Barulah boleh kita jana pertumbuhan

ekonomi. Kalau tidak bagaimana hendak cari 500,000? Saya setuju dengan Yang Berhormat Pontian bahawa kalau kita sebut 500,000 tanpa cerakin, saya percaya ia satu angka yang tidak realistik dan munasabah seperti mana unjuran pertumbuhan ekonomi untuk tahun depan dan juga unjuran pendapatan untuk tahun depan dan tahun ini. Dalam keadaan ekonomi begini, pendapatan boleh meningkat. Ini melainkan guna skim cepat kaya tapi kalau biasa untuk kerajaan, tidak mungkin dapat mencapai keadaan ini.

Tuan Wong Chen [Subang]: [Ketawa] Yang Berhormat Port Dickson, boleh celah tidak? Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya sedikit tentang isu Kumpulan Wang COVID-19 ini. Saya lihat bahawa bajet untuk tahun inilah 2020, kita pakai RM28 bilion. Tahun depan RM17 bilion saja. Maknanya dalam pemikiran MOF ini, dilihat COVID-19 ini akan *disappear* kah? Tidakkah sepatutnya kita menambah duit untuk tahun 2020, 2021. Katakan RM40 bilion kah, kurang-kurang RM35 bilion. Sebab dalam RM28 bilion tahun ini, rakyat masih sengsara. Apakah pandangan Yang Berhormat Port Dickson?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Terima kasih saya telah sentuh tadi ya bahawa unjuran itu tidak munasabah dan anggapan bahawa seolah-olah keadaan akan pulih seperti sedia kala tahun depan juga sangat tidak munasabah. Tidak ada umpamanya unjuran yang dibuat oleh mana-mana pakar bahawa keadaan itu akan seperti sediakala.

Malah kalau ikut unjuran Yang Berhormat Menteri Kewangan, 2021 itu pendapatan negara akan lebih tinggi daripada 2011. Walaupun ada tanda-tanda kenaikan dalam beberapa sektor yang terpilih tetapi tidak mungkin dalam keadaan sekarang, dalam tinjauan sekarang, berdasarkan angka sekarang, ia akan berlaku sedemikian. Sebab itu kita anjurkan supaya peruntukan untuk COVID-19 itu ditambah dan dipindahkan daripada peruntukan pembangunan, itu yang pertama.

Kedua, peruntukan seperti untuk vaksin yang tidak dimasukkan, mesti dimasukkan. Kalau ia dimasukkan daripada peruntukan pembangunan tidak apa, kalau tidak kita sebut RM3 bilion tetapi tidak. Dia ada kontradiksi. Yang Berhormat Menteri Kewangan sebut RM3 bilion. MOSTI, Menteri MOSTI kata ada RM3 bilion tetapi dalam mana-mana rekod tidak ada, itu satu. Keduanya bila dia sebut RM3 bilion, maknanya dia terima kenyataan belum ada penyelesaian masalah COVID-19 kerana vaksin belum ada, baru ada peruntukan.

Bagaimana kalau belum ada vaksin untuk menyelesaikan, kita boleh buat unjuran keadaan sediakala bahawa pendapatan negara dan juga pertumbuhan tahun 2021 akan lebih baik daripada sebelum ini.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]: Yang Berhormat Port Dickson, Kuala Selangor, Yang Berhormat Port Dickson atas vaksin. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Port Dickson. Yang Berhormat Port Dickson tinggal empat minit lebih.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]: Ya, sikit saja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Kalau Yang Berhormat Kuala Selangor hendak celah...

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]: Sebentar, sedikit saja Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Sebab sudah celah banyak kali.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]: Sekali saja tadi.

[Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Sebab Yang Berhormat...

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]: Penting vaksin ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Kuala Selangor, saya tengah jadi Speaker sekarang, *let me finish*.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]: Ya, okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat ada masa nanti bahas. Ada beberapa hari untuk bahas. Biarlah Ketua Pembangkang selesaikan sebab saya dalam senarai banyak lagi hendak bahas dan kita habis pukul 2.00. Jadi saya betul-betul minta maaf. Akan tetapi terpulang pada Yang Berhormat Port Dickson sebab saya tidak boleh tambah masa. Silakan.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]: Boleh Yang Berhormat Port Dickson?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Boleh?

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]: Seminit saja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Seminit saja ya.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]: Baik, terima kasih. Saya hendak ringkaskan perkara ini dengan menyebut pertamanya, memang tidak ada peruntukan vaksin yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri MOSTI baru-baru ini dalam jawapan saya di Dewan ini.

Keduanya Yang Berhormat Port Dickson, berlaku satu pertukaran yang mana peruntukan-peruntukan dalam dulunya OPEX, pengurusan perbelanjaan telah

dipindah kepada *development expenditure*. Satu perkara ya. Dalam perkara itu juga Yang Berhormat Menteri Kewangan telah membuat penjelasan dengan dikatakan maklum balas terhadap perkara yang kami bangkitkan serta-merta dengan menyatakan bahawa terdapat defisit kekurangan peruntukan untuk kesihatan.

Hari ini ya dengan jaminan yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dengan izin katanya, "*No area of healthcare will have its allocation reduced*", dikurangkan. Akan tetapi setelah Yang Berhormat Port Dickson, setelah saya memerhatikan perkara ini, jelas bahawa perkara itu tidak benar. Dengan izin kalau boleh saya sebutkan ya, apabila kita bandingkan peruntukan nyata bahawa sejumlah RM465 juta terkesan kepada perkara-perkara yang disifatkan sebagai *services* dalam kesihatan termasuklah kardiorasik, kanser dan sebagainya. Dengan kata lain, *non COVID cases* telah dikurangkan sebanyak RM465 juta.

Terima kasih Yang Berhormat Port Dickson. Ini perkara Yang Berhormat Port Dickson sentuh tadi. Bukan saja covid tetapi *non COVID cases* perlu ditangani dengan lebih baik kerana ini adalah NCDs yang menjadikan punca utama kematian pra matang. Terima kasih.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, kalau Yang Berhormat Menteri Kewangan dengar hujah-hujah kita sebelum ini, dia akan faham bahawa bantahan kita bukan sekadar peruntukan COVID-19 tetapi juga beberapa penyakit berjangkit yang lain ataupun penyakit yang serius. Umpamanya kanser, peruntukan untuk kanser. Orang terpaksa tunggu enam bulan untuk *treatment*. Yang enam bulan itu sebenarnya golongan miskin. Kalau golongan kaya, VVIP akan dapat *treatment* segera.

Diabetic, itu perkara yang serius tetapi bila peruntukan itu dikurangkan, sebahagiannya Yang Berhormat Menteri Kewangan jelaskan ia dipindahkan kepada *development expenditure*. Yang saya tidak faham mengapa berlaku begitu? Tidak ada rasional mengapa peruntukan itu dipindahkan.

Akan tetapi yang disebut oleh Yang Berhormat Kuala Selangor ialah peruntukan yang dikurangkan terutama yang *non COVID*. Maknanya kita ini mati dengan COVID saja kah, tidak mati dengan yang lain kah? Akan tetapi bila penjelasan masalah ini ya, penyakit-penyakit yang serius, katakan kanser, *diabetic*, ini hal-hal yang menyentuh rakyat biasa dan beban kepada mereka dengan masalah dialisis, *kidney* dan sebagainya itu, kalau tidak ditangani beban itu serius dan dia mencecah ratus ribu orang yang di bawah kategori ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat tahu setiap kawasan Parlimen kita terpaksa hadapi masalah ini kalau di hospital. Kemudahan tidak cukup, untuk dialisis tidak cukup, terpaksa kita beri bantuan.

Jadi ini kalau tidak dimanfaatkan untuk program kesihatan ini saya fikir kita hadapi masalah yang serius. Saya tegaskan sekali lagi bahawa kita diminta untuk menyokong, kita diminta menyokong dengan andaian ini belanjawan COVID-19. Maka pandangan saya ialah kita akan hanya menyokong kalau ia benar belanjawan COVID-19. *[Tepuk]* Dalam keadaan sekarang terlalu banyak persoalan. Mula dengan unjuran, kemudian peruntukan untuk COVID-19 dan ketiga soal pendapatan, soal pemindahan wang dan peruntukan pembangunan yang bukan menjadi keutamaan itu didedahkan.

■1240

Maka, saya usulkan supaya Yang Berhormat Menteri Kewangan meneliti benar-benar dan mendengar hujah-hujah yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain supaya hal COVID-19 ini diberi keutamaan. Kita diberitahu, kita digesa, kita diminta dan dinasihatkan supaya menyokong belanjawan COVID-19 dan kita akan hanya menyokong belanjawan COVID-19 dan tidak yang lain. *[Tepuk]*

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Terima kasih Yang Berhormat Port Dickson. Sekarang ada masa 15 minit sahaja, saya menjemput Yang Berhormat Padang Terap.

Seorang Ahli: BN dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: BN dahulu. Yang Berhormat Padang Terap, selama 15 minit.

12.40 tgh.

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Selama 15 minit? *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Tengah hari ini saya diberi peluang untuk turut serta membahaskan Belanjawan 2021 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada minggu lepas.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang kita semua sedia maklum bahawa sekarang ini adalah pandemik COVID-19 yang telah melanda di seluruh dunia termasuk di negara kita. Bermula dari awal tahun sehinggalah sekarang, November jadi hampir lapan bulan sudah COVID-19 yang bukan sahaja ramai dalam kalangan rakyat kita yang kehilangan nyawa akibat daripada pandemik ini tetapi juga ramai di kalangan rakyat Malaysia yang telah hilang pekerjaan dan hilang perniagaan. Malah lebih jauh daripada itu, mereka telah jatuh menjadi miskin serta ada di kalangan mereka itu yang telah berada di tahap yang sangat kritikal.

Jadi pada waktu ini, bukan sahaja dalam Dewan yang mulia ini berbincang mengenai dengan COVID-19 tetapi di luar sana juga rakyat sedang berbincang

bagaimana hendak menghadapi COVID-19 dan pada masa yang sama hendak memperbetulkan hal yang berkaitan dengan pendapatan serta ekonomi keluarga. Ini kerana, yang paling penting adalah ada makanan di atas meja untuk dihidangkan kepada ahli keluarga setiap hari.

Bertolak daripada situ, saya fikir bahawa kerajaan mempunyai pasukan dan pemikiran untuk menyeimbangkan antara semua kenaan ke atas COVID-19 atau ke atas pandemik ini dan pada masa yang sama mencari jalan keluar dalam aktiviti ekonomi. Saya tak nak menyentuh banyak perkara berkaitan dengan langkah-langkah prihatin yang telah disebut oleh Yang Berhormat Menteri yang telah melibatkan kesejahteraan rakyat atau dalam fokus yang pertama, 'Kesejahteraan Rakyat' yang berkaitan dengan bagaimana peruntukan telah diberikan kepada kumpulan B40, kumpulan yang terlibat secara langsung dalam peruntukan-peruntukan yang telah ditetapkan.

Banyak disebut oleh Yang Berhormat Menteri soal kebajikan masyarakat misalnya dalam kalangan OKU, penyakit kronik, warga emas, penjaga ataupun keluarga kepada OKU dan penyakit kronik, kadar bantuan kanak-kanak bagi keluarga miskin. Ada sudah disebut dan disebut juga mengenai dengan pemberian PRIHATIN yang telah disasarkan pada tahun hadapan.

Cumanya, saya hendak sebut perkara yang berkaitan dengan kumpulan yang satu lagi dalam masyarakat kita yang berkaitan dengan kumpulan ahli perniagaan ataupun peniaga-peniaga kecil termasuk juga kumpulan M40 yang melibatkan urusan kewangan di bank dan juga masalah-masalah lain.

Antara subsektor yang terlibat akibat daripada kawalan pergerakan dalam MCO ataupun PKPB ini banyak termasuklah sektor perkhidmatan, sektor pelancongan, kerja sosial, seni, rekreasi, makanan dan minuman. Mereka ini kebanyakannya telah disebut. Katanya ada macam-macam bantuan ataupun kemudahan kewangan seperti yang disebutkan oleh Bank Negara iaitu TRRF,HTF,MEF dan pelbagai lagi bentuk kemudahan yang disediakan dari 1 Disember 2021 dan ada yang lebih awal daripada itu.

Saya kira bahawa, betul apabila ada bank yang menyediakan kemudahan kepada mereka ini. Akan tetapi, kalau ramai dalam kalangan kumpulan ini yang terjejas— bagaimanakah dalam *delivery system*, sistem penyampaian perbankan dengan peniaga? Ini kerana, kita sedar bahawa apabila orang meniaga ini, bank tidak akan layan kalau dia hendak membuat pinjaman di bank melainkan dia sudah ada satu bentuk dana yang lebih besar yang dia boleh tunjukkan kepada bank.

Waktu-waktu seumpama seperti ini, Yang Berhormat Menteri Kewangan boleh memberi jaminan bahawa semua bentuk kemudahan itu boleh— memang disediakan.

Cuma apabila hendak datang, hendak pergi kepada bank untuk mendapatkan perkhidmatan itu bolehkah atau tidak kumpulan ini mendapat perkhidmatan seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri?

Jadi, kita— betul ada macam-macam kemudahan disebutkan oleh Bank Negara. Akan tetapi, realitinya, apabila peniaga berjumpa dengan pihak bank dan peniaga dalam keadaan yang payah. Peniaga dalam sektor— saya ambil satu contoh, dalam sektor pelancongan. Seorang peniaga mempunyai bas persiaran. Dia ada sebanyak 25 buah bas persiaran. Dia tidak boleh— dia ada masalah. Dia ada bas yang selesai dibayar, dia ada bas yang masih lagi ada dengan bank. Jadi, bagaimanakah dia hendak menyelesaikan? Ini kerana, sektor itu sudah kira mati. Sektor yang sudah mati.

Kemudian bagaimanakah dengan kumpulan-kumpulan lain yang bukan sahaja dalam sektor pelancongan? Sektor pelancongan ini kalau kita hendak senaraikan pun panjang. Dengan F&B nya, dengan hotelnya dan dengan *travel agents* yang banyak terjejas akibat daripada pandemik ini.

Begitu juga dalam sektor-sektor pembuatan yang terjejas teruk kerana rantaian perniagaan mereka terjejas sebab susah pembeli— ini kerana, sekarang ini timbul pula soal penawaran dan permintaan dalam masyarakat yang berkaitan dengan kumpulan ini. Ini salah satu perkara yang pada saya sangat perlu penjelasan yang jelas daripada kerajaan sebab mereka merasa bahawa kalau tidak, mereka tidak dapat apa yang mereka minta dan dalam sistem penyampaian perbankan. Ini banyak orang sebut kepada kita di luar lah. Mereka kata minta tolong untuk sampaikan kepada kerajaan.

Kita sebenarnya— kalau saya sebut tadi, bab yang berkaitan dengan rakyat B40 banyak disebut dan *insya-Allah* perkara yang disebutkan itu akan sampai kepada rakyat.

■1250

Perkara lain yang saya nak sebut di sini ialah yang berkaitan dengan— Ada satu lagi yang satunya ialah yang berkaitan dengan ahli-ahli perniagaan dan langkah-langkah perlindungan kepada kumpulan ini.

Keduanya, disebut juga tadi ialah berkaitan dengan hilang pekerjaan. Hilang pekerjaan dan salah satu daripada syarikat yang disebut hari ini dalam media adalah bagaimana Malindo Air telah pun mengurangkan ataupun membuang pekerjanya. Mereka sekarang dan mengikut laporan akhbar hari ini, mereka sedang membuat tuntutan kepada Kementerian Sumber Manusia untuk melihat bagaimana mereka boleh mendapat balik segala bentuk ganjaran yang sepatutnya mereka dapat.

Ada disebut dalam pembentangan Yang Berhormat mengenai dengan— Disebut mengenai dengan *reskilling* dan *upskilling*. Kerajaan melalui kementerian dan

melalui agensi akan melaksanakan *reskilling* dan *upskilling* kepada mereka yang sepatutnya diberikan *reskilling* dan *upskilling* ini dan termasuk juga GLC dan GLIC yang boleh dilaksanakan.

Yang Berhormat Menteri Kewangan telah mencadangkan satu peruntukan bagi tujuan *reskilling* dan *upskilling*. Saya kira boleh kita buat. *Reskilling* ini boleh buat. Dua dan tiga minggu punya proses, satu bulan, tiga bulan dan enam bulan untuk dapat sijil. Akan tetapi, yang paling penting sekali adalah Yang Berhormat Menteri Kewangan ialah kumpulan mana pun boleh buat *reskilling*, tetapi wajib mesti ada perjanjian dengan sektor yang hendak ambil buat pekerjaan.

Ini maknanya syarikat itu sudah ada sudah hendak ambil seramai 60 orang dan dia pergi *reskilling*. Syarikat 'A' dan syarikat 'B' ada seramai 30 orang. Syarikat 'C' ada. Jadi, kita buat satu *agreement* di antara Kementerian Sumber Manusia dengan syarikat itu untuk *reskilling* dan kita bayar orang yang hendak pergi. Ini sebab habis sahaja kursus dia, dia boleh masuk kerja. Itu *confirm*. Kalau kita buat *reskilling*, kita tidak ada dapat pekerjaan, dia akan merayaulah juga. Dia balik akan mencari pekerjaan.

Jadi, saya kira GLC dan GLIC atau agensi kerajaan boleh *confirm* siap-siap. Berapa ribu orang yang boleh *reskilling* dan boleh mendapat pekerjaan. Ini maknanya pada zaman pandemik ini, zaman susah ini, ada lagi kita boleh membantu bagi mempertingkatkan jumlah sebenar yang mendapat pekerjaan. Ini saya—Yang Berhormat Menteri Kewangan juga sebut termasuk jugalah graduan-graduan baharu yang boleh diketengahkan untuk mendapatkan pekerjaan secara kontrak di mana-mana sektor, di mana-mana perkara. Saya kira ini adalah perkara yang sangat penting yang membolehkan ramai di kalangan anak-anak kita yang akan mendapat pekerjaan.

Keduanya, saya nak sebut mengenai dengan pendidikan. Dalam pendidikan, Yang Berhormat sebut mengenai dengan satu jumlah yang besar untuk pembangunan pendidikan lebih kurang RM3 bilion tahun hadapan, RM3.087 bilion. Cuma saya hendak sebut dalam pendidikan ini Yang Berhormat Menteri ialah bagaimana hendak bantu Sabah dan Sarawak. Saya bersetuju bahawa kita kena tengok untuk Sabah dan Sarawak. Bajet dibentangkan dalam tahun 2018.

Yang Berhormat Pekan pada waktu itu telah memberikan kelulusan sebanyak RM1 bilion untuk Sabah dan RM1 bilion untuk Sarawak untuk sekolah-sekolah daif pada waktu itu. Saya mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan supaya kita boleh melihat balik bagaimana kita boleh tolong untuk sekolah daif di Sabah dan Sarawak. Ini sebab sekolah daif di Sarawak banyak jumlahnya dan sekolah daif di Sabah pun banyak.

Kalau kita boleh bantu mempercepatkan, maknanya dalam masa tiga kepada empat tahun dari sekarang, sekolah daif itu sudah tidak ada. Akan tetapi kalau kita tidak boleh bantu, kita main bajet biasa iaitu sebanyak RM100 juta setahun dan kita akan mengambil masa yang lama untuk menyelesaikan sekolah-sekolah daif di Sabah dan Sarawak.

Selain daripada...

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Boleh mencelah Yang Berhormat? Tuaran.

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Ya.

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Yang Berhormat Padang Terap. Terima kasih kerana turut membela keperluan menyelesaikan sekolah-sekolah daif di Sabah dan Sarawak. Dalam hal ini, adakah Yang Berhormat sedar bahawa dalam rancangan yang dahulu itu, pelaksanaan peruntukan RM1 bilion itu dan telah ditetapkan supaya pelaksanaannya dijalankan dengan menggunakan teknologi IPS. Adakah Yang Berhormat masih lagi meneruskan cadangan seperti itu atau kita laksanakan secara konvensional di mana ia dapat dilaksanakan mengikut keadaan setempat untuk memastikan supaya ia dapat dilaksanakan dengan sebaik-baik mungkin? Terima kasih.

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Terima kasih Yang Berhormat Tuaran. Saya ingat kaedah itu tidak penting dan yang pentingnya adalah bajet. Kaedah itu boleh kita fikirkan kemudian.

Dalam sistem penyampaian, yang ketiganya saya hendak sebut di sini Yang Berhormat Menteri adalah sistem penyampaian. Saya ingat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada menyebut di dalam satu *statement* di Johor Bahru bahawa dalam kaedah sistem penyampaian ini patut ada reformasi ataupun ada perubahan besar yang dibuat dalam sistem penyampaian.

Jadi, saya kira bahawa di dalam apa juga bajet yang hendak keluar ini, sistem penyampaian itu mesti dinilai semula, tambah-tambah lagi dalam *new norm*. Dalam norma baharu kena ada penilaian semula bagaimana sistem penyampaian yang ada sekarang ini boleh dipraktis ataupun ia kena diubahsuai. Kalau tidak, wang yang kita ada itu untuk sampai kepada rakyat, ia ada sedikit ia punya *hiccup*-nya dan ia lambat hendak sampai.

Ini sebab dalam sistem penyampaian sama ada dalam bentuk bantuan, sama ada dalam bentuk projek dan bentuk-bentuk yang lain supaya membolehkan satu kumpulan *taskforce* atau apa juga namanya, membolehkan bahawa ia cepat dilaksanakan. Tambah-tambah dalam masa COVID-19 ini kita tidak boleh ada *physical meeting*, kita tidak boleh berjumpa, kekerapan di dalam jawatankuasa. Jawatankuasa

kecil, jawatankuasa besar, jawatankuasa induk, jawatankuasa Kabinet dan sebagainya. Jadi, eloklah kalau sekiranya satu bentuk sistem penyampaian yang lebih hebat dapat dilaksanakan pada waktu zaman pandemik ini dan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Padang Terap, Yang Berhormat Padang Terap, masa sudah tamat.

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Saya boleh gulung tidak?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Berapa lama Yang Berhormat?

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Dalam masa dua minit ke tiga minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Boleh tidak dalam masa seminit walaupun Yang Berhormat Naib Presiden parti saya? *[Ketawa]*

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Boleh. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Okey. Ada banyak lagi yang hendak bercakap Tuan Yang di-Pertua, tetapi masa tidak ada. Saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat, saya dimaklumkan oleh SUDR kepada semua Yang Berhormat. Sesiapa yang memberikan perbahasan tidak sempat untuk habis, boleh dibuatkan dalam bentuk menulis kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan. Saya dimaklumkan bahawa mereka akan menjawablah dalam masa terdekat kepada isu-isu yang kalau hendak tunggu jawapan kepada— Sekejap ya. Saya baca kejap ya. Saya bagi *injury time* kepada Yang Berhormat. Sekejap, seminit ya.

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Okey. Saya datang kepada kesimpulannya. Kesimpulannya bahawa Yang Berhormat, kita menyokong kepada bajet ini. Cumanya kita minta supaya kalau boleh, kita tengok kepada beberapa perkara yang ada kepentingan untuk rakyat yang berkaitan dengan pendidikan, yang berkaitan dengan kumpulan perniagaan yang membolehkan- Cumanya Yang Berhormat dalam perkara seumpama ini, perkara yang paling penting adalah kita sama-sama menghadapi pandemik. Dalam keadaan menghadapi pandemik ini, kita tak naklah terlampaui banyak perkara yang berlaku. Kita sudah ada krisis kewangan, kita sudah ada krisis ekonomi, kita sudah ada krisis pandemik dan kalau ditambah pula dengan segala bentuk politik yang kemudiannya sangat-sangat membebaskan rakyat. Rakyat pun di luar pun tengok. Dia tengok orang politik pun kadang-kadang dia menyampah sebab dia kata ramai dan banyak sangat urusan politik yang berlaku.

■1300

Jadi waktu pandemik yang seumpama ini, eloklah kita tumpukan urusan yang berkaitan dengan COVID-19. Tidak perlulah banyak perkara yang kadang-kadang saya pun terkejut sebab ada juga hal yang berkaitan dengan politik. Ini yang kadang-kadang nama digunakan juga, nama saya pun ada dalam senarai yang kemudiannya dihantar ke Istana, contohnya. Jadi ini perkara-perkara yang tak patut berlaku dalam waktu COVID-19 seumpama ini. Jadi terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, jadi kita menyokong belanjawan yang dibentangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Terima kasih Yang Berhormat Padang Terap. Saya diberikan makluman oleh Setiausaha Dewan Rakyat disebabkan ini adalah pada perbahasan peringkat dasar dan jika tidak dapat diselesaikan perbahasan Yang Berhormat-Yang Berhormat dalam tempoh masa yang diberikan, maka bolehlah Yang Berhormat-Yang Berhormat memberi teks perbahasan Yang Berhormat kepada Setiausaha Dewan Rakyat (SUDR).

Teks perbahasan Yang Berhormat yang diserahkan kepada SUDR hendaklah mengandungi tidak lebih pada 10 muka surat, *font 12, double-spacing*. Setiausaha Dewan Rakyat akan membawa perhatian semua kementerian agar jawapan dapat diberikan oleh Yang Berhormat Menteri-menteri semasa menjawab ke atas perbahasan Belanjawan 2021 peringkat dasar. Teks tersebut juga akan dimuat naikkan ke dalam portal Parlimen.

Memandangkan Yang Berhormat Menteri mempunyai masa yang juga terhad untuk menjawab perbahasan ke atas Belanjawan 2021 peringkat dasar, maka Yang Berhormat Menteri akan membuat ringkasan mengenai jawapan mereka tersebut di dalam Dewan dan jawapan sepenuhnya akan dimuat naik dalam portal Parlimen.

Jadi, saya hendak arahkan SUDR untuk letakkan di atas semua meja-meja Yang Berhormat supaya mereka memahami tentang pendekatan baharu yang dilaksanakan oleh Dewan Rakyat.

Jadi sekarang ini saya akan menjemput, sepatutnya Yang Berhormat Bagan tetapi telah minta ditukar iaitu selepas ini saya jemput Yang Berhormat Papar, Yang Berhormat Pasir Putih *on standby*, Yang Berhormat Kota Raja, Yang Berhormat Batang Lupar dan Yang Berhormat Kota Belud. Kalau boleh semua habis sebelum pukul 2.00. Jadi saya menjemput Yang Berhormat Papar. Silakan.

13.02 tgh.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: *Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih saya ucapkan kepada

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua atas ruang dan masa yang diperuntukkan kepada saya untuk turut serta membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2021 yang bagi saya merupakan suatu *necessary budget* yang wajar bagi kami Ahli-ahli Dewan Rakyat dari Sabah khususnya membahaskan.

Tuan Yang di-Pertua, nawaitu saya untuk terjun dalam bidang politik ini bukanlah hanya untuk mengejar imbuhan berupa wang ringgit, mahupun pangkat duniawi yang boleh mengelapkan jiwa, namun sejak hari pertama saya menggalas amanah selaku wakil rakyat Parlimen Papar, *priority* perjuangan saya adalah tidak lain dan tidak bukan memperjuangkan pembangunan luar bandar di kawasan Sabah dan juga kawasan-kawasan P175. Sudah tentu setiap kali perbelanjaan tahunan dibentangkan, inti pati berkaitan *rural development*, dengan izin merupakan fokus utama ucapan perbahasan bajet saya sejak tahun pertama saya berdiri di dalam Dewan yang mulia ini selaku Ahli Parlimen Papar.

Untuk tahun 2021, saya mengharapkan negeri Sabah akan dikhaskan dengan *dedicated allocation* untuk pembangunan luar bandar memandangkan dari aspek infrastruktur, kami masih kebelakangan berbanding dengan negeri-negeri lain. Dengan banyak kelompangan dalam perihal *fee allocation* untuk kawasan-kawasan luar bandar yang meliputi kira-kira 50 peratus daripada negeri Sabah. Dengan pengurangan sebanyak RM8.2 bilion berbanding tahun 2020 bagi peruntukan pembangunan luar bandar dengan peruntukan sebanyak RM632 juta bagi tujuan bekalan air luar bandar dan bekalan air alternatif, saya ingin membangkitkan dua persoalan untuk maklum balas Yang Berhormat Menteri.

Pertama dari 4,800 *targeted houses* yang disasarkan untuk menerima manfaat daripada inisiatif bekalan air luar bandar tersebut secara anggaran, berapa buah di kawasan luar bandar di Sabah yang akan menikmati penstrukturan bekalan air bersih serta bekalan air alternatif khususnya di Parlimen Papar seperti yang kita tahu ada tiga DUN iaitu DUN Limbahau, DUN Kawang dan DUN Pantai Manis. Jika kita ingin imbas kembali, Belanjawan Pakatan Harapan Warisan untuk tahun 2020 ada dinyatakan secara khusus peruntukan bagi projek bekalan air luar bandar untuk negeri Sabah dan Sarawak dengan peruntukan sebanyak RM470 juta. Jadi untuk tahun 2021, saya mengharapkan bekalan air bersih dapat diselaraskan secara saksama pelaksanaannya untuk ke semua kawasan luar bandar di Sabah yang turut meliputi kawasan Parlimen Papar. Banyak kampung yang belum dapat bekalan air bersih di kawasan saya.

Persoalan kedua saya, apakah bentuk penstrukturan semula bekalan air bersih di kawasan luar bandar di Sabah yang dikelolakan di bawah peruntukan tersebut. Apakah *joint role* yang dimainkan oleh Kerajaan Persekutuan menerusi Kementerian

Air dan Alam Sekitar serta Jabatan Air Sabah dalam melaksanakan pelaksanaan bekalan air bersih untuk rumah-rumah di luar bandar di Parlimen Papar secara khususnya dan Sabah secara amnya.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya berkenaan dengan bekalan elektrik luar bandar dan *road infrastructure*. Dalam Belanjawan 2020, Pakatan Harapan Warisan diperuntukkan kira-kira RM500 juta untuk projek bekalan elektrik luar bandar yang manfaat besarnya dikhususkan untuk negeri Sabah. Untuk Bajet 2021 ini saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri untuk memperjelaskan perkara-perkara berikut. Pertama, dengan pengurangan sebanyak 50 peratus bagi peruntukan elektrik *supply for rurals* daripada RM250 juta yang diperuntukkan, berapakah peruntukan khusus untuk pelaksanaan bekalan elektrik di Sabah mengikut kawasan Parlimen masing-masing. Tolong perincikan.

Berdasarkan pecahan peruntukan tersebut, apakah faktor-faktor fizikal yang akan dipertimbangkan dalam melaksanakan kerja baik pulih bekalan elektrik. Kedua, adakah peruntukan tersebut akan diuruskan oleh *Sabah Electricity Board* atau mana-mana agensi berkaitan kerajaan di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar yang mengendalikan hal ehwal bekalan elektrik? Jika ya, apakah jaminan kementerian peruntukan khusus untuk elektrik *supply* di Sabah benar-benar akan digunakan untuk tujuan baik pulih bekalan elektrik di luar bandar dengan *regular inspection* dapat dilaksanakan secara berkala, dapat memastikan penduduk-penduduk kampung tidak lagi berhadapan dengan ketidaktentuan bekalan elektrik pada waktu malam?

Sebelum ini saya ada menerima banyak aduan berkenaan dengan *inconsistency of electric supplies* yang kerap kali berlaku di beberapa buah kampung di Parlimen Papar. Dalam ucapan perbahasan Titah Diraja oleh mendiang Ahli Parlimen Batu Sapi Julai lalu, beliau juga menyuarakan permasalahan yang sama di mana bekalan-bekalan elektrik yang tidak terurus sering kali berlaku di kampung-kampung di Parlimen Batu Sapi. Saya khuatir dengan pengurangan kira-kira RM250 juta untuk bekalan elektrik luar bandar, negeri Sabah akan menerima penguncupan peruntukan yang di kemudian hari akan memberi kesan kepada usaha-usaha ke arah mewujudkan sistem bekalan elektrik yang efisien dan konsisten kepada penduduk luar bandar di Sabah.

Ketiadaan sistem bekalan elektrik yang tidak teratur bukan sahaja akan memberi kesan buruk kepada golongan peniaga, malah ia juga akan menjejaskan kualiti kehidupan masyarakat kampung yang sekian lama dipinggirkan dalam aspek *basic infrastructures*. Bercakap soal infrastruktur, saya juga ingin menyuarakan beberapa perspektif berkenaan dengan pengurusan pembinaan jalan luar bandar yang sudah tentu melibatkan beberapa agensi berkaitan Kerajaan Persekutuan. Baru-

baru ini menerusi jawapan kepada soalan lisan saya kepada Menteri Kanan Kerja Raya, ada dinyatakan bahawa apa jua projek Persekutuan yang dilaksanakan di Sabah perlulah dirujuk kepada Jabatan Kerja Raya Malaysia.

■1310

Berhubung dengan pembangunan infrastruktur jalan luar bandar di Sabah, saya berpandangan demi memudahkan urusan-urusan tertentu yang melibatkan pembinaan jalan di bawah kelolaan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Sabah menerusi Jabatan Kerja Raya Negeri wajar diberikan pemudah cara atau *intermediary*, dengan izin, bagi pihak JKR Malaysia.

Selaras dengan matlamat induk pertama Belanjawan 2021 – Memperkukuhkan Kesejahteraan Rakyat, saya menggesa agar JKR negeri yang kini di bawah bidang kuasa Yang Berhormat Kinabatangan dapat bekerjasama erat dengan JKR Malaysia dalam memastikan projek-projek jalan persekutuan di kawasan-kawasan luar bandar terutamanya di Parlimen Papar yang tergendala dapat diteruskan dan dipercepatkan proses kerjanya kerana infrastruktur seperti jalan adalah elemen terpenting dalam mewujudkan kehidupan rakyat yang sejahtera.

Di samping itu, saya juga meminta Menteri Pembangunan Luar Bandar supaya menetapkan agensi-agensi di bawah kementerian yang mempunyai kredibiliti untuk dipertanggungjawabkan dalam melaksanakan projek-projek jalan luar bandar di Sabah. Daripada RM1.3 bilion itu, berapakah peruntukan yang akan dikhaskan mengikut segmen iaitu jalan luar bandar dan jalan penghubung desa di negeri Sabah?

Tuan Yang di-Pertua, *being rich is meaningless if we are unhealthy*, dengan izin. Dengan keghairahan kita memperhebatkan keupayaan ekonomi negara, jangan kita pernah lupa menitikberatkan soal kesihatan rakyat lebih-lebih lagi di negeri Sabah. Bahana COVID-19 mengingatkan kita supaya menitikberatkan penjagaan kesihatan dan ia juga memberi isyarat kepada pemimpin agar tidak mengabaikan amanah untuk melindungi rakyat daripada terdedah dengan jangkitan durjana yang boleh merisikokan nyawa kita.

Saya mengucapkan terima kasih atas penyediaan peruntukan RM1 bilion untuk negara kita mempersiapkan diri untuk menghadapi *third wave infection*, dengan izin, pada tahun 2021. Berdasarkan lima pengkhususan yang dirangkumkan dalam peruntukan tersebut, saya ada beberapa persoalan.

Pertama, berapa jumlah peruntukan khas untuk setiap satu hospital awam di Sabah bagi bekalan reagen, kit saringan dan barangan guna habis, peralatan PPE dan *hand sanitizer*, fasiliti zon saringan dan termometer?

Kedua, daripada RM150 juta peruntukan untuk NADMA atau Agensi Pengurusan Bencana Negara, berapakah jumlah peruntukan yang akan dikhaskan

bagi tujuan menyediakan fasiliti mangsa banjir dan pusat kuarantin khas COVID-19 di Sabah? Apakah bentuk persediaan jangka panjang yang sedia dirangka oleh NADMA bagi mewujudkan *emergency assistance* yang cepat dan *reliable* buat mangsa-mangsa bencana alam di seluruh Sabah?

Ketiga, apakah bentuk penambahbaikan yang akan dilaksanakan bagi mewujudkan kolaborasi KKM-NADMA dalam mengendalikan krisis COVID-19 di setiap hospital KKM di Sabah yang menguruskan rawatan pesakit COVID-19?

Tuan Yang di-Pertua, sejujurnya, saya menjangkakan bahawa kerajaan akan menyediakan *special allowance* buat petugas-petugas barisan hadapan di sektor kesihatan dengan mengambil kira penat lelah mereka bertugas siang dan malam bagi memastikan tiada seorang pun yang terkecuali daripada menerima rawatan COVID-19. Sewajarnya sekiranya kerajaan hari ini benar-benar prihatin terhadap keluh kesah *frontliners* kita, amaun elaun khas COVID-19 sebanyak RM600 yang diberikan setiap bulan wajar diperhalusi semula dengan mengambil kira beban tugas barisan hadapan yang berbeza mengikut zon jangkitan. Sebagai cadangan, saya meminta Kementerian Kesihatan mempertimbangkan agar pemberian elaun khas COVID-19 secara bulanan distrukturkan semula.

Tuan Yang di-Pertua, umum sedia maklum masalah sekolah daif di Sabah seakan-akan menjadi penyakit yang tiada penawar. Kedaifan infrastruktur pendidikan di kebanyakan kawasan di luar bandar turut menjadi antara punca utama negeri Sabah ketinggalan dari aspek pembangunan insan. Sadisnya, biarpun Kerajaan Perikatan Nasional terdiri daripada seorang Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab dengan portfolio Hal Ehwal Sabah dan Sarawak, namun masalah *poor education* di negeri bawah bayu masih belum disajikan dengan penyelesaian.

Lebih merisaukan lagi, ada di kalangan sekolah daif yang terpaksa dijadikan sekolah tumpangan kepada murid-murid dari sekolah-sekolah yang berhadapan dengan masalah kelewatan pembinaan bangunan serta fasiliti sekolah. Setakat hari ini, terdapat 23 buah sekolah yang menumpang di sekolah lain di Sabah dan perkara ini turut disedari oleh Yang Berhormat Menteri Kanan Pendidikan. Daripada pengamatan saya, masalah sekolah tumpang ini boleh mendatangkan kesan tidak baik kepada kualiti penyampaian pendidikan di sekolah yang ditumpangi lebih-lebih lagi apabila penempatan guru dan pelajar sekolah yang menumpang gagal diuruskan dengan baik atas faktor-faktor seperti kekangan ruang bilik darjah dan pertindihan kelas.

Oleh yang demikian, saya meminta Yang Berhormat Menteri Kanan Pendidikan menyatakan daripada RM725 juta yang diperuntukkan untuk pembangunan 50 sekolah daif, berapakah jumlah sekolah daif di Sabah yang akan

diberi tumpuan untuk dibangunkan menerusi peruntukan ini dan berapakah jumlah peruntukan bagi setiap sekolah daif yang terlibat?

Seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kanan Pendidikan dalam jawapan lisan pada sesi Dewan Rakyat Julai lalu, sebanyak 52 buah sekolah daif di Sabah telah diklasifikasikan oleh Jabatan Kerja Raya sebagai bangunan yang tidak selamat diduduki. Di Parlimen Papar sahaja terdapat 10 buah sekolah yang mengamalkan sistem dua sesi di mana tiga daripadanya adalah sekolah menengah yang terdiri daripada SMK Kinarut, Papar, SMK St. Joseph, Papar, dan SMK St. Mary, Papar.

Berhubung dengan perkara ini, saya ingin menegaskan agar kementerian dapat menumpukan usaha-usaha menyeragamkan semua sesi persekolahan di sekolah yang terlibat memandangkan *two sessions school* ini sedikit sebanyak merencatkan sistem pembelajaran asal sekolah dan mengurangkan konsentrasi pelajar terutamanya yang akan menduduki peperiksaan penting seperti SPM dan STPM.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat, minta rumuskan. Ada tinggal 10 saat sahaja lagi.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Sekian sahaja ucapan perbahasan saya bagi Rang Undang-undang Perbekalan 2021 di peringkat dasar. Saya dengan ini menyokong rang undang-undang ini kalau ada perubahan yang dibuat dan cadangan-cadangan yang telah disuarakan oleh pihak pembangkang. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Papar dan syabas kerana menepati masa yang telah diberikan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Pasir Puteh, kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Shah Alam. Ada sedikit perubahan. Sila Yang Berhormat Shah Alam selepas ini bersedia. Sila Yang Berhormat Pasir Puteh. Masa 15 minit.

1.18 tgh.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua Dewan dan saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang telah berjaya membentangkan bajet ataupun belanjawan negara kita yang meletakkan suatu angka yang sangat besar dalam situasi yang sangat getir. Situasi kita menghadapi krisis ekonomi global dan juga kita menghadapi ancaman COVID-19.

Akan tetapi, kita berjaya mencatatkan sejumlah angka RM307.5 bilion untuk kita rangsang pertumbuhan ekonomi dalam negara kita dengan kita meletakkan sejumlah 54.7 peratus daripada jumlah tersebut menjadi pemain yang penting di dalam sektor ekonomi negara. Mudah-mudahan sektor ekonomi negara yang kita rangsang ini benar-benar memberi hasil yang baik ataupun pulangan yang baik kepada negara kita.

Apa yang disebut oleh rakan-rakan sebelum daripada ini berkenaan dengan unjuran ekonomi. Ketua Pembangkang mengatakan suatu unjuran yang tidak tepat. Namun, apa pun, saya mengatakan bahawa bacaan kepada unjuran ekonomi kepada sesebuah negara ini boleh dibaca oleh mana-mana pihak yang bertanggungjawab terutamanya daripada Menteri Kewangan itu sendiri kerana unjuran ekonomi ini sememangnya kita tidak boleh buat suatu bacaan yang tepat.

■1320

Kadang-kadang unjuran ekonomi ini lebih mengembang berbanding dengan apa yang kita sebut dan kadang-kadang ia lebih menguncup. Namun, apa yang ingin saya tekankan iaitu kerjasama yang padu terutama sekali saf kepimpinan kerajaan dan juga kepimpinan daripada pembangkang untuk kita melepasi tangga yang sukar yang kita hadapi sekarang ini.

Kalau kita bersatu padu di antara satu sama lain, saya kira unjuran ekonomi yang disebut oleh Menteri Kewangan sebelum daripada ini, ia bukan menjadi sesuatu yang mustahil. Namun, kalau kita lihat dalam negara kita ini, dalam situasi kita menghadapi COVID-19, kita menghadapi krisis ekonomi di peringkat global, ditambah pula dalam negara kita kadangkala permainan-permainan politik yang sangat tidak sihat, ada orang yang mendakwa dia mempunyai angka yang besar mengambil alih kepimpinan negara, itu adalah satu isu yang sangat besar yang sangat serius di dalam negara. Ini kerana isu yang seumpama ini, dia boleh menguncup perkembangan ekonomi negara.

Kalau kita lihat sebulan dua yang lepas baru-baru ini, kalau kita tengok di bursa saham. Kita lihat bagaimana saham turun mendadak. Semua ini adalah satu sikap satu perbuatan yang tidak profesional yang saya sifatkan dan ia tidak sepatutnya berlaku dalam sebuah negara kalau kita anggapkan negara kita ini hendak menuju kepada sebuah negara yang maju.

Tuan Yang di-Pertua, agihan kewangan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, suka saya sebut bahawa kewangan yang telah dibentangkan itu mestilah disalurkan kepada golongan bersasar yang secara telus...

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Yang Berhormat Pasir Puteh, boleh minta laluan? Tanjong Malim.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Ya, sila.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Puteh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma hendak tanya, tadi Yang Berhormat Pasir Puteh sebut tentang ada orang yang menyebut ada *numbers*. Kalau mengikut Yang Berhormat Pasir Puteh, itu tidak patut lah. Ini kerana itu akan menjejaskan ekonomi negara kononnya. Saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Pasir Puteh, apa yang berlaku pada bulan Februari "*Langkah Sheraton*" yang menyebabkan jatuhnya satu kerajaan yang dipilih oleh rakyat. Adakah itu patut atau tidak? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Malim. Sila Yang Berhormat Pasir Puteh.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Ya, terima kasih kepada rakan saya di mana rakan saya ini dia kena faham sistem pemerintahan dalam negara kita yang berlaku sebelum daripada ini adalah Yang Berhormat Langkawi meletak jawatan ... [*Tepuk*]. Itu sangat berbeza. Mengikut Perlembagaan, apa jua keadaan sekalipun, mesti diwujudkan seorang Perdana Menteri yang baharu. Ini berbeza. Saya tidak hendak panjangkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, kumpulan sasar yang terkesan dengan COVID-19 ini di antaranya petani, penternak, usahawan IKS, usahawan persendirian, yang membabitkan sejumlah peruntukan yang disebut oleh Yang Berhormat Port Dickson sekejap tadi kononnya petani ada potongan peruntukan kepada mereka. Kalau kita lihat di dalam ringkasan dan perbelanjaan sebenar dan anggaran mengurus dan pembangunan pada nombor 21 ini yang membabitkan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan mengurus di mana pada tahun 2018, sebanyak RM4,846,743 dan berbanding dengan tahun 2009 pada zaman pemerintahan yang lalu, peruntukan yang diberi iaitu RM4,511,810 pengurangan sebanyak RM334,932,663, satu angka yang besar.

Akan tetapi Yang Berhormat Port Dickson dia *silent* yang ini. Tadi dia sindir Yang Berhormat Menteri Kewangan ada *silent*, ada pinda. Akan tetapi bila kena atas kepala dia, dia tidak sebut juga di mana kerajaan zaman PH dahulu pun mengurangkan sejumlah yang begitu besar RM334 juta untuk para petani dan seumpamanya berbanding dengan peruntukan yang dikurangkan sedikit berbanding tahun lepas dengan tahun ini.

Ini kerana ada rasionalnya. Tahun lepas, satu peruntukan yang besar RM4.898 bilion kepada RM4.790. Itu sahaja yang dikurangkan iaitu sebanyak RM107 juta kerana infra dan seumpamanya yang telah dibelanjakan pada tahun 2020 yang kita kira mencukupi untuk tahun 2021 dan itu adalah suatu yang sangat rasional. Apa pun

saya ingin tekankan supaya para petani, penternak, usahawan IKS, usahawan persendirian diberi tumpuan oleh pihak kerajaan terutama sekali melalui agensi kerajaan yang besar, iaitu Lembaga Pertubuhan Peladang. Di mana kalau kita turun ke bawah, kita rasakan rakyat kita terlalu dahaga kepada tunjuk ajar daripada pihak kerajaan dan sedikit sumbangan daripada pihak kerajaan untuk mereka membina kekuatan ekonomi melalui sektor pertanian.

Dalam situasi sekarang ini, saya penuh yakin bahawa sektor pertanian ini boleh menjana ekonomi negara. Sekiranya kerajaan meletakkan suatu komitmen yang tinggi kepada LPP, MADA, MIDA dan agensi-agensi seumpama ini, kalau diberi fokus, saya yakin *insya-Allah*, para petani mereka bangkit dan mereka mampu menjana kekuatan ekonomi dan kekuatan ekonomi melalui pertanian ini, saya kira ia adalah kekuatan yang sangat teguh.

Di sini juga saya ingin menyinggung sedikit berkenaan dengan struktur pengurusan daripada pihak kerajaan di mana para petani sebagai contoh apabila mereka bertanam, mereka mengeluarkan hasil. Persoalannya hasil ini hendak dijual kepada siapa? Kalau buah-buahan, kerajaan belum ada lagi satu usaha yang gigih dan konsisten untuk mengambil hasil ini dan untuk dieksport ke luar negara. Jadi dalam perbahasan ini saya hendak sarankan kepada pihak kerajaan supaya mewujudkan sebuah agensi yang khusus bagi memastikan segala hasil yang dikeluarkan oleh petani, penternak dan seumpamanya ini, mereka ada saluran untuk dipasarkan sama ada di dalam negara mahupun di luar dari negara kita.

Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Menteri yang menjaga sawit, sebagai contoh. Minyak sawit, walaupun dia dihentam, apa pun dia berjaya menaikkan harga kelapa sawit dengan menerokai pasaran baharu di negara-negara yang baharu. Saya merasakan bahawa isu yang seumpama ini mesti dikembangkan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Pasir Puteh, jiran belakang.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Ya, sila, sila.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Puteh. Sawit ini memanglah orang kampung cukup gembira, mereka dapat lebih kurang RM500 ke RM600 setan buah tandan segar. Sebelum ini dalam kerajaan yang lepas, RM300, RM400. Ada pernah sekali RM270 buah tandan segar setan. Apa yang saya ingin timbulkan di sini ialah tanam semula sawit. Kerajaan yang lepas mereka tidak lagi bagi geran untuk tanam semula. Kita pernah bagi geran untuk tanam semula sawit, tetapi ditukar kepada pinjaman. Apa pandangan Yang Berhormat Pasir Puteh supaya geran bantuan untuk tanam semula ini dihidupkan kembali? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Pasir Puteh.

■1330

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Ya, terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat Pontian dan saya kira ucapan beliau ini, saya setuju dan dimasukkan ke dalam sebahagian daripada ucapan saya. Tuan Yang di-Pertua, masa sangat cemburu, saya hendak menyinggung sedikit berkenaan dengan generasi muda. Generasi muda adalah masa depan negara. Peluang pekerjaan kepada generasi muda. Bila kita sebut generasi muda, mereka tidak memiliki pengalaman yang luas untuk menerokai bidang pekerjaan. Maknanya, mereka ini perlu dipimpin oleh kerajaan secara berfokus. Generasi muda sepatutnya diberi pendidikan-pendidikan yang sesuai dengan zaman yang ada sekarang ini.

Di sudut pertanian sebagai contoh, sepatutnya generasi muda ini mencebur diri dalam bidang yang seumpama ini. Begitu juga bidang-bidang yang lain, kemahiran dan seumpamanya, yang saya hendak rumuskan iaitulah kerajaan perlu membimbing mereka, perlu memberi sokongan, memberi bantuan yang sewajarnya kepada mereka. Kepada generasi muda, di sudut pendidikan yang saya hendak singgung sedikit dalam perbahasan ini iaitu tentang pendidikan agama.

Oleh kerana negara kita Malaysia meletakkan agama Islam ini adalah agama Persekutuan. Maka, fokus kerajaan kepada pelajar-pelajar yang hendak menceburi bidang pengajian agama di luar negara, terutamanya di negara-negara Timur Tengah supaya pihak kerajaan mengambil peduli, mengambil cakna dengan menawarkan kaedah biasiswa ataupun pinjaman.

Seboleh-bolehnya biasiswa kepada mereka ini dan supaya kerajaan ini melihat umpamanya *medic*, pengajian di bidang *medic*, di bidang farmasi supaya diberi peluang kepada generasi muda, lepasan pendidikan dalam negara kita untuk mereka memilih negara-negara di Timur Tengah untuk dilanjutkan pengajian mereka. Saya kira di sudut kepakaran yang ada di Timur Tengah seperti Egypt dan Jordan. Di Egypt, teknologi kesihatan mereka, *alhamdulillah* sangat-sangat tinggi. Akhirnya, saya hendak menyinggung sedikit berkenaan dengan rangkaian jalur lebar, internet 5G. Di mana saya menyarankan supaya pihak kerajaan membina lebih banyak menara telekomunikasi yang berteraskan kepada fiber optik supaya 5G dalam negara kita ini bergerak selari dan tidak ada beza di antara kawasan bandar dengan kawasan pinggir bandar.

Apa yang berlaku, terutamanya di Kelantan, hatta ada beberapa tempat dalam bandar tidak ada internet. Jadi, minta kepada pihak kerajaan supaya mengambil

tanggungjawab ini dengan sebaik mungkin. Oleh kerana sistem ini, ia boleh menjana ekonomi negara dan membuka peluang kepada generasi muda untuk menerokai alam perniagaan melalui alam maya ini, *insya-Allah*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Masa sudah tamat Yang Berhormat.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Saya kira sekadar itu sahaja, walaupun banyak lagi yang saya hendak sebut. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: *Wa'alaikumussalam*. Terima kasih Yang Berhormat Pasir Puteh. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Shah Alam, diikuti oleh Yang Berhormat Batang Lepar. Sila Yang Berhormat.

1.33 ptg.

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. [*Membaca sepotong doa*] Pada mulanya, saya ingin mengambil perhatian pihak Dewan bahawa ini merupakan bajet yang pada julung-julung kalinya Yang di-Pertuan Agong mengeluarkan Titah untuk meminta supaya bajet ini disokong. Ramai apabila membaca Titah Yang di-Pertuan Agong, tersilap faham dan menganggap bahawa Titah itu ditujukan khusus kepada pihak pembangkang, bahawa pembangkang kena menyokong bajet ini walau apa sekalipun yang terkandung di dalam bajet ini.

Saya melihat ia adalah Titah yang ditujukan kepada pembangkang dan juga kepada kerajaan. Oleh sebab soal meluluskan bajet ini adalah satu perkara yang amat penting, yang mana mendatangkan implikasi yang buruk sekiranya ia ditolak. Maka, kerajaan berkewajipan untuk mengusahakan satu bajet yang adil, yang saksama, yang bertanggungjawab, yang inklusif, yang mendatangkan perpaduan dan kebaikan kepada seluruh masyarakat. Tanggungjawab itu kerajaan mesti melakukannya dan memenuhinya dengan sebaik yang mungkin. Sekiranya sebaliknya, bererti bahawa kerajaan telah gagal dan telah mengingkari Titah Yang di-Pertuan Agong.

Saya tidak hairan mengapa Titah itu perlu dikeluarkan. Ia perlu dikeluarkan kerana pada masa bajet ini disediakan, apa yang ada di belakang pemikiran pihak kerajaan ialah ia tidak perlu dibentang di Dewan Rakyat. Ini kerana mengikut perancangan dan harapan mereka, bajet ini akan diluluskan begitu sahaja kerana akan diisytiharkan darurat. Bila hendak diisytiharkan darurat, kita sudah tahulah bahawa bajet ini memang susah untuk mendapat sokongan. Oleh kerana kalau ia baik, bertanggungjawab, inklusif, adil, akan menghasilkan kebaikan bagi seluruh

masyarakat, tidak perlulah hendak susah payah hendak jumpa Yang di-Pertuan Agong hendak bawa supaya diisytiharkan darurat.

Bila ditolak darurat itu, maka tiba-tiba kerajaan terpaksa hendak bentang dalam Dewan Rakyat. Dalam tempoh beberapa hari sahaja hendak siapkan bajet yang mana sekarang ini bila kita lihat setelah ia dibentangkan, memang banyak yang kekurangannya dan banyak kejahatan yang terselit di dalamnya. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, *alhamdulillah* Yang di-Pertuan Agong telah menolak permohonan darurat dan telah mengeluarkan Titah supaya bajet ini disokong. Akan tetapi Baginda tidak mengatakan ataupun tidak menitahkan supaya disokong tanpa bahas. Inilah apa yang kita ingin lakukan, di mana bila kita bahas, kita harap kerajaan akan lebih prihatin dan peka terhadap segala permasalahan yang sedang dihadapi oleh rakyat.

Masalah ekonomi negara tidak akan dapat kita selesaikan dengan hanya sekadar membentangkan bajet yang kononnya adanya peruntukan untuk membantu golongan-golongan sasar yang tertentu. Masalah ekonomi negara perlu diatasi bersama dengan satu pendekatan yang menyeluruh dan sempurna, khususnya terhadap kaedah dan cara ditangani ancaman COVID-19 ini.

Ramai yang menyatakan apabila darurat tidak dapat diisytiharkan, maka diisytiharkan seakan-akan darurat apabila diisytiharkan PKPB. Di seluruh- hampir seluruh Semenanjung, kecuali tiga negeri iaitu Perlis, Kelantan dan Pahang. Sedangkan logik dan rasional di sebalik pengisytiharan PKPB itu tidak dapat diterima secara logiknya. Ramai yang telah menyebut, di Selangor ada daerah-daerah yang memang tidak ada kes, mengapa seluruh negeri Selangor diisytiharkan PKPB.

Seorang Ahli: Betul.

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Di Johor begitu juga, di negeri-negeri yang lain, di Kedah dan sebagainya, Perak pun begitu. Akan tetapi ia diisytiharkan seakan-akan untuk memenuhi kehendak, untuk menghalang pergerakan supaya masalah-masalah yang dihadapi dalam negara ini, termasuklah persoalan kerajaan yang tidak mempunyai sokongan majoriti para Ahli Dewan Rakyat dapat ditutup dan diselindungi.

■1340

Tuan Yang di-Pertua, masalah ekonomi tidak akan dapat selesai apabila kerajaan masih merupakan satu kerajaan yang terumbang-ambing bagaikan telur di hujung tanduk dan persoalan sokongan majoriti Yang Amat Berhormat Perdana Menteri masih hendak dielak. *[Tepuk]* Apa masalah dengan meletakkan usul undi tidak percaya? Kalau benar-benar ada sokongan majoriti. Apabila mengelak persoalan ini, maka pelabur manakah yang akan sanggup melabur di negara yang mana Perdana

Menterinya sendiri tidak berani untuk menghadapi undi tidak percaya di dalam Dewan Rakyat?

Walaupun dikatakan ini persoalan politik tetapi hanya yang kurang bijak yang dapat memisahkan persoalan politik daripada persoalan ekonomi. Penyelesaian yang tuntas terhadap kestabilan kepimpinan negara ialah dengan adanya seorang Perdana Menteri yang akan berani hadir di Dewan Rakyat dan menghadapi usul undi tidak percaya. *[Tepuk]*

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Yang Berhormat Shah Alam, Lembah Pantai.

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Lembah Pantai.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Terima kasih Yang Berhormat Shah Alam. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan isu keabsahan dan undi percaya ataupun kita lihat dalam Aturan Urusan Mesyuarat ada satu usul memberi kepercayaan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Adakah Yang Berhormat Shah Alam kalau kita lihat pada *Hansard*— Adakah Yang Berhormat Shah Alam tahu dan sedar pada 15 Januari 1976 iaitu 12 hari selepas beliau dilantik, Tun Hussein Onn telah membenarkan satu usul percaya dibentang di Parlimen.

Adakah Yang Berhormat juga tahu pada 31 Oktober 2003 iaitu tiga hari selepas beliau dilantik, Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi juga telah membenarkan satu usul undi percaya dibentangkan di Parlimen. Sehingga hari ini Yang Berhormat Pagoh tidak membenarkan usul undi percaya itu naik, walaupun ada tetapi corot di belakang. Apa pandangan? *[Tepuk]*

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Bezanya ialah ada kerajaan pintu belakang dan tebuk atap dan ada kerajaan yang masuk melalui pintu depan. Lalu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang masuk melalui pintu depan, dia tidak akan takut. Betul tidak? *[Ketawa]* Akan tetapi yang pintu belakang dan tebuk atap, akan sentiasa hidup dalam ke igauan dan ketakutan. Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Apa yang telah dihasilkan daripada belanjawan ini, tidak memenuhi keperluan dan kehendak suasana yang wujud dewasa ini. Kita tahu bahawa hasil daripada pelaksanaan PKPB ia mendatangkan kes yang amat buruk kepada kegiatan ekonomi. Ramai kehilangan pekerjaan dan apabila mereka hilang pekerjaan, penyelesaian yang dikemukakan *falls*

far short from what is required, dengan izin. Jauh kekurangan daripada apa yang diperlukan.

Kita memohon supaya diadakan *engagement* dengan semua pihak, bukan sekadar golongan *academician, economist, bankers* dan sebagainya. Permohonan pembangkang supaya diberikan kelonggaran berhubung dengan duit KWSP yang mana mereka yang mempunyai wang dalam simpanan, dah hilang kerja, hendak mulakan perniagaan tanpa diberikan bantuan dengan diberikan keizinan dan kebenaran untuk mengeluarkan duit daripada tabung mereka, yakni tabung simpanan mereka maka mereka tidak akan mampu melakukannya.

Bantuan RM500 sebulan yang dibenarkan itu pun hanya untuk 12 bulan dan untuk golongan-golongan yang tertentu. Sejauh mana RM500 ini boleh membantu? Hendak bayar sewa rumah lagi. Hendak bayar sewa kereta lagi. Hendak beli makan minum lagi. Ini merupakan satu angka yang dipetik daripada udara tanpa ada usul kaji dan asas yang boleh menunjukkan bahawa jumlah itu memadai. Ia tidak memadai. Kalau kita tidak menyelesaikan masalah bagi mereka yang menganggur supaya kalau mereka, di antara mereka katakanlah sebagai juruterbang. *Pilots* yang telah berhenti, mereka ada ratusan ribu dalam tabung mereka.

Akan tetapi sekarang ini mereka tidak boleh buat apa-apa. Hendak berniaga pun tidak boleh. Duit tidak ada. Hendak *start* satu syarikat, hendak *start* satu bentuk perniagaan, mereka perlukan *capital*. Mereka tidak dibantu. Begitu juga dengan syarikat-syarikat yang ramai terpaksa menanggung kerugian dan akhirnya kalau tidak dibantu, maka mereka akan terpaksa melepaskan pekerja-pekerja. Mereka telah bertahan sekian lama, dalam keadaan itu pun dah ramai yang dilepaskan. Ini merupakan satu keperluan kepada kajian yang lebih mendalam apa yang diperlukan oleh syarikat-syarikat ini supaya mereka tidak perlu melepaskan beribu-ribu pekerja.

Apa yang akan berlaku kalau mereka tidak tutup syarikat dan pekerja-pekerja dilepaskan? Ke mana mereka mahu pergi? Apabila habisnya COVID-19, hendak memulakan perniagaan itu kembali daripada *zero* adalah satu perkara yang amat sukar. Saya mengharapkan bahawa pihak kerajaan akan kaji balik dari segi isu KWSP, daripada isu bantuan kepada syarikat-syarikat, supaya membantu mereka supaya mereka boleh meneruskan perniagaan mereka.

Di *Germany* sebagai contoh. Kita difahamkan bahawa kerajaan *Germany* begitu berani hendak tentukan supaya tidak ada syarikat-syarikat yang tutup, maka kerajaan sanggup menampung 70 peratus kos gaji kakitangan syarikat-syarikat itu. Ini kerana mereka menghargai peranan syarikat-syarikat ini dalam mengerakkan ekonomi dan sebagainya.

Sambil itu, pelaksanaan PKPB ini semestinya akan mempunyai *knock-on effect*. Di Shah Alam, ada satu pasar borong iaitu Checkers, yang macam Tesco, macam Makro dan sebagainya. Bila kita pergi mereka mengeluh, kerana apa? Ini kerana tidak ada orang datang beli barang. Kenapa tidak ada orang datang beli barang? Ini kerana sekolah-sekolah bila ditutup, maka peniaga-peniaga di kantin sekolah dah tidak datang beli barang-barang untuk hendak siapkan makanan untuk anak-anak murid dan sebagainya. Ini mendatangkan kesan bukan sekadar pada peniaga-peniaga tetapi pada pembekal-pembekal. Kalau pasar raya yang sebesar Checkers itu sendiri terkesan, apatah lagi kedai-kedai runcit dan sebagainya.

Maka, keputusan untuk mengenakan PKPB perlu dikaji semula dan biarlah kita mempunyai satu pendekatan berdasarkan saintifik punya fakta dan bukan atas hendak cara yang mudah. Ia memang paling mudah serah tutup semua. Paling mudah *banned* semua. Terakhir oleh sebab masa tidak mengizinkan tadi, Yang Berhormat Lembah Pantai ambil masa saya banyak sedikit ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, sila rumuskan.

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Soal pembaziran. Kabinet yang begitu besar. Sampai 70 orang, yang jenis Kabinet yang tidak ada kerja tetapi anggota yang terbesar, langsung tidak diberi perhatian dalam belanjawan ini. Ini yang sebabnya dia tahu bahawa kita tidak akan sokong untuk meluluskannya. Itu sebab dia hendakkan darurat. Itu sebab dia minta supaya keluar titah. Akan tetapi sebenarnya soal tanggungjawab kerajaan untuk mengurangkan pembaziran.

Ini belum sebut tentang JASA lagi. Nasib baiklah PERMATA tak nak dihidupkan balik. Atas alasan JASA hendak dihidupkan balik fasal apa? Fasal wakil rakyat tidak buat kerja. Kerana apa rakyat dikatakan wakil rakyat tidak buat kerja? Ini kerana JASA inilah yang akan dihantarkan kepada setiap kawasan hendak dapatkan maklumat. Kerana apa? Wakil rakyat Perikatan Nasional tidur. Sampai JASA terpaksa dibentuk untuk hendak dapatkan *feedback* dan maklumat daripada rakyat. Sedangkan ini kerja wakil rakyat. [*Dewan riuh*]

■1350

Sudahlah ada Ahli Parlimen, ada ADUN, ada majlis perwakilan penduduk, ada persatuan penduduk, ada ketua kampung, ada berbagai-bagai agensi...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik...

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: ...Buat lagi JASA yang tidak berjasa...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik Yang Berhormat Shah Alam, masa dan cukup...

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: ...Macam permata dan kaca. Seperti mana yang permata yang kaca, JASA yang tidak berjasa...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, terima kasih...

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: ...Lalu saya rumus, dengan kalau tidak ada satu perubahan dan kesanggupan untuk mengubah belanjawan ini, kita akan tolak. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Shah Alam. Seterusnya saya ingin menjemput Yang Berhormat Batang Lupar, selama 15 minit.

1.51 ptg.

Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim [Batang Lupar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas kesempatan yang diberikan kepada Batang Lupar mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan 2021 pada kali ini.

Terlebih dahulu setinggi-tinggi tahniah saya ucapkan kepada kerajaan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin serta Kementerian Kewangan atas pembentangan belanjawan pada hari Jumaat yang lalu dengan matlamat yang cukup jelas dirangka.

Tahun 2020 dilalui dengan penuh ranjau duri, mendepani tsunami ekonomi impak daripada pandemik COVID-19. Diakui bahawa Belanjawan 2021 adalah penanda aras kebangkitan ekonomi bagi memandu negara ke landasan yang betul. Saya amat memuji langkah kerajaan meletakkan kepentingan kesihatan rakyat sebagai tempat teratas dalam keadaan ini yang mana dengan kekurangan hasil, kerajaan tidak berkompromi melindungi nyawa dan kehidupan dalam memerangi COVID-19.

Peruntukkan sebanyak RM17 bilion di bawah Kumpulan Wang COVID-19 adalah nilai yang wajar melihat kepada kesan besar pandemik ini yang boleh melumpuhkan ekonomi negara dan kesejahteraan rakyat. Ia dapat dilihat bilamana ekonomi Malaysia menguncup sebanyak 17.1 peratus dalam suku kedua tahun 2020. Penyusutan dua angka bagi suku yang terburuk sejak tahun 1998, berikutan pelaksanaan perintah kawalan tidak dijangkakan bagi membendung penularan COVID-19 dan menyaksikan ekonomi hampir tidak bergerak.

Cadangan bagi menaikkan siling Kumpulan Wang COVID-19 kepada sejumlah RM65 bilion daripada RM45 bilion sebelum ini adalah amat wajar memandangkan keadaan yang tidak menentu dan di luar kawalan. Belanjawan 2021 dilihat turut memberi fokus kepada keperluan petugas barisan hadapan yang menjadi benteng rakyat Malaysia daripada wabak COVID-19. Terima kasih kepada semua petugas

barisan hadapan ini serta wira-wira yang tidak didendangkan atas bakti pengorbanan dan keringat mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah memperuntukkan sebanyak RM4.5 bilion untuk Sarawak dalam belanjawan kali ini. Secara dasarnya, penambahan dana sebanyak RM100 juta berbanding RM4.4 bilion dalam Belanjawan 2020. Ini tidak menjadi isu kerana Sarawak turut memperoleh jumlah peruntukan besar yang tidak secara langsung diumumkan oleh Kementerian Kewangan tempoh hari.

Salah satunya ialah Sarawak telah mendapat semula peruntukan untuk penyukatan perimeter Tanah Hak Adat Bumiputera (NCR) yang dihentikan sebelum ini dalam Belanjawan 2020 yang lalu. Sarawak turut mendapat peruntukan besar yang memberi manfaat terus kepada golongan sasaran iaitu seperti peruntukan kebajikan untuk golongan penerima bantuan bulanan, peruntukan yang disalurkan kepada usahawan menerusi Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

Bukan itu sahaja, Sarawak turut mendapat agihan menerusi peruntukan yang disalurkan melalui kementerian-kementerian lain seperti Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya khususnya untuk kalangan pemain industri pelancongan, peruntukan yang disalurkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, malah juga menerusi peruntukan yang disalurkan kepada Kementerian Pendidikan.

Oleh yang demikian, bagi saya tidak timbul isu Sarawak dianaktirikan, bahkan kesemua peruntukan ini akan dapat membantu Sarawak membuat persediaan menjadi negeri maju menjelang tahun 2030 nanti seperti mana yang diilhamkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak, Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Abang Haji Openg.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 2021 dilihat menyeluruh dan meliputi segenap lapisan masyarakat. Langkah kerajaan menaikkan Pendapatan Garis Kemiskinan Nasional pada Julai lalu kepada sejumlah RM2,208 bagi setiap isi rumah daripada RM908 sebelum ini, memperlihatkan bahawa angka golongan ini boleh meningkat seterusnya menyaksikan bahawa lebih ramai yang mendapat bantuan.

Bantuan Prihatin Rakyat dengan peruntukan sebanyak RM6.5 bilion sekurang-kurangnya dapat memanfaatkan sejumlah 25 peratus daripada populasi penduduk negara. Bantuan Keluarga Prihatin yang diperkenalkan bertujuan untuk membantu masyarakat yang terdesak khususnya mereka yang terkesan akibat wabak COVID-19 diharapkan dapat memenuhi keperluan asas. Bantuan Keluarga Prihatin akan dipertimbangkan kepada setiap individu atau keluarga yang layak dengan kadar

sehingga RM1,000 sebulan pasti dapat memberikan impak positif kepada hampir seramai 400,000 rakyat yang memerlukan.

Kadar bantuan kebajikan bulanan bagi OKU, warga emas, pesakit kronik terlantar serta kanak-kanak daripada keluarga miskin sesungguhnya dapat menampung kenaikan kos sara hidup dan memastikan peningkatan kualiti dan kesejahteraan hidup penerima bantuan sedia ada.

Peruntukan dana sebanyak RM100 juta kepada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta fokus terhadap golongan wanita dalam belanjawan kali ini adalah sesuatu yang sangat dialu-alukan. Pembiayaan mikro kredit khas melalui TEKUN, MARA dan Agrobank yang dikhususkan kepada golongan wanita tepat pada masanya dalam usaha memperkasakan usahawan wanita.

Peruntukan sebanyak RM21 juta bagi penubuhan pusat sokongan sosial setempat mampu menjadi rujukan bagi wanita golongan yang teraniaya seperti berdepan isu keganasan rumah tangga, pergolakan institusi keluarga dan sebagainya kerana kebanyakan mereka ini hilang arah apabila berdepan dengan polemik rumah tangga. Dengan menambah baik sistem sokongan sedia ada, buat petugas barisan hadapan dan golongan ibu berkerjaya, peruntukan sebanyak RM30 juta yang disediakan untuk menyediakan taska di bangunan-bangunan kerajaan terutamanya di hospital dan geran padanan sehingga RM20 juta bagi sektor swasta pastinya melegakan golongan wanita serta ibu bapa kerana sistem inilah yang banyak membantu dalam rutin harian.

Kerajaan turut mengutamakan belia sebagai satu golongan sasaran dalam Belanjawan 2021. Permintaan golongan belia khususnya berkaitan kepesatan dunia digital, latihan dan skim perlindungan sosial serta peluang pekerjaan tidak pernah diketepikan. Melalui belanjawan ini, golongan belia haruslah merebut peluang terutamanya dalam ekonomi digital kerana sektor ini bukan sahaja mampu mencapai pendapatan lumayan, malah ia melangkaui sebagai satu gaya hidup yang mana kebergantungan terhadap dunia digital amatlah tinggi.

■1400

Tuan Yang di-Pertua, angka besar yang diterima oleh sektor pertanian, perladangan dan perikanan jelas menunjukkan sektor ini begitu penting apabila mempamerkan unjuran serta perkembangan positif dengan menyumbang 7.1 peratus pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia. Inisiatif kerajaan yang memberikan tumpuan khusus kepada sektor itu dilihat mampu memberikan sinar baharu kepada penternak, petani dan nelayan untuk mereka menaik taraf kehidupan selain pemangkin mengurangkan kebergantungan negara. Peruntukan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat, sepatutnya kita berhenti pukul 2.00 petang, tetapi saya menggunakan Peraturan Mesyuarat 12(3) untuk melanjutkan maksimum 15 minit dan saya benarkan untuk sambung empat minit 52 saat lagi. Teruskan Yang Berhormat.

Dato Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim [Batang Lupar]: Terima kasih. Peruntukan RM1.7 bilion yang diumumkan akan dapat membantu golongan ini termasuk pelbagai subsidi, insentif, bantuan dan elaun yang terdiri daripada subsidi harga padi, subsidi baja padi, subsidi benih padi sah, insentif pengeluaran padi dan insentif bersasarkan nelayan.

Sarawak pula berpotensi besar untuk berkembang kukuh pada masa hadapan dalam industri ini. Perkara ini dilihat susulan peningkatan permintaan dari Singapura terhadap produk makanan dari Sarawak. Salah satunya ialah jenis sayuran paku-pakis yang dinamakan midin yang berjaya dieksport ke Singapura selain ikan patin dan ikan talapia serta khinzir yang bernilai RM70 juta tahun ini.

Bercakap mengenai projek jelapang padi di kawasan Batang Lupar, saya ingin menarik perhatian Kerajaan Persekutuan untuk meneruskan projek seluar 5,100 hektar ini. Projek jelapang padi Batang Lupar ini adalah yang pertama di Sarawak yang telah diwujudkan pada tahun 2014 dan masih memerlukan pembangunan infrastruktur selain sistem perparitan dan sistem pengairan. Sekiranya projek jelapang padi ini diteruskan, ia mampu menjadi penyumbang besar kepada jumlah pengeluaran beras negara dan dalam erti kata lain, Malaysia mungkin tidak perlu mengimport beras dari luar lagi. Hal ini memberi makna yang Sarawak mempunyai masa depan yang cerah dalam sektor pengeluaran makanan. Oleh hal yang demikian, bagi memodenkan sektor pertanian di Sarawak, kerajaan negeri telah meluluskan peruntukan besar berjumlah RM797 juta tahun ini iaitu pertama kali dalam sejarah negeri.

Tuan Yang di-Pertua, sudah hendak sampai habis sudah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik.

Dato Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim [Batang Lupar]: Sekolah merupakan institusi terpenting yang dapat membentuk sahsiah dan keperibadian anak-anak. Justeru, keadaan fizikal sekolah memainkan peranan yang penting dalam perkara ini. Infrastruktur kebanyakan sekolah khususnya di luar bandar sangat daif, malah ada yang sudah tidak selamat untuk dijadikan sebagai bilik darjah. Justeru, saya sangat berharap perkara ini akan mendapat perhatian yang sewajarnya daripada Kerajaan Persekutuan dan tidak keterlaluan bagi saya untuk mengharapkan tiada lagi sekolah yang berkeadaan uzur serta kekurangan daripada aspek infrastruktur di Sarawak pada masa yang akan datang.

Seperkara tentang bank bergerak yang diumumkan. Realiti apa yang berlaku di Sarawak terutamanya di kawasan luar bandar, mereka perlu beratur panjang di bank untuk mendapatkan wang bantuan ekoran kekurangan perkhidmatan bank di kawasan ini. Malah, ada yang sanggup menunggu dan tidur di luar bank seawal jam 4.00 pagi bagi mengelak untuk beratur di barisan yang panjang. Pengumuman kerajaan untuk memperluaskan perkhidmatan bank bergerak di Sabah dan Sarawak seperti yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Sarawak sebelum ini adalah satu langkah yang cukup prihatin.

Tuan Yang di-Pertua, syabas diucapkan kepada kerajaan kerana Malaysia buat pertama kalinya menyelaras belanjawannya sejajar dengan 17 Matlamat Pembangunan Lestari (SDGs) bagi membolehkan rakyat negara ini melangkah ke masa hadapan yang lebih makmur, lestari dan inklusif.

Dana Amanah Malaysia-SDG atau MySDG *trust funds* yang akan ditubuhkan kerajaan dengan kerja sama strategik PBB di Malaysia dilihat akan menyediakan platform menyelaras pembiayaan daripada sumber awam dan swasta dengan lebih sistematik. Dengan itu, pelbagai pihak sama-sama dapat menyumbang dan terlibat dalam melengkapkan dan menentukan SDG tercapai menjelang tahun 2030. RM5 juta yang diperuntukkan bagi menyokong program-program SDG yang dilaksanakan oleh Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia turut menjadi pemangkin kepada usaha pembangunan lestari di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat optimis bahawa Belanjawan 2021 akan meningkatkan ekonomi negara ke paras yang lebih baik berdasarkan penyediaan insentif luar biasa, pelan dan kerangka pemantapan program serta pelbagai peluang pekerjaan baharu. Ia antara lain bakal melonjakkan Malaysia sebagai hab pelaburan asing.

Batang Lupar sangat mengharapkan agar kesejahteraan dan keselamatan rakyat sentiasa menjadi keutamaan dan diberi perhatian khususnya kepada masyarakat luar bandar, petani, nelayan, kaum wanita, belia, kanak-kanak dan warga emas. Begitu juga kepada pemimpin di dalam komuniti, perkhidmatan barisan hadapan serta pasukan keselamatan yang pastinya mendapat penuh manfaat daripada Belanjawan 2021 ini.

Dunia tidak lengkap dengan COVID-19 selagi vaksin tidak ditemui. Kos melebihi RM3 bilion yang dianggarkan untuk membeli bekalan vaksin dianggarkan mencukupi bagi menampung keperluan rakyat. Saya percaya bagi ahli keluarga yang ramai, kos vaksinasi yang boleh ditanggung sedikit sebanyak akan membebaskan.

Belanjawan 2021 merupakan cerminan belanjawan yang amat prihatin serta bersasar kepada rakyat yang sangat memerlukannya terutamanya dalam situasi

pandemik COVID-19 dan krisis ekonomi. Dengan peruntukan sebanyak RM322.5 bilion yang menjadikannya sebagai bajet terbesar dalam sejarah negara, belanjawan ini dapat memberi impak yang tinggi selaras dengan nilainya yang cukup besar terutama apabila COVID-19 akan terus memberikan kesan kepada ekonomi negara untuk tahun hadapan. Batang Lupa berdiri menyokong Belanjawan 2021. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Batang Lupa. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi esok, Selasa, 10 November 2020. Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat.

[Mesyuarat ditangguhkan pada jam 2.08 petang]